

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

## **PARLIAMENTARY DEBATES**

### **DEWAN NEGARA** *Senate*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGALKEDUA**  
*Second Session*

**Jilid II**

**Bil. 4**

**Hari Khamis**

**31hb Mac, 1988**

#### **KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**(Ruangan 1)**

**USUL-USUL:**

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda  
Yang di-Pertuan Agong- T.B. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim (Ruangan 34)**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada  
Peraturan Mesyuarat**

**(Ruangan 109)**



MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 31hb Mac, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**UNIVERSITI TERBUKA**

**1. Tuan Abdul Manap bin Hashim** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah rancangan Universiti Terbuka dapat diadakan. Ini memandangkan makin ramai yang mempunyai kelayakan masuk ke universiti. Dengan adanya Universiti Terbuka ini matlamat Kerajaan untuk melahirkan rakyat yang berilmu dan berkelulusan tinggi akan tercapai, lagi pun kos pengajian di luar negeri sekarang amat tinggi bagi yang kuraag berkemampuan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Woon See Chin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih ke atas cadangan yang diberi dari Yang Berhormat tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan Universiti Terbuka di negara ini. Masalah untuk menampung lebih ramai lagi pelajar dapat diatasi dengan cara memperkembangkan kemudahan yang terdapat di institusi pengajian tinggi tempatan seperti pembesaran kampus induk, penambahan kampus-kampus cawangan, penubuhan jabatan-jabatan serta pusat pengajian yang baru dan juga penambahan kursus-kursus baru.

**Dr. Nordin Selat:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu berapa ramaikah penuntut-penuntut yang memohon masuk ke universiti-universiti dan berapakah yang diterima masuk.

**Tuan Woa See Chia:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat angka-angka di sini dan izikan, saya memohon menjawab soalan itu secara bertulis.

**Tuan Koh Im Pin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dapat tahu yang tahun ini ramai pelajar akan diserap masuk ke universiti-universiti tempatan. Berapakah pertambahan peratus pelajar berbanding dengan tahun lepas. Adakah pengambilan pelajar-pelajar kaum Cina dan kaum India akan bertambah. Saya berharap Kerajaan akan mengambil mereka yang berkelayakan tanpa mengira kaum.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan berhasrat untuk menambah 20% lebih pelajar untuk memasuki institusi pengajian tinggi tahun ini dibanding dengan tahun 1987. Dan berkaitan dengan cadangan untuk menambah pelajar-pelajar kaum Cina dan India itu, kita akan mematuhi satu formula yang sudah dipersetujui oleh semua parti komponen Barisan Nasional iaitu 45% akan disimpan untuk pelajar-pelajar yang bukan bumiputera. Oleh sebab pelajar-pelajar untuk tahun ini akan bertambah sebanyak 20% maka memanglah pelajar yang bukan bumiputera akan bertambah juga.

**Puan Habidah binti Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Walaupun Kerajaan tidak bercadang untuk membuka Universiti Terbuka tetapi tidakkah pihak Kerajaan bercadang untuk mengadakan sebuah universiti atau cawangannya di Negeri Terengganu memandangkan di negeri ini tidak pun ada sebuah universiti ataupun cawangannya.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, dalam rancangan Kementerian Pendidikan kita hendak di tiap-tiap negeri akan ditubuhkan satu universiti atau satu kampus universiti dan memanglah ini sudah ada dalam rancangan.

**Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah:** [Bangun]

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yaag di-Pertua, soalan tambahan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Haji Mohd. Noor dahulu

**Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah** :Tuan Yang di-Pertua  
saya minta Timbalan Menteri Pendidikan memberi kenyataan apakah  
sebab universiti yang telah pua diura-urakan oleh Kerajaan dan  
telahpun membayar tanah di Bachok, Kelantan tetapi tidak dibuka  
Apakah sebab dan kalau ada cadangan hendak membuka, bilakah pihak  
Kementerian Pendidikan hendak membukakan universiti itu.

**Tuan Woon See Chin** :Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, saya  
tidak dapat memberi satu jawapan yang sangat jelas dan saya akan  
semak kes ini dan akan mendapat satu makluman yang sebenar-benar  
jelas untuk Yang Berhormat.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan memaklumkan Dewan yang mulia ini jumlah penuntut-penuntut yang diambil bagi tahun yang lepas mengikut keturunan kaum di universiti-universiti di negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya fikir dia sudah jawab itu tidak dapat. Is it correct? You can't have the figures right now. The same question has been asked just now. Dia sudah jawab, kenapa tidak dengar bila dia jawab tadi? [Ketawa]

#### LESEN MENGILANG SAMSU/MINUMAN KERAS

2. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (i) jumlah lesen yang dikeluarkan kepada pembuat samsu dan minuman keras di negara ini;
- (ii) tindakan-tindakan yang diambil terhadap pembuat samsu dan pengedarnya yang tidak berlesen di negara ini; dan
- (iii) tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk menghalang pasaran samsu haram di kedai-kedai seluruh negara ini.

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Loke Yueo Yow]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Jumlah lesen yang telah dikeluarkan untuk mengilang samsu dan minuman keras setakat ini ialah sebanyak 15 buah.
- (ii) Tindakan yang diambil oleh Jabatan Kastam dan Eksais Di-Raja terhadap pembuat dan pengedar samsu yang tidak berlesen ialah untuk mendakwa mereka di mahkamah. Suka saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa dalam tahun 1987 sebanyak 8 kes telah dibawa ke mahkamah.

- (iii) Untuk membanteras pasaran samsu haram; Jabatan Kastam dan Eksais Di-Raja sentiasa menjalankan operasi terhadap aktiviti-aktiviti perniagaan samsu haram dari semasa ke semasa. Tindakan juga dibuat berdasarkan maklumat yang diperolehi dari orang ramai.

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sedarkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan bahawa yang minum samsu ataupun minuman keras dalam plastik senang dijual di kedai-kedai runcit di estet. Beberapa badan sosial dan masyarakat serta persatuan pengguna telahpun menyeru kepada Kementerian Kewangan supaya mengharamkan samsu atau minuman keras yang dijual dalam plastik, ini oleh kerana dia jual 80 sen di kedai-kedai runcit. Inipun macam dadah juga. Adakah cadangan daripada Kementerian Kewangan supaya minuman keras yang dijual di dalam plastik ataupun samsu yang dijual dalam plastik itu supaya diharamkan?

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya telah jawab dalam jawapan asal saya tadi. Kerajaan sentiasa mengambil perhatian yang berat terhadap aktiviti-aktiviti membuat dan mengedar samsu haram. Jikalau samsu yang dijual dalam bentuk plastik beg itu adalah keluaran daripada kilang yang haram, Kementerian Kewangan serta pihak Kastam dan Eksais Di Raja akan mengambil tindakan. Tetapi walau bagaimanapun, seperti peribahasa kata: di mana ada gula, di sana ada semut [Ketawa], jadi susahlah bagi Kerajaan menghapuskan aktiviti ini 100%. Jikalau hendak menyelesaikan masalah ini haruslah Kerajaan menghapuskan punca, iaitu kilang-kilang yang

haram. Jadi Kementerian Kewangan menyerulah Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini supaya menggunakan pengaruh mereka menyeru rakyat supaya Kementerian Kewangan serta Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja boleh mendapat maklumat yang lebih daripada orang ramai supaya tindakan yang lebih berkesan dapat diambil terhadap punca, iaitu kilang-kilang samsu haram.

**Puan Aion binti Ariffin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana cerita 'ada semut, ada gula' tadi, tidakkah pihak Kementerian yang berkenaan atau Kementerian lain yang bertanggungjawab hendak melancarkan kempen anti najis samsu pula?

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada cadangan yang dikemukakan. Saya akan mengambil perhatian.

#### PERSATUAN BEKAS PERAJURIT MALAYSIA - BANTUAN

**3. Lt.Kol.(B) Abdul Hamid bin Ibrahim** minta Menteri Pertahanan menyatakan sebab-sebab mengapa Kementerian Pertahanan tidak membuat peraturan tetap supaya sebahagian daripada keuntungan yang diperolehi oleh PERNAMA didermakan kepada Persatuan Bekas Perajurit Malaysia khususnya untuk memberi bantuan kepada bekas-bekas perajurit dan tanggungan mereka yang kurang bernasib baik.

#### **Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu**

**Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, peranan utama Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) ialah untuk menjual barang-barang pengguna di dalam Kem dan Kompleks Angkatan Tentera khusus untuk anggota-anggota Angkatan Tentera dan ahli keluarga mereka dengan harga yang lebih murah dari kedai-kedai biasa.

Sebagai satu perbadanan yang ditubuhkan oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera sebahagian dari keuntungan yang diperolehi dari operasi PERNAMA dikembalikan kepada Lembaga Tabung sebagai dividen

ke atas pelaburan Tabung di dalam PERNAMA, Dividen-dividen yang diterima dari semua pelaburan Tabung, termasuk dividen dari PERNAMA digunakan untuk pembayaran dividen kepada semua pencarum-pencarum Tabung yang diisytiharkan setiap tahun. Wang caruman dan keuntungan terkumpul dikembalikan sekaligus kepada pencarum apabila mencapai umur 50 tahun selepas mereka tamat perkhidmatan atau meninggal dunia.

Lembaga Tabung Angkatan Tentera juga mengadakan satu faedah secara langsung untuk pencarum-pencarum melalui Skim Kematian dan Hilangupaya. Skim ini telah dilaksanakan bagi membolehkan semua pencarum atau warisnya mendapat sejumlah wang apabila pencarum menamatkan perkhidmatan akibat dari hilang akal atau upaya atau meninggal dunia semasa di dalam perkhidmatan. Jumlah wang yang dibayar di bawah skim ini di samping pemulangan caruman dan dividen terkumpul, akan dapat membantu keperluan mereka setelah tamat perkhidmatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Tabung Angkatan Tentera melalui PERNAMA telahpun menyediakan sumbangan khas tahunan kepada Tabung Terkumpul Kementerian Pertahanan (Consolidated Welfare Fund) yang mana badan kebajikan berkenaan menyalurkan bantuan kepada perajurit-perajurit dan bekas perajurit melalui Persatuan Bekas Perajurit Malaysia. Di sini jelas menunjukkan bahawa PERNAMA memang memainkan peranan dalam membantu bekas-bekas perajurit secara tidak langsung.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya berhubung kait dengan PERNAMA, apakah benar mereka yang telah bersara dari tentera tidak lagi mempunyai hak untuk membeli-belah atau menikmati 'special discount, dengan izin, atau tidak boleh lagi membeli-belah di PERNAMA. Kalau benar, mengapa demikian adanya? Dan tidakkah pihak Kementerian bercadang untuk membenarkan semua bekas-bekas perajurit ini kembali membeli-belah atau menggunakan hak mereka di PERNAMA?

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, bekas-bekas perajurit dan juga rakyat biasa boleh membeli barang-barang, kalau tak silap saya, dari bebetapa buah kedai-kedai PERNAMA yang tertentu di mana mereka tidak menjual barang-barang kecuali dari cukai atau 'tax exempted goods', dengan izin. Selain daripada itu, Kementerian Pertahanan sekarang membuat satu kajian di mana kita hendak memberi peluang kepada bekas-bekas perajurit dan balu-balu mereka untuk membeli barang-barang dari kedai PERNAMA seperti juga anggota-anggota tentera biasa.

**Tuan R.M. Jasni:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan atau terutamanya Kementetian Pertahanan mempunyai maklumat tentang bilangan bekas perajurit yang dianggap tidak bernasib baik, ertinya, bilangan yang dianggap susah yang memerlukan pertolongan atau bantuan?

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, saya memerlukan notis kerana saya tidak ada mempunyai maklumat sekarang berkenaan dengan soalan ini.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membuat pertanyaan, adakah boleh bekas-bekas perajurit ini menjadi ahli seterusnya supaya mereka mendapat dividen berpanjangan? Maksud saya, apabita mereka telah tamat perkhidmatannya, mereka boleh lagi menjadi ahli PERNAMA supaya mereka mendapat perolehan dividen daripada hasil masuk menjadi ahli PERNAMA.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebut dalam jawapan asal saya, fungsi Lembaga Tabung Angkatan Tentera ialah untuk anggota-anggota, khasnya anggota-anggota lain-lain pangkat dan seperti juga di pihak swasta, pekerja-pekerja memberi potongan gaji mereka kepada EPF, tetapi untuk Angkatan Tentera ialah kepada LTAT. Jadi, apabila mereka tamat perkhidmatan dalam tentera, mereka dapat mengambil kembali potongan yang dibuat semasa mereka berkhidmat. Jadi, soalan Ahli Yang Berhormat itu tidak timbul berkenaan dengan bekas-bekas perajurit yang masih hendak melabur lagi dalam LTAT.

**Lt .Kol.(B) Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim:** Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa sebahagian daripada keuntungan PERNAMA telahpun didermakan kepada Tabung Kebajikan Terkumpul Angkatan Tentera Malaysia .Jadi, saya ingin tahu berapa banyakkah keuntungan yang telah diberi. atau telah didermakan kepada Tabung ini dan berapa banyak pula daripada wang tersebut telah didermakan kepada Persatuan Bekas Perajurit Malaysia.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah difahamkan bahawa PERNAMA telah menderma kepada Tabung Terkumpul Kementerian Pertahanan atau dengan izin, Consolidated Welfare Fund dari mereka telah mendermakan kepada Persatuan. Bekas Perajurit sebanyak \$10,000.

**Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih:** Tuan Yang di-Pertua, atau soalan. Saya ingin bertanya sama ada pihak Kementerian dapat tahu iaitu perajurit-perajurit yang dapat membeli barang murah daripada Kedai PERNAMA ini menjual pula kepada orang awam, semata-mata kerana untuk mendapat satu keuntungan. Adakah berlaku, kalau berlaku, adakah pernah diambil tindakan terhadap mereka .

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** TuanYang di-Pertua, sebelum PERNAMA mengambil alih daripada NAAPI, aktiviti-aktiviti seperti yang disebut oleh Yang Berhormat itu sering berlaku. Apabila PERNAMA mengambil-alih kegiatan ini daripada NAAFI, kita dapat mengurangkan aktiviti-aktiviti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu, Jikalau kita dapati bahawa mereka salahgunakan kemudahan-kemudahan yang diberi oleh Kerajaan, kita akan mengambil tindakan yang sekeras-kerasnya kepada mereka .

**HICOM INDUSTRIES**

**4. Tuan Lim Heng Tee** minta Perdana Menteri menyatakan apakah faedah yang mungkin akan dibawa daripada pembentukan HICOM Industries sungguhpun setakat ini syarikat ini telah menghadapi kerugian yang besar.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah bin Gaddam]:** Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan projek-projek industri berat membawa banyak faedah sosio-ekonomi, antaranya adalah :

- (i) Menggalakkan pertumbuhan industri. sokongan dan sampingan;
- (ii) Mempercepatkan pembangunan kawasan kurang maju;
- (iii) Mempertingkatkan lagi pembangunan intrastruktur;
- (iv) Menggalakkan pemindahan teknologi dan peninggian kemahiran;
- (v) Mempertingkatkan penggunaan sumber-sumber tempatan;
- (vi) Menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam perdagangan dan perindustrian melalui pembukaan peluang-peluang perdagangan baru; dan
- (vii) Penjimatan pengaliran keluar wang ke negara asing.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah berapakah kerugian yang dialami oleh HICOM sehingga akhir tahun 1987.

**Tuan Kasitah bin Gaddam:** Tuan Yaog di-Pertua, mengikut auditan akaun yang ada pada saya, tidak ada kerugian. HICOM sebagai satu syarikat untung sebanyak \$46 juta.

**Tuan Hassan bin Harun:** Soalan tambahan saya ialah sejauh manakah projek-projek HICOM yang didapati gagal mencapai cita-citanya di peringkat ini telah direview dan untuk diperbaiki.

**Tuan Kasitah bin Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, semua syarikat-syarikat hak-milikan anak-anak syarikat HICOM sentiasa diawasi oleh Kerajaan dan pengawasan itu sentiasa diberi dan Kerajaan sentiasa memberi pandangan dan meminta pihak ICU dan juga IPU di Jabatan Perdana Menteri untuk memberi nasihat-nasihat selain daripada pakar-pakar yang ada dalam syarikat itu sendiri.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri, apakah projek-projek yang dijalankan oleh HICOM setakat ini.

**Tuan Kasitah bin Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, HICOM sekarang ini mempunyai lebih-kurang 15 syarikat dan 15 syarikat ini mempunyai aktiviti-aktiviti yang berlainan, termasuklah pemegang harta-benda dan juga pembangunan harta-benda, mengeluarkan pembekalkan alat-alat acuan, pengeluaran pemasangan dan jualan kenderaan bermotor seperti PROTON, EON dan banyak lagi yang lain. Semua saya ada 15. Kalau dibaca disini boleh juga sebab saya ada maklumat ini. Kalau tidak, saya boleh kirimkan kepada Yang Berhormat. Boleh saya baca semua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawab dengan surat [Ketawa] .Kita tidak mahu membuang masa, banyak lagi yang hendak bertanya.

**Lt.Kol.(B) Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya oleh sebab banyak projek-projek yang dijalani oleh HICOM, jadi, kita juga telah mendengar bahawa HICOM telah membuat keuntungan sebanyak \$46 juta, jadi, kalau boleh terangkan di mana keuntungan itu datang, daripada projek mana dan di mana pula kerugian di dalam HICOM.

**Tuan Kasitah bin Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, keuntungan HICOM itu ialah HICOM sebagai syarikat sendiri. Jadi, kalau kita ambil

kira daripada keuntungan HICOM sebagai holdings company itu berlainan kerana semua syarikat-syarikat yang 15 itu separuhnya ada yang menguntungkan dan separuhnya tidak menguntungkan dan ada juga yang tidak aktif sekarang ini.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Syarikat yang tidak aktif itu adakah dicadangkan hendak ditutup?

**Tuan Kasitah bin Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, kita sedang membuat satu kajian yang terperinci mengenai aktiviti-aktiviti dan juga pengendalian syarikat ini, di mana tidak perlu akan ditutup, di mana yang kalau sekiranya ia boleh diselamatkan, kita akan selamatkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lagi? [Ketawa]

#### NILAI YEN

5. **Tuan Dahlan bin Haji Embun** minta Menteri Kewangan menyatakan sekadar manakah kesan kenaikan nilai yen terhadap ekonomi negara kita.

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:** Tuan Yang di-Pertua, kenaikan nilai yen berbanding dengan nilai ringgit sejak akhir tahun 1985 sehingga sekarang ialah sebanyak 40.9 peratus. Kenaikan nilai yen yang begitu tinggi telah memberi beberapa kesan ke atas ekonomi negara kita. Nilai import barangan dan perkhidmatan dari Jepun dalam nilai ringgit menjadi bertambah tinggi dan mahal. Akibatnya, harga barang-barang yang diimport ini telah meningkat, terutamanya barang-barang elektrik, mesin dan peralatan. Ini telah mengurangkan jumlah import-import kita dari Jepun di mana jumlahnya telah berkurangan sebanyak 19 peratus pada tahun 1985 dan 18.3 peratus pada tahun 1986.

Walau bagaimanapun, dalam tahun 1987, jumlah import telah meningkat sedikit sebanyak 21 peratus sungguhpun nilai yen masih tinggi dibandingkan dengan nilai ringgit. Kenaikan nilai

yen ini juga menyebabkan jumlah hutang negara yang berasaskan Yen bertambah kerana jumlah pembayaran balik pinjaman pokok dan faedah akan meningkat.

Walau bagaimanapun kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk membayar balik dahulu atau dengan ini prepayment pinjaman-pinjaman luar negeri serta memperolehi pinjaman-pinjaman yang lebih murah bagi mengurangkan kadar pertambahan pinjaman Yen. Kenaikan nilai Yen ini juga sedikit sebanyak telah memberi kebaikan kepada ekonomi negara kita, terutamanya dalam meningkatkan persaingan eksport dan menarik lebih ramai pelabur-pelabur Jepun melabur dalam ekonomi kita.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah hubungkaitnya kenaikan nilai yen dengan kenaikan harga Proton Saga?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu tidak kena-mengena.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak ada kaitan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, I agree with you - betul [Ketawa]. Sudah berapa kali saya minta kalau buat soalan tambahan, tanya atas soalan asal, bukan buat soalan yang baru.

#### HOSPITAL JABATAN HAL EHWAL ORANG ASLI - JAWATAN TINGKATAN TERTINGGI 'G'

6. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Kesihatan menyatakan iaitu adakah pihak Kementerian Kesihatan sedar atau tidak yang satu jawatan Skel 'G' telah wujud di Hospital Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Gombak sejak tahun 70an lagi, jika sedar apakah sebabnya jawatan tersebut tidak pernah diisi sehingga sekarang, hanya diberi pegawai tanggung kerja sahaja (acting) adakah ini kerana pegawai perubatan yang ada di Kementerian tidak cukup service untuk dilantik ke jawatan tersebut atau sebaliknya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Cik Teng Gaik Kwan]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedar tentang adanya satu jawatan Pegawai Perubatan Tingkatan-tertinggi 'G' di Hospital Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Gombak. Jawatan tersebut adalah di bawah pentadbiran Jabatan Orang Asli dan Jabatan itulah yang harus mengambil tindakan apabila perlu.

#### PELABUR ASING - KEUTAMAAN

7. **Tuan Mohd. Wajdi bin Dato' Haji Ishak** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang dalam usaha-usahanya menggalakkan pelabur-pelabur luar negeri melabur di negara ini akan meraberi keutamaan dan kebenaran pelabur-pelabur tersebut mendapatkan taraf Pendudukan Tetap (Permanent Resident). Apakah syarat serta peraturan yang akan dikenakan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk menggalakkan pelabur-pelabur asing ke negara ini, Kerajaan tidak meraberi keutamaan kepada pelabur-pelabur asing untuk mendapatkan taraf Pendudukan Tetap (Permanent Resident). Walau bagaimanapun, Kerajaan ada mempertimbangkan permohonan seperti ini. berdasarkan kepada keperluan dan kepentingan negara dan merit seseorang.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Timbalan Menteri yang berkenaan menjawab, kalau ada di antara pelabur-pelabur yang datang itu bujang, tiba-tiba dia. berkahwin di Malaysia, bagaimana dengan kedudukannya di negara ini?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun pelabur itu berkahwin dengan orang tempatan, beliau terpaksa mengikut undang-undang negara ini, dan menunggu masa, apabila kita merasakan bahawa boleh dipertimbangkan, barulah dipertimbangkan untuk mendapat Permanent Resident.

#### SKIM ASN - PELABURAN

**8. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah bilangan orang-orang yang layak melabur dalam Skim Amanah Saham Nasional (ASN) yang telah menggunakan kemudahan pinjaman-pinjaman bank bagi tujuan melabur dengan ASN, Adakah sambutan orang ramai menggalakkan atau masih perlu dipertingkatkan lagi.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga 29hb Februari, 1988 seramai 106,247 permohonan dengan nilai sejumlah \$1,415.2 juta telah mendapat kemudahan-kemudahan pinjaman daripada 16 buah bank dan institusi kewangan. Di samping itu dua buah Kerajaan Negeri juga telah mengeluarkan pinjaman untuk pelaburan dalam ASN iaitu Terengganu dengan 6,153 permohonan bernilai \$6.1 juta dan negeri Selangor dengan 4,465 permohonan bernilai \$4.4 juta.

Mengenai sambutan orangramai terhadap Skim ASN, ia adalah menggalakkan dan mencapai kejayaan jauh melebihi jangkaan semasa skim ini dilancarkan. Setakat ini jumlah pelabur-pelabur dalam ASN adalah 2.3 juta orang dengan jumlah pelaburan sebanyak \$2,801.7 juta.

Bagaimanapun, pihak ASN akan terus berusaha untuk meningkatkan penyertaan dan pelaburan bumiputeca dalam Skim ini dengan tujuan supaya lebih ramai lagi daripada masyarakat bumiputera akan menikmati faedah dari pengagihan pulangan menerusi bayaran dividen dan bonus setiap tahun daripada pelaburan dalam sektor korporat.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, golongan manakah yang banyak sekali membuat pelaburan, sama ada daripada para petani ataupun pegawai-pegawai Kerajaan ataupun lain-lain bahagian?

**Tuan Othman bin Abdul:** Soalan ini mengenai dengan golongan yang ramai, kalau bilangan yang ramai itu ialah orang awam yang ramai, tetapi jumlah pelaburan itu adalah daripada golongan orang yang berpendapatan tetap di dalam negara kita ini.

**Tuan Hassan bin Nam :** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah Kerajaan bercadang untuk menambah pelaburan yang sedang dihadkan iaitu \$50,000 ke angka yang lebih daripada yang ada sekarang?

**Tuan Othman bin Abdul:** Kerajaan boleh menimbangkan pernohonan untuk menaikkan had maksimum seperti yang ada sekarang sebanyak \$50,000. Kerajaan boleh menimbangkannya.

**PAKAIAN CELORENG ASKAR**

**9. Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kenapakah kain-kain dan pakaian-pakaian celoreng askar dijual dengan bebas dalam negara kita. Tidakkah Kementerian yang berkenaan meragui di atas penggunaannya.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Polis akan mengambil tindakan pemeriksaan sekiranya ada laporan mengenai penjualan pakaian seragam dan peralatan pasukan keselamatan tanpa kebenaran. Tindakan tegas mengikut lunas undang-undang akan diambil ke atas mereka yang terlibat.

**Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Terdapat terutama sekali di sempadan di negeri saya, pakaian-pakaian ini juga dijual dengan bebas kepada kanak-kanak, adakah ini untuk menggalakkan anak-anak kita menjadi askar? [Ketawa]

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya takrif undang-undang tentang pakaian seragam celorong-celoreng ini ada mempunyai takrif yang tertentu. Ia mesti lengkap, kadang-kadang yang dijual itu tidak lengkap, seluar cara lain, baju cara lain, yang mana tidak serupa dengan takrif pakaian celorong-celorong sepertimana dalam pasukan Polis dan pasukan Tentera. Jadi, kadang-kadang kita sebagai rakyat biasa ingat asalkan berconteng-conteng itu ialah merupakan takrif yang ditakrifkan oleh Kerajaan tetapi yang sebenarnya tidak.

**Tuan Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat, berapa orangkah yang telah didapati melakukan perkara-perkara yang tidak diinginkan dengan memakai pakaian askar itu?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh memberi jawapan berapa bilangannya kerana sampai hari ini pihak Polis dan Tentera tidak pernah menerima laporan tentang hal ini.

**Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan kenyataan beliau bahawa pihak Polis akan mengambil tindakan. Setahu saya, undang-undang untuk memakai pakaian celoreng ini telah pun wujud beberapa tahun yang lampau. Jadi, apakah masalah-masalahnya tindakan tidak dapat diambil sehingga pada hari ini?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob :**Tuan Yang di-pertua, memanglah mengikut undang-undang Akta Kesalahan-kesalahan Kecil 1955, Seksyen 25(a)(1) sesiapa yang memakai akan didenda \$500 atau penjara tidak lebih 6 bulan; dan Seksyen 25(a)(2) sesiapa yang membuat, mengilang, menjual, membeli, mengimport dan mengeksport tanpa kebenaran bertulis daripada Menteri, akan didenda \$1,000 atau 12 bulan penjara. Yang menjadi masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah tidak ada laporan yang dapat pihak Polis bertindak atas perkara ini. Memang kadang-kadang ada orang pakai seluar celorong-celoreng tetapi baju dia pakai baju putih biasa; selain daripada itu ada yang pakai baju tetapi seluar biasa, jadi susah kita hendak takrifkan.

**Tuan Pandikar Amin bin Haji Mulia:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Menurut jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri tadi rupa-rupanya Polis cuma bertindak kalau sekiranya ada laporan. Soalan saya ialah kenapakah pasukan Polis ini tidak boleh bertindak kalau tidak ada laporan daripada umum tetapi menyiasat sendiri?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai 75,000 anggota bagi 15 juta rakyat dan negara kita begitu besar. Kalau kita memberi keutamaan kepada hal hendak mencari orang pakai celorong-celoreng [Ketawa], maka keutamaan itu saya ingat bukanlah keutamaan yang diperlukan. Dengan sebab itu, kita berkehendakkan kerjasama daripada pihak orangramai untuk membantu pihak Pasukan Polis untuk kita bertindak.

**SISWAZAH MENGGANGGUR**

**10. Dato Haji Zakaria bin Haji Yahaya** minta Perdana Menteri menyatakan sehingga 31hb Disember, 1987 berapa jumlah sebenar siswazah menganggur di negara ini dan berapa pula dari mereka yang telah dibantu oleh Kerajaan dan swasta untuk mendapat pekerjaan atau disalurkan ke bidang-bidang tertentu seperti bidang pertanian dan lain-lain. Bagaimana pula kemajuan yang mereka capai dalam bidang-bidang tersebut.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, adalah agak sukar untuk ditentukan dengan tepat jumlah siswazah yang menganggur pada 31.12.1987. Walau bagaimanapun berdasarkan maklumat yang terbaru dari JPA, terdapat seramai 19,633 orang siswazah yang mendaftarkan diri untuk mendapatkan pekerjaan sehingga 29.2.1988, Jumlah sebenar siswazah yang menganggur mungkin lebih tinggi dari itu oleh kerana tidak semua siswazah yang menganggur mendaftar diri dengan JPA.

Kerajaan bersama-sama pihak swasta telah dan sedang mengambil langkah-langkah yang positif untuk cuba mengatasi masalah pengangguran di kalangan siswazah. Sebuah Jawatankuasa Kabinet bagi mengkaji Program Peluang-peluang Pekerjaan Siswazah telah ditubuhkan oleh Kerajaan untuk merancang dan menyediakan program-program tertentu bagi mengatasi masalah tersebut. Berbagai program telah dan sedang dijalankan untuk membantu siswazah mendapatkan pekerjaan. Langkah-langkah ini telahpun saya sebutkan di Dewan ini pada 28 Mac, 1988 yang lalu. Walau bagaimanapun, dengan secara ringkas program-program yang telah dan sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

(i) **Skim Latihan Khas**

Kumpulan pertama seramai 74 peserta telah menamatkan latihan mereka dan telahpun memulakan perniagaan masing-masing. Pada masa ini terdapat seramai 200 orang lagi sedang menjalani latihan selama di antara 3 hingga 6 bulan dalara bidang percukaian.

(ii) **Skim Penempatan di Syarikat-syarikat Swasta**

Sebanyak 11 buah syarikat swasta telahpun mengadakan program ini dan bilangan siswazah yang diambil adalah seramai 895 orang.

(iii) **Skim Siswazah Tani**

Sehingga kini seramai 380 orang siswazah telah mendaftarkan dan dari jumlah itu seramai 118 orang telahpun memulakan projek pertanian masing-masing.

(iv) **Penyaluran ke Syarikat-syarikat Swasta**

Sehingga ini sebanyak 20 buah syarikat telahpun menghubungi JPA untuk mendapatkan siswazah-siswazah dalam bidang-bidang tertentu untuk ditempatkan secara tetap.

(v) **Skim Khidmat Sambilan**

Seramai 4,000 siswazah telah dipilih untuk skim ini yang bermula sejak 1.7.1986. Sehingga ini bilangan yang masih berkhidmat di bawah skim ini ialah seramai 2,822 orang, Ini bermakna 1,178 telahpun meninggalkan skim ini dan telah mendapat pekerjaan tetap.

Selain dari itu Kerajaan juga sedang berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi negara supaya banyak peluang-peluang pekerjaan akan dapat diwujudkan terutamanya di sektor swasta yang mana akan memberi peluang juga kepada siswazah-siswazah mendapat pekerjaan.

Adalah terlalu awal untuk membuat penilaian mengenai kemajuan yang dicapai oleh siswazah-siswazah di bawah skim-skim tersebut memandangkan bahawa kebanyakan daripada usaha-usaha tersebut baru sahaja dilaksanakan dan memerlukan masa untuk menunjukkan sebarang kesan. Walaupun begitu Kerajaan sentiasa mengawasi perkembangan usaha-usaha yang dijalankan dan sentiasa membantu untuk menjayakannya.

**Tuan R.M. Jasni:** Tuan Yang di-Pertua, di akhir-akhir ini nampaknya masalah siswazah menganggur ini terlalu ditonjolkan. Tidak adakah kesan negatifnya kepada pelajar-pelajar yang bercadang hendak masuk ke universiti?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kalau sekiranya setiap orang selalu membangkitkan soal siswazah penganggur ini, memang timbul negatifnya pada para pelajar kita yang mungkin akan melanjutkan pelajaran, dengan sebab itu Kerajaan meminta supaya soal ini tidaklah dipandang sebagai satu perkara yang boleh memberatkan. Soalnya sekarang ialah kewajipan untuk menuntut ilmu di kalangan ahli-ahli masyarakat adalah lebih mustahak daripada pekerjaan yang akan disediakan oleh pihak Kerajaan ataupun sektor swasta.

**Puan Valli Muthusamy:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah siswazah-siswazah bukan bumiputera termasuk dalam skim-skim ini?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, semua golongan siswazah yang berdaftar dengan pihak JPA akan ditempatkan dan dimasukkan dalam semua skim atau program yang telahpun dibentuk oleh Kerajaan.

**Tuan Chan Choong Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kejayaan yang telah dicapai akibat rundingan-rundingan yang telah dilaporkan yang telah diadakan dengan negara-negara yang lain supaya penuntut-penuntut kita dapat bekerja di negara-negara itu sekurang-kurangnya satu tahun selepas mereka lulus?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, kita sebenarnya baru raencadangkan agar siswazah kita dapat bekerjasama sementara di mana negeri mereka belajar. Misalnya mahasiswa yang lulus daripada universiti di Amerika Syarikat boleh berusaha untuk mendapatkan pekerjaan sementara di Amerika Syarikat.

Sekarang ini sebenarnya kita memohon perkara ini pada Kerajaan-kerajaan asing dan sekarang bergantunglah kepada Kerajaan masing-masing itu sama ada membenarkan ataupun tidak, yang dipentingkan ialah di mana tempat mahasiswa itu belajar di situlah mereka diminta untuk mencuba nasib bagi mendapatkan pekerjaan bagi diri mereka.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen setuju bahawa raasalah pengangguran siswazah di negara ini, disebabkan kekurangan pekerjaan yang dapat ditawarkan kepada siswazah-siswazah dan memandangkan

negara jiran kita iaitu Singapura sedang menawarkan dan membukakan untuk pekerja-pekerja asing memohon jawatan-jawatan yang kosong di negara itu, adakah Kerajaan kita bercadang menggalakkan siswazah-siswazah yang menganggur ini untuk memohon jawatan-jawatan itu?

**Tuan Othman bin Abdul:** Sememangnya salah satu daripada sebab pengangguran ialah kekurangan pekerjaan, jika dibandingkan dengan permohonan, pemohon-pemohon yang minta pekerjaan. Bagi pihak Kerajaan kita tidak ada halangan untuk membenarkan warganegara kita untuk bekerja di mana-mana pun, jika sekiranya Kerajaan negeri yang berkenaan sanggup untuk menerimanya,

**Tuan Hassan bin Harun:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah sampai masanya, saya fikir sudah cukuplah empat soalan tambahan.

#### HOSPITAL KERAJAAN KEKURANGAN DOKTOR/DOKTOR PAKAR

11. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah benar tekadang kekurangan doktor terutama sekali Pakar Perubatan di hospital-hospital Kerajaan di seluruh negara, Jika benar apakah rancangan Kerajaan untuk mencukupkan bilangan doktor di seluruh negara dan bilakah ianya dijangka akan cukup. Berapakah nisbah bilangan penduduk bagi tiap-tiap seorang doktor.

**(Cik Teg Gaik Kuan:** Tuan Yang di-Pertua, hospital-hospital Kerajaan di seluruh negara mempunyai bilangan Pegawai Perubatan yang dapat memberikan perkhidmatan yang memuaskan pada masa ini. Walau bagaimanapun, beban kerja, pengembangan perkhidmatan dan bilangan pesakit yang bertambah telah dengan sendirinya menambahkan beban kerja Pegawai-pegawai Perubatan yang sedia ada. Oleh itu, Kementerian Kesihatan telahpun mengkaji semula norma perkhidmatan

Pegawai-pegawai Perubatan di Hospital-hospital dan telahpun membuat unjuran dari segi bilangan jawatan tambahan yang diperlukan untuk menampung keperluan perkhidmatan perubatan dan kesihatan di negara ini. Bagi tahun 1988 ini, sukalah saya memaklumkan bahawa sebanyak 406 jawatan Pegawai Perubatan baru telahpun diwujudkan.

Dari segi Pegawai-pegawai Perubatan Pakar, kekurangan hanyalah terdapat di dalam bidang-bidang tertentu sahaja seperti Bius, Otopidik dan Telinga, Hidung dan Telinga.

Untuk mengatasi masalah kekurangan Pegawai-pegawai Perubatan Pakar ini, beberapa langkah dan tindakan telah diambil, di antaranya dengan mengadakan sekim latihan ( di dalam dan di luar negeri) untuk kursus-kursus ijazah lanjutan dan latihan dalam perkhidmatan. Beberapa insentif melalui kenaikan pangkat, pembayaran elaun pakar dan kemudahan semasa bekerja turut disediakan untuk menggalakkan Pegawai-pegawai Perubatan Pakar kekal di dalam perkhidmatan Kerajaan. Kementerian juga turut melantik Pegawai-pegawai Perubatan Pakar dari warganegara asing dalam usaha untuk memenuhi keperluan-keperluan yang begitu mendesak.

Menurut unjuran Kementerian Kesihatan, bilangan Pegawai Perubatan di dalam negara akan bertambah baik dalam masa yang akan datang, dengan peningkatan pengeluaran doktor yang dilatih di dalam negeri dan juga dari luar negeri. Walau bagaimanapun adalah sukar untuk menyatakan bilakah bekalan doktor akan mencukupi bagi kita. Keperluan doktor adalah satu yang relatif dan tertakluk pada

asasnya nisbah dan pengagihan doktor yang kita menerima sebagai memadai. Nisbah ini akan sentiasa berubah berdasarkan taraf kehidupan.

Nisbah bilangan doktor dengan penduduk di negara ini sekarang ialah seorang doktor bagi 2896 orang penduduk (1:2896).

**Tuan Chan Choong Tak:** Tuan Yang di-Pertua, dikatakan bahawa keadaan ini akan bertambah baik pada masa akan datang. Bagi orang-orang di Seremban atau Negeri Sembilan, mereka tidak mendapat tahu pada masa bilakah Hospital di Seremban akan mendapat, misalnya pakar doktor E.N.T. dan juga Heart Specialist, dengan izin.

**Cik Teng Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sudah terangkan tadi, keadaan akan bertambah baik kerana pada tahun ini (1988) kita akan mendapat lebih kurang 500 doktor dari Universiti-universiti dalam -negeri kita seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains. Saya tidak sedar berkenaan dengan masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator itu. Tetapi saya minta kalau ada apa-apa masalah, Yang Berhormat boleh menulis kepada saya.

**Tuan Lau Keng Siong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambaban. Mengenai perkara ini, saya fikir ini perkara lama, tiap-tiap tahun ulang semula, ulang semula, tidak dapat selesai. Pada masa sekarang population Malaysia, dengan izin, bertambah, rakyat bertambah. Jadi, rakyat berkehendakkan doktor-doktor pakar. Saya memberi satu contoh. Di Hospital Daerah Muar pada masa sekarang ada satu dua sahaja doktor pakar. Jadi, doktor pakar ini kena kerja lebih masa tiap-tiap hari. Saya nampak dengan mata saya sendiri kerana saya pun seorang patient juga. Jadi, pakar-pakar ini kena melawat wad-wad hospital dan selepas itu memeriksa orang sakit. Kadang-kadang sampai pukul 2.30 hingga 3.00 belum balik. Jadi, bermakna kalau satu doktor pakar kerja lebih masa begitu, saya fikir lama-lama dia tidak boleh tahan [Ketawa], mesti letak jawatan. Jadi, pada masa

sekarang ramai doktor-doktor pakar tidak suka bekerja dengan Kerajaan kita, apa sebab? Dan apakah langkah Kerajaan kita akan ambil untuk mengatasi perkara ini dengan secepat mungkin. Perkara ini timbul tiap-tiap tahun dan tidak dapat diselesaikan. Bila ditanya apa sebab, jadi jawapannya ada baik juga, tetapi nampaknya begitu sahaja. [Ketawa]

**Cik Teng Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, saya di sini ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat:, ada juga pakar-pakar meninggalkan perkhidmatan Kerajaan. Saya boleh beri bilangan, mulai 1982 sehingga 1986 seramai 1,112 orang pakar meninggalkan perkhidmatan Kerajaan. Pakar-pakar yang meletakkan jawatan ini adalah di bidang-bidang seperti sakit puan, perubatan umum dan sebagainya. Berkenaan sebab-sebab mereka meninggalkan perkhidmatan Kerajaan, kebanyakan dari mereka memberi sebab-sebab peribadi sebagai alasan meletakkan jawatan.

Kementerian ini telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah ini. Yang pertama, Kementerian Kesihatan menggalakkan pegawai-pegawai pakar terus berkhidmat dengan Kerajaan dengan menaikkan elaun yang dibayar kepada pegawai pakar dan menaikkan taraf jawatan-jawatan pakar serta memberi peluang kepada pegawai pakar menghadiri persidangan atau kursus pendek di luar negeri. Langkah yang kedua, kita ambil ialah mengambil pegawai-pegawai pakar dari seberang laut. Seperti sekarang, kita ada recruitment on a Government to Government basis, dengan izin, dan untuk makluman Yang Berhormat, dari Burma 23 orang pakar telah dilantik dan dihantarkan ke Sabah dan Sarawak. Satu lagi tindakan yang kita

ambil ialah menggunakan pakar-pakar di dalam sektor swasta tempatan di hospital Kerajaan secara sessional basis dan menambah pegawai-pegawai yang menjalani latihan post-graduate dengan cara-cara yang tertentu.

Langkah-langkah yang saya sebut di atas ada meliputi seluruh Malaysia, termasuk negeri Sarawak.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan dari Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, pakar asing ini gajinya mana lebih banyak dengan pakar-pakar dalam negeri?

**Cik Teng Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, saya dapati pakar-pakar dari luar negeri seperti dari Bangladesh atau Burma atau India, gajinya lebih rendah daripada pakar-pakar kita.

**Tuan Ng Peng Hay:** Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa bekalan catuan makanan kepada kakitangan di hospital, Kementerian cuma membayar tiap-tiap seorang pekerja yang bekerja waktu malam dengan kadar 30 sen sahaja dan memandangkan kadar ini adalah kadar yang ditetapkan berpuluh tahun yang lalu dan tidak seimbang dengan keadaan sekarang, adakah Kementerian Kesihatan akan mengkaji untuk meningkatkan bayaran 30 sen tiap-tiap seorang pekerja sebagai bekalan catuan makan malam untuk meningkatkan produktiviti?

**Cik Teng Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir soalan ini telah keluar dari soalan asal. Tetapi saya boleh jawab sedikit di sini. Tentang elaun 30 sen untuk kakitangan yang menjalankan tugas di waktu malam, Kementerian Kesihatan sedang mengkaji untuk bertambah elaun ini.

**WARGANEGARA BERHIJRAH KE LUAR NEGERI**

**12. Tuan M. Sangaralingam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah benar bahawa beberapa orang kaya daripada beberapa kaum di Malaysia sedang berpindah dari negeri ini ke luar negeri seperti Australia, New Zealand dan Canada. Jika benar, apakah sebab-sebab utama.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, dari masa ke semasa memang terdapat orang-orang Malaysia dari berbagai golongan yang berhijrah atau berpindah ke negara-negara luar Malaysia. Mereka berbuat demikian adalah atas sebab-sebab peribadi dan di luar pengetahuan Kerajaan.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah mereka ini berpindah terus menyerahkan kerakyatan Malaysia ini ataupun mereka hanya pergi berhijrah untuk sementara waktu sahaja. Jika sekiranya mereka menyerahkan kerakyatan, adakah mereka pernah memohon semula. Kalau sekiranya berlaku permohonan ini, saya mencadangkan supaya di tolak permohonannya kerana mereka ini adalah jenis orang yang tidak mengenang budi kepada negara kita.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, daripada tahun 1980 hingga ke hari ini kita telah mendapat tahu bahawa 25,191 orang yang telah memohon warganegara asing. Mereka tidak akan menyerahkan kewarganegaraan mereka kepada kita tetapi apabila Kerajaan mengetahui mereka telahpun menjadi warganegara asing dan mereka tidak pernah pulang selama lima tahun, maka dengan automatik kerakyatan mereka terlucut dan jikalau sekiranya mereka datang

sendiri, mereka dianggap sebagai orang asing dan akan dilayan sebagai orang asing dan kalau mereka ingin memohon menjadi warganegara kembali akan dilayan seperti juga orang-orang asing yang lain.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri bagaimana jika rakyat Malaysia yang memegang PR di negeri asing lebih daripada lima tahun.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, tidak jadi masalah kepada rakyat kita mempunyai taraf permanent resident di luar negeri asalkan dalam masa lima tahun mereka kembali ke negara ini dan passport mereka dicop dan sebagainya. Tetapi jikalau sampai lima tahun mereka tidak kembali lagi kita menganggap bahawa mereka sudah tidak ingin lagi tinggal di negara ini.

**Tuan R.M. Jasni:** Tuan Yang di-Pertua, kita dimaklumkan bahawa jumlah 25,000 orang, adakah ini merupakan bilangan orang kaya-kaya di negara ini yang telah meninggalkan negara ini dan bilangan sejumlah 25,000 orang ini adakah dianggap satu bilangan yang besar? Kalau ia bilangan yang besar adakah ia menjejaskan atau mengganggu pertumbuhan ekonomi negara ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, dari jumlah 25,000 orang ini adakah terdiri daripada orang-orang kaya tetapi ada juga yang ingin kembali ke negara asal mungkin datang ke sini berkahwin dengan orang kita lepas itu bercerai, masa itulah jadi warganegara, mereka ingin kembali atau mempunyai pekerjaan yang lebih baik di negara asing atau ada rakyat kita yang berkahwin dengan rakyat asing.

Dan yang keempat kemungkinan besar sengaja ingin memperoleh kerakyatan di negara asing. Jadi dalam hal ini 25,191 orang dalam 7 tahun, saya tidak merasakan bahawa ia merupakan kerugian kepada negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudahpun cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 62 adalah**

## USUL

## UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M.

## SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Ketujuh." (30hb Mac, 1988).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya panggil Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom untuk menyambung ucapannya, saya hendak memberitahu iaitu selepas ucapan Yang Berhormat itu, saya akan meminta Yang Berhormat Menteri-menteri untuk menjawab atas teguran-teguran yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom.

**3.36 ptg.**

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana dibenarkan untuk menyambung sedikit lagi perbahasan saya di dalam menyokong Usul menyembahkan ucapan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong kerana Titah Di Raja sewaktu membuka Penggal Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, semalam kita mendengar banyak perbahasan dicampukan kepada perpaduan di antara kaum. Masalahnya rakyat dalam negara kita memikirkan kalau yang bercakap mengenai perpaduan ini orang Melayu seolah-olah yang tidak menyokong, yang tidak suka kepada adanya perpaduan adalah dari kalangan yang bukan Melayu. Dan kalau yang bercakap mengenai perpaduan ini dari kalangan orang Tionghua maka orang Melayu akan terasa seolah-olah orang Melayu tidak suka perpaduan. Kalau yang bercakap isu perpaduan dari kalangan orang-orang keturunan India seolah-olah orang lain tidak ada perpaduan dalam negara kita ini.

Jadi konsep perpaduan dalam negara kita ini perlu diterangkan kepada rakyat sebenar-benarnya. Takkan setakat perpaduan dengan adanya jamuan teh muhibah, durian muhibah, makan manggis muhibah. Kemudian kalau ada orang membakar mercun kita tutup telinga, kalau ada orang pukul gendang kita pun kejam mata, ini sudah ada perpaduan.

Di dalam satu-satu masalah apabila di antara ramai orang-orang menyebut masalah perpaduan ini menimbulkan masalah seolah-oleh berlaku ketidakadilan di dalam negara kita. Jadi kalau yang bercakap masalah seolah-olah berlaku ketidakadilan dalam masyarakat kita ini dari orang keturunan Tionghua, seolah-olah orang Melayu sudah

mendapat keadilan sepenuhnya. Dan kalau yang bercakap mengenai dengan seolah-olah ketidakadilan itu dari keturunan India, seolah-olah orang lain sudah mendapat keadilan sepenuhnya.

Jadi sebagai orang Keturunan Melayu, rakyat Malaysia di dalam negara kita ini, saya ingin menyampaikan apakah benar-benar apa yang disebut oleh orang lain keturunan lain di dalam Dewan ini atau di mana sahaja yang menyatakan seolah-olah tidak berlakunya keadilan di antara kaum dalam negara kita ini, nyata benar atau tidak?

Saya sengaja saya bawa buku Rancangan Malaysia Yang Kelima 1986/1990. Kalau kita menyedari bahawa di dalam buku Dasar Rancangan Malaysia Yang Kelima yang begitu tebal yang dirangka oleh pakar-pakar ekonomi, pakar-pakar sosial, politik dalam negara kita tidak dapat kita hayati, saya ulangi kita menjadi pemimpin yang hipokrit.

Di dalam buku ini diterangkan nisbah harta kaum bumiputera dan agensi-agensi Kerajaan serta anak-anak syarikatnya hanya 17.82. Adakah ini adil kepada kaum bumiputera? Adakah ini adil kepada orang Dusun, orang Bisayah, orang Punan, orang Kadazan, orang Iban, orang Melanao, orang bumiputera, orang Melayu, orang Jawa, orang Bugis, orang Banjar, orang Kurinci, orang Mendeleng, hanya 17.8%.

Ini kalau saya bercakap dan nada orang Melayu. Arkitek dalam negara kita kaum bumiputera hanya 15.6%. Akauntan orang Melayu hanya 8.9%, Jurutera hanya 25.2%. Doktor Gigi hanya 20.3%, pegawai-pegawai perubatan, Doktor perubatan biasa 16.7%. Doktor haiwan 26.3%. Jurukur 35.8%, Peguam 16%. Ini sebahagian dari apa yang dinyatakan di dalam buku Rancangan Malaysia Kelima ini.

Adakah ini sudah adil bagi kaum bumiputera? Jawapannya kalau saya sentimen bumiputera, jauh daripada sepatutnya. Maka sebab itu saya menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa Dasar Ekonomi Baru selepas tahun 1990 hendaklah diteruskan lagi.

Ya, apabila saya bercakap Dasar Ekonomi Baru, nanti rakyat Malaysia daripada keturunan lain mengatakan bahawa Daaar Ekonomi Baru ini untuk kepentingan kaum bumiputera. Tidak, Tuan Yang di-Pertua. Baca Buku ini mukastarat 8 terang-terang ditulis. Dasar Ekonomi Baru dilahirkan, Dasar Ekonomi Baru diwujudkan dengan menggunakan falsafah serampang dua mata - membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum.

Yang kedua, menyusun semula struktur masyarakat supaya tidak kenal ini kelompok bumiputera, ini kelompok bukan bumiputera. inilah asas Dasar Ekonomi Baru dan kita tidak boleh lari dari rancangan asal yang dicipta di zaman Allahyarham Tun Abdul Razak sebagai bapa pembangunan kita. Sekarang kenapa kita bangkit-bangkitkan lagi, setelah kita tidak mengingini peristiwa 13 Mei berulang, tetapi kenapa berlaku peristiwa Oktober, 1987 yang merupakan bibit-bibit kepada kemungkinan akan timbulnya peristiwa 13 Mei sekali iagi?

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Ahli Yang Berhormat yang diberi amanah di Dewan yang mulia ini sesuai dengan doa yang dibacakan setiap kali mula kita akan bersidang, tanggungjawab kita bersama kepada negara dan rakyat. Kaum Melayu, kaum bumiputera cukup berasa lapang dada, cukup toleransi, tidak ada apa-apa masalah. Kaum Melayu, kaum bumiputera, walaupun dilanda oleh malapetaka yang paling hebat pada 4hb Februari, 1988, percaya kepada Kerajaan dan tidak akan menumbangkan Kerajaan.

Ini terbukti sehingga hari ini sekalipun UMNO telah didapati tidak sah oleh mahkamah, tetapi kepimpinan negara kita tetap utuh, kekal, kuat sehingga hari ini, tidak ada masalah. Ini satu contoh toleransi orang-orang Melalyu dalam negara kita, tetapi kalau di

lain negara, kita tengok berita-berita negara lain, belum mengangkat sumpah, perdana menteri sudah tumbang, belum angkat sumpah presiden sudah kena tembak, berlaku perang 8 tahun, perang 12 tahun tidak habis-habis. Rakyat mati bergelimpangan sehingga perang itu menggunakan bom kimia.

Malaysia adalah negara yang aman, Malaysia negara yang baik, Malaysia akan menjadi sebuah negara yang lebih makmur, aman dan damai. Bangsa Malaysia akan menjadi bangsa yang lebih maju di dunia ini. Kemerdekaan negara kita ini akan lebih bermakna, individu di dalam Malaysia akan menjadi manusia yang disegani oleh bangsa-bangsa lain, jika setiap orang di dalam Malaysia baik pemimpin, raja, rakyat, semuanya menginsafi bahawa mereka dicipta oleh Allah untuk mengabdikan diri dan menjaga kemakmuran negara ini. Firman Allah: *Innal ardha yarithuha 'ibadius solihin*. Maksudnya bumi ini dipusakakan kepada hamba-hambaNya, kepada rakyatNya yang baik, yang tak mahu bergaduh, yang tak mahu berperang, yang tak mahu ungkit-mengungkit, yang tak mahu jadi batu api.

Soal ini terang dan jelas. Semua agama meagajarkan begitu dan semalamsayadengarsatuperbahasanmengatakansemuaagamamengajar manusia berbuat baik, semua agama mengajar manusia dilarang berjudi, semua agama di dalam dunia mengajar manusia hidup "lita'aarafu", berkenal-kenalan, tetapi namun demikian, Al-Islamu ya'lu wala yu'la alaihi. Sebab itu, kita mengambil agama Islam sebagai agama rasmi dalam negara kita Persekutuan Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-pertuan Agong menekankan bagaimana penerapan nilai-nilai Islam hendaklah dilakukan supaya negara kita bersih, cekap, amanah, sebaliknya rasuah tidak berlaku dalam negara kita

ini, juga ketidakadilan tidak berlaku dalam negara kita ini. Kenapa ini diambil, kerana kita mengingat kepada sejarah di zaman pemerintahan Amirul Mukminin Saiyidina Omar Al-Khattab r.a. sewaktu melantik seorang Gabnor pergi ke Bahrin, apabila Gabnor itu cukup tempoh dia balik, dia memakai pakaian yang hebat dan mewah. Saiyidina Omar bertanya: Sewaktu aku suruh engkau pergi ke sana, engkau tak pakai pakaian ini, apabila engkau balik, mengapakah pakaian engkau cukup mewah? Daripada mana engkau dapat semuanya? Saiyidina Omar kata: Nilaikan pakaian yang engkau pakai, harga asal engkau punya, yang lain serahkan kepada Baitulmal atau Perbendaharaan Negara. Itu pendidikan yang telah diberikan kepada kita oleh Saiyidina Omar.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Di-Raja menyebutkan supaya beberapa perkara yang penting dilaksanakan oleh Kerajaan dan kita percaya dan yakin bahawa Kerajaan yang didukung oleh rakyat, Kerajaan yang dipilih oleh rakyat sekarang ini akan berkemampuan meneruskan usaha-usaha yang dituliskan dan yang telah dirancangkan di dalam Rancangan Malaysia Yang Kelima (1986-1990), insya-Allah, jika seperti mana Titah Di-Raja - keamanan, perpaduan, kestabilan politik dalam paragraf yang kelima Titah Di-Raja. Saya tidak akan menyebutkan perkara-perkara yang lain, Tuan Yang di-Pertua, kerana di dalam Titah Di-Raja itu telah menyatakan beberapa perkara pokok yang mesti menjadi landasan kepada pemerintahan Kerajaan yang ada sekarang sehingga menjelang pilihanraya yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita terdengar golongan anti-hadis, tidak berapa lama dahulu kita dengar ayat al-Quran

hilang, kemudian kita terdengar kesalahan 19 tempat di dalam al-Quran yang dibaca oleh rakyat Malaysia selama ini. Mengapa ini berlaku? Saya hendak bawa kitab-kitab itu cukup banyak, cukup berat, Tuan Yang di-Pertua. Di dalam satu kitab Hadis Saheh Muslim, dua Kitab yang saya baca, tidak sama catatannya, tidak sama kedudukan hadis itu - tidak sama. Mengapakah ini berlaku? Jadi, saya tidak mahu cerita panjang, kalau sudah berlaku kesalahan cetak dalam al-Quran, al-Quran hilang tulisannya, saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya memberikan peruntukan kepada Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri sekurang-kurangnya sebanyak \$2 juta untuk mempunyai mesin cetaknya sendiri tak usah cerita panjang. Beri \$2 juta kepada Bahagian Hal Ehwal Agama Islam untuk mempunyai mesin cetaknya sendiri, cetak al-Quran, cetak Kitab Hadis, tabur dan tebar ke seluruh negara sama serentak, tidak ada perbalahan, tidak ada cikcuk. Ini soal pokok.

Selain daripada itu, saya minta kepada Kerajaan terutama Kementerian Pendidikan supaya memutuskan dengan segera rayuan-rayuan dan tuntutan-tuntutan beberapa kesatuan dan persatuan alim-ulamak meminta supaya sekolah-sekolah agama rakyat di seluruh negara kita ini disatukan dan juga menyelaraskan semua sekolah-sekolah agama Arab-rakyat di Negeri-negeri supaya disatukan di bawah satu pentadbiran untuk disatukan undang-undang penyelarasannya, bantuan kewangannya, pentadbirannya, kurikulum pelajarannya dan pengiktirafan kelulusan, syahadah atau sijilnya. Contohnya di Perak sahaja ada 260 sekolah rakyat yang berjalan sendiri tak tentu hujung pangkal. Begitu juga di Selangor sekian, di Johor sekian, di Kelantan, Kedah, dan juga di Terengganu. Mengapakah ini tidak boleh dibuat setelah kita merdeka 30 tahun?

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang kita dengar baru-baru ini ialah apabila pelancaran satu seminar di Pusat Islam dinyatakan beberapa kali oleh Baginda Sultan. Sultan Perak bertitah, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bertitah supaya fungsi masjid, saya ulangi lagi supaya fungsi masjid, peranan masjid - tak usahlah kita cerita masalah masjid yang terbakar di Pahang sehingga sekarang tak tahu hujung pangkalnya. Kalau dahulu ada masjid terbakar ada golongan anti Hadis, ini semua gejala-gejala yang mesti kita sama-sama mengambil perhatian berat.

Tuan Yang di-Pertua, fungsi masjid, dikatakan masjid mesti ada khutub-khanah, masjid jangan dikuujungi lima kali waktu berjemaah sahaja, jadikanlah masjid itu sebagai satu bangunan rumah Allah yang menggerakkan masyarakat tetapi hendak digerakkan macam mana. Al-Quran yang ada di almari-almari di seluruh masjid dalam negara kini sekarang ini didapati 19 berlaku salah di dalamnya. Al-Quran yang telah buruk-buruk yang hendak dibaca tak boleh, dibuang tak usah. Kitab-kitab langsung tak ada, kalau ada kitab pun kitab khutbah lapuk yang dikeluarkan, bukannya lapuk isinya, lapuk khutbahnya. Sebab itu sekarang banyak kedengaran khatib-khatib membaca khutbah macam burung kakak tua mengulangi perkataan-perkataan tuannya, sehingga makmum semua mengantuk. Ini hendak dibarui tetapi bagaimana fungsi ini dapat dilaksanakan di seluruh negara yang ada lebih kurang 10,000 buah masjid di seluruh Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak. Jadi, adakah memadai dengan saranan-saranan begitu sahaja sedangkan nanti jawapannya kelas Takmir ada, kitab Mustika Hadis dihantar tetapi sedarkah Kerajaan bahawa kelas-kelas Takmir sekarang ini banyak yang hidup segan, mati tak mahu.

Kerana apa? Selepas Maghrib TV3 menyiarkan rancangan "Syyy Kampung Seri Wangi", drama yang mengelikan hati. TV1 lepas Maghrib menyiarkan Sang Setia, yang kata orang macam cerita merapu. Saya pun tak tahu, ini saya dengar orang cakap, sehingga orang kata seolah-olah TV3 lebih kreatif daripada RTM. Ini orang cakap, saya tak tahu, sebab waktu itu saya masih ada di masjid. Jadi, macam mana kita hendak tarik orang begitu!

Kalau ada syarahan yang baik di masjid, pukul 10.00 sudah wrestling pula. Masjid kosong kerana tarikan. Jadi, adakah yang hendak meramaikan masjid ini golongan yang sudah 60 tahun ke atas yang kerana dia lambat balik dari masjid, kerana kalau dia balik cepat takut dilanggar kereta yang jalan laju, motosikal yang jalan laju, jadi terpaksa dia balik lewat, tengah malam sedikit bila suasana sudah agak tenang.

Tuan Yang di-Pertua, fungsi ini fungsi untuk menjadikan masjid ini sebagai satu bangunan yang boleh menggerakkan masyarakat. Berapa buah masjid dalam negara kita yang ada khutub-khanah yang lengkap. Berapa? Kita punya masjid yang paling besar kubahnya di dunia atau di Asiakah iaitu Masjid Sultan Abdul Aziz yang baru diselesaikan di Shah Alam. Punyai masjid yang menaranya paling tinggi, yang boleh muat sekian puluh ribu orang, semoga kita dapat memberikan satu pimpinan kepada masyarakat. Macam mana masjid ini benar-benar akan jadi seperti masjid di zaman Rasulullah s.a.w. dan di zaman Khulafaul Rashidin. Ertinya, mesyuarat JKK boleh diadakan di masjid dengan syarat semua anggota JKKnya Islam. Itu satu syarat. Jadi, mana ada JKK yang tidak Islam, dari keturunan Cina, India dan sebagainya terpaksa mesyuacat di balairaya. Tak payahlah kita hendak hujah panjang-panjang masalah yang seperti itu supaya dapat kita renungkan baik-baik.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah lama benar mendengar mengenai dengan minyak kelapa sawit ini boleh dijadikan disel, batang pokok kelapa sawit dijadikan papan lapis dan berbagai-bagai lagi tetapi sampai sekarang masih tak nampak apa-apa. Adakah kita hendak tunggu Jepun datang ke sini membuatnya baru kita menjadi tukang beli, jadi seolah-olah budaya membeli ini diteruskan kepada kita terus membeli.

Dalam Belanjawan yang lalu saya bercakap Kerajaan sepatutnya menentukan bahawa tanah kawasan ini ditanam durian sahaja kerana durian mahal. Tanah kawasan ini ditanam petai sahaja kerana petai ini perlu dan sekarang orang Jepun pun makan petai. Tanah kawasan ini ditanam limau sahaja supaya kita juga boleh eksport limau dan manggis sahaja. Jawapannya tak muaasabah. Tetapi dua bulan sudah Kerajaan Perak sudah menandatangani 2,000 ekar, kalau tak salah saya dengan kompeni Jepun tanam manggis. Bulan 12 jawab tak munasabah, bulan 3 buat perjanjian. Jadi cakap Senator ini tak ada faedah. Macam mana? Jadi, yang menjawab di sini dengan praktikal di sana tak sama. Kenapa Jepun boleh buat perjanjian dengan Kerajaan Negeri Perak hendak tanam manggis? Kerana manggis satu biji \$5 di Jepun. Kita, buah manggis dibuang-buang. Mana yang gugur keras dijadikan peluru plastik - manggis kampung yang sudah kecut. Mengapa ini boleh ertinya sampai Jepun tanam manggis di Malaysia. Jadi, adakah ini nanti sehingga Jepun datang bawa modal yen, yen akan naik hendak buat minyak disel, nanti minyak disel ini lebih mahal daripada disel yang ada. Adakah ini hendak tunggu.

Saya cadangkan kepada MARA, kita ada KIMA di Kajang, kilang kain putih. Dalam negara kita, baik Cina, baik Melayu, baik India, baik Kadazan, baik Murut, baik Iban, semua pakai kain pelekat tetapi

dalam negara kita tak ada kilang kain pelekat. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar kena ambil peranan buat satu kilang kain pelekat. Sekarang kain pelekat datang daripada mana? Berapa juta orang gunakan kain pelekat kalau satu orang gunakan dua helai setahun. Berapa juta orang pakai kain pelekat. Bukan kain pelekat yang mahal, kain pelekat yang buat tidur, kain pelekat yang dipakai buat basahan mandi. Itu kita ketinggalan. Jadi, kita terpaksa beli kain pelekat daripada negara lain. Kemudian orang seludup kain. Kilang batik kita entah ke mana. Kilang sutera kita entah ke mana, kilang batek MARA kita entah ke mana. Jadi, kita jadi budaya membeli terus memberi, terus membeli.

Kalau tidak ada badan yang sanggup menjadikan minyak kelapa sawit sebagai minyak disel, cuba Kerajaan beri kepada Tabung Haji. Tabung Haji tahun ini dapat untung \$64 juta. Kemudian belanja untuk membuat kilang minyak disel saya bertanya kepada orang yang tertentu lebih kurang \$2 atau \$3 juta. Jadi, Tabung Haji pun ada ladang-ladang kelapa sawit, dia tak usah beli kelapa sawit lain, kelapa sawit ladang-ladang Tabung Haji itu diproses dijadikan minyak disel.

Tuan Yang di-Pertua, masalah siswazah menganggur. Orang yang bercakap kalau tidak ada anak yang menganggur keluar universiti dia tidak merasa apa-apa, tetapi sebagai seorang bapa yang mempunyai anak yang sudah keluar universiti, menganggur, tak tahu hendak buat apa-apa saya menghadapi dua tiga masalah. Saya mempunyai anak dan banyak anak-anak saudara yang sudah keluar universiti, engineer; injiner kata orang kampung - injiner, lulus engineer tak tahu hendak buat apa-apa, basikal dia bocor masih hantar ke workshop yang di bawah pokok ceri.

Kasih - Sains, Sastera. Ya, mengapa ini berlaku? 19,000kah, 20,000kah, 30,000kah bagaimana perasaan ibubapa yang menyekolahkan anak yang dapat bantuan yang tak cukup, dermasiswa yang tak cukup, dia terpaksa jual kambing, jual ayam, hutang, anaknya keluar universiti 3 tahun menganggur, bagaimana perasaan ibubapa?

Satu yang saya nampak seolah-olah pelajar-pelajar, siswa-siswa kita yang keluar universiti baru-baru ini tongong-tongong, minta maaf saya bercakap, Tuan Yang di-Pertua, tak tahu hendak buat apa-apa, macam budak Darjah 6, pada hal Sarjana Muda, tetapi kok pelengang, pelengong, ke dapur salah, ke belakang salah, hendak keluar campur orang dia malu siswa menganggur, duduk di rumah bapanya, emaknya ngomel. Ini nanti akan jadi anak-anak yang tongong-tongong [Ketawa]. Saudara-saudara boleh ketawa dalam Dewan ini hari ini, tengok 5 tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua saya merenung Almarhum Bong Karno tumbang kerana himpunan mahasiswa insaf mengadakan tunjuk perasaan. Adakah Kerajaan tidak menyedari hakikat ini kalau 20,000, 30,000 anak-anak yang saya katakan tongong ini tetap! dia memikir tahun-tahua yang akan datang mereka mengadakan gerakan mahasiswa insaf bergabung, mereka mengadakan gerakan, mungkin pada masa itu keadaan politik negara kita berada di satu arah yang lain.

Keputusan Pilihanraya Tanjung Puteri 31 undi patut kita renung, hanya 16 sahaja. Kalau 16 lagi lari, kalah satu undi. Tanjung Puteri di nana Istana Besar Johor berada di situ, tempat lahirnya UMNO tahun 1946 tetapi mengapa sikap? Kepada Suruhanjaya Pilihanraya, kerana saya sudah terlanjur sebut Tanjung Puteri, saya

dukacita inilah kelemahan-kelemahan yang saya selalu sebut mengenai Suruhanjaya Pilihanraya. Nama-nama pemilih, nama-nama pengundi itu kena betulkan. Tengok Tanjung Puteri, nama Datuk Yunus Sulaiman tak ada dalam daftar pengundi, macam mana? Saya katakan, adakan tahun mendaftar, pindah daripada satu kawasan Parlimen ke satu kawasan, jalan kerja, sekarang banyak tenaga menganggur, beri mereka sebagai pekerja-pekerja sementara untuk mendaftar, betul-betul semak, betul-betul semak. Kalau yang buat kerja ini budak-budak yang lulus komputer daripada ITM pun tak betul juga, memang anak tongong. Itu sahaja saya punya hujah.

Yang keduanya, mengenai Suruhanjaya Pilihanraya adakan peraturan supaya jumlah poster bagi setiap calon ditentukan. Jangan suka-suka buat, hendak buat 50,000, 60,000 sampai pokok kelapa pun tumbang digayut oleh tali poster - membasit. Kita sudah 8 kali pilihanraya fahamlah, kalau calonnya Haji Shaharom, lambangnya Dacing; kalau calonnya si polan, lambangnya ini, habis cerita. Tak payah banyak-banyak sampai tumbang pokok kelapa ditarik oleh tali poster, kenapa kita biarkan begitu masyarakat kita menjadi masyarakat yang ho-ha, ho-ha, tidak mempunyai prinsip dalam pilihanraya. Cukup kalau pengundi 30,000, posternya 30,000, mengikut jumlah satu pengundi satu poster - cukup dan memadai lah itu, kalau 30,000 itupun sudah banyak. Kalau satu rumah pengundi itu satu poster di pintu pun cukuplah, jangan kita jadi kelam-kabut kerana itu. Ini saya minta kepada Suruhanjaya Pilihanraya supaya kalau boleh mengadakan peraturan yang semacam itu. Saya dukacita sangatlah sehingga calon yang bertanding pun namanya tak ada di dalam buku daftar pengundi ini, apa hendak jadi, wallahu alam biassawap.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya dengar penyelewengan di dalam Pejabat Pos yang dilakukan oleh kerani-kerani, pekerja-pekerja di pejabat pos terhadap duit rakyat jembel, rakyat marhein, penoreh getah, penanam padi, penjual tempe yang hendak menyimpan dalam ASN duitnya dikebas. Kenapa ini berlaku? Ya Allah, ya Rabbi. Sudah tak ada tempat lainkah hendak kebas? Saya dukacita sangat mengapa ini berlaku. Tindakan cepat dan hukuman berat mesti dijalankan. ASN termasuk di dalam Dasar Ekonomi Baru, rancangan Kerajaan mahu menyelamatkan bumiputera belajar melabur, tiba-tiba duit itu dikebas. Kalau jawapannya tak cukup bukti, tak ada laporan, itu melampau namanya. Kenyataannya sudah ada dan mengapa ini tidak boleh diambil tindakan. Tindakan itu cepat paparkan kepada masyarakat.

Semalam saya baca satu laporan mengenai Polis Di-Raja Malaysia - tatatertibnya, kalau saya baca pun saya malu. Pihak Polis Di-Raja membentangkan berapa banyak pegawai-pegawainya yang kena tindakan tatatertib, yang dibuang kerja kerana rasuah -malu. Nasib baik penyata ini menjadi Kertas Perintah di Parlimen, tak keluar. Kalau keluar, suratkhbar tulis, Allahu Rabbi, besok pagi orang habis baca.

Sebut Polis ini sekarang timbul satu Police Tourist, ada pula Police Tourist, banyak sangat Polis ini. Satu sahajalah Polis, berilah seksyen dia jaga jalan, dia jaga trafik, dia naik kuda, jangan ada Police Tourist pula - Polis menjaga Pelancong. Apabila ditanya kepada Mata-mata biasa, "mana Jalan Tun Razak?", itu bukan tanggungjawab saya. "Awak tanya Police Tourist". Malu kita, mengapa banyak sangat ragam. Apakah kerana hendak memberi peluang pekerjaan? Saya dengar baru-baru ini hendak ambil lagi beribu-ribu,

maka diadakan seksyen-seksyen yang semacam itu. Betul juga, bagus juga, tetapi jangan dipisah-pisah begitu. Satu Polis Di Raja Malaysia Bahagian Jenayah, Polis Di Raja Malaysia Bahagian Jaga Pelancung, dia boleh pakai baju batek, lawa-lawa, ada lencana, "Selamat Pagi Encik", nampak ini lawa sedikit [Ketawa], macam di Hawaii itulah. Jadi barangkali kita hendak tiru macam itu agaknya jadi Police Tourist di Hawaii sana, ikutlah cerita dalam TV.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya dengar, saya baca bahawa kita akan mendapat pinjaman sebanyak \$1,024 billion kerana hendak membina bilik-bilik darjah dalam negara, Jadi saya minta duit pinjaman \$1 billion ini akan menjadi bebanan kepada negara, kepada rakyat, jangan serahkan sewenang-wenang, suka-suka, sampai cukup tahun kelas bilik darjah tak siap atau sampai cukup tahun bilik darjah tak boleh digunakan, sampai habis perjanjian di dalam borang tender tak siap, ini tak ada. Ini duit pinjam. Kalau di dalam perjanjian kontrak mengatakan 52 minggu siap, 52 minggu kurang satu hari Menteri boleh rasmikan, Wakil Rakyat rasmikan darjah ini.

Saya tak mahu berlaku macam mana Sekolah Politeknik di Sri Gading, di Parit Raja, kampung tempat saya bermain lumpur, baru tempat anak-anak kita belajar kejuruteraan, sekolah itu terbenam mamebes, mengapa? Arkitek dari mana yang digunakan? Adakah dia arkitek tongong yang buat itu? Kenapa ini berlaku, berjuta-juta ringgit. 800 budak kena pindah, hendak cari tempat, hendak hantar ke maktab yang lain pula. Ini satu masalah yang timbul. Barangkali itu jawapannya nanti adalah perkara biasa, binaan-binaan yang dibuat oleh manusia akan menghadapi malapetaka terbenam, sengat retak dan sebagainya, tetapi kalau sewaktu pembinaan itu .dijaga dengan baik, diteliti, tentu tidak sampai masa-masa yang singkat begitu bangunan itu boleh terbenam, boleh retak, boleh merkah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pergi kampung, 5-6 tahun dahulu kempen getah kelompok cukup hebat, tidak payah lagi pakai loyang dari tin minyak gas belah dua, tidak payah lagi begitu, begini, pakai cetak palung yang panjang, kalau mesin pun tidak payah lagi mesin pakai tangan, boleh guna elektrik dan berbagai-bagai dikatakan pusat-pusat getah kelompok. Tetapi saya pergi ke kampung-kampung hari ini, kebanyakan daripada pusat-pusat getah kelompok ini tutup. Calungnya entah ke mana, tongnya entah ke mana, mesinnya pun sudah karat. Mengapa ini berlaku? Saya tanya kepada orang kampung, kenapa kakak, abang, encik, tidak kumpul getah kelompok. Mereka kata mengapa kami mesti hendak kumpul getah buat mesin kelompok macam itu, kerana kami jual getah buku lagi mahal. Getah kelompok, jual minggu ini, minggu depan belum tentu dapat duit. Kita timbang di sini 10 kilo sampai di sana hilang tinggal 8 kilo. Ini berlaku. Getah yang ditimbang di kampung naik ke lori 15 tan apabila datang ke sini hilang 1 tan. Orang merajuk. Jadi, adakah di situ pula ada pelarian yang datang yang mencuri getah di tengah-tengah jalan, kalau tidak orang yang membawa getah itu, maknanya pekerja RISDA sendiri yang tidak jujur. Ini yang menyebabkan orang-orang kampung tidak puas hati.

Misalnya, sekarang ini berlaku di kedai-kedai biasa membeli getah beku setiap satu kilo dengan harga \$1.60, ini resit, saya baru jual getah sekerap - adalah kebun 2 ekar - saya hendak mengesahkan berapa harga getah sekerap, getah beku di kedai biasa \$1.60 sekilo. Saya dukacita di setengah-setengah rancangan FELDA memberi harga yang murah kepada peneroka-peaeroka FELDA yang bertanam getah iaitu 86 sen satu kilo. Mengapa keadaan ini berlaku. Ini saya minta tolong betulkan, bukan saya kata FELDA tidak jujur atau saya hendak kata

FELDA hendak jadi kapitalis ambil untung 100%, tidak. Kesihan kepada orang-orang yang hendak jual getah, keluar jual getah beku kena tangkap tetapi jual kepada FELDA harganya separuh dari harga di luar. Resit ini bertarikh 26hb Mac, satu kilo harganya \$1.60.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Diraja menyebutkan mengenai dengan kemudahan infrastruktur, kemudahan-kemudahan asas dt kampung-kampung. Saya masih dukacita terutama sekali di kampung-kampung yang sehingga sekarang ini belum dapat jalan berturap, belum diturap dengan tanah merah, belum diturap dengan tar masih banyak. Kalau kita lihat kajian tinggal beberapa peratus sahaja kampung-kampung yang belum mendapat bekalan-bekalan asas air, api dan jalan, tetapi kalau Kita pergi daerah-daerah, tidak usah pendalaman, Parit Sulung itu di Batu Pahat bukan pendalaman. Separa, Parit Rasul, Parit Osman, Parit Haji Saleh, Parit Maimon, itu bukan pendalaman, tetapi jalan besar di antara Batu Pahat ke Parit Sulung dan ke Muar, Air Hitam kalau hujan, penduduk di situ masih pikul basikal, sengseng seluar, pikul kasut. Sebut kampung lagi, pergi ke Pontian lagi banyak. Kawasan Parlimen Sri Gading lagi banyak, kawasan-kawasan ini semua bukan tidak ada Wakil Rakyat, ada, tetapi Wakil Rakyat di situ jadi Menteri, jadi Timbalan Menteri, dia tidak dapat hendak sebut. Sebab dia bagi pihak menjawab, jadi saya yang tukang sebut bagi pihak keluarga saya di situ. Yang saya hairankan di Selangor ini boleh dibuat semua, sehingga jalan untuk pergi potong rumput makan lembu pun ditar. Kalau tidak percaya pergi Ulu Langat. Tidak ada rizab, tidak ada apa, celah-celah pokok kopi ditar, marble, bukan gravel, bukan, tar.

Kalau Tuan Yang di-Pertua hendak pergi saya boleh bawa. Saya tidak cakap seloroh, mengapa negeri Selangor boleh buat? Adakah peruntukan tidak cukup? Jadi, kalau begitu berilah kepada

kawasan-kawasan Parlimen yang masih mengalami keadaan semacam itu. Saya tanya kawan saya dari Sarawak, kalau pergi ke kawasan-kawasan di Barwit, di Mato, di Daro, di Igan, di Paloh, lagi teruk. Orang sana kata jeraya itu bukan jalanraya, jeraya itu jambatan daripada papan dan nibung yang dibuat bersambung macam kita pergi ke Pulau Ketam.

Tersebut Pulau Ketam, baru-baru ini saya dengar daripada Timbalan Menteri Pertanian menyebutkan bahawa ada projek undang harimau besar-besaran di Pulau Ketam yang akan boleh mengeluarkan pengeluaran sehingga beratus juta. Saya hendak tanya kenapa Pulau Ketam semua, hantarlah ke Pulau Lumut sedikit. Itu sahaja permintaan saya kerana Pulau Ketam kesemuanya keturunan Tionghua, jadi Pulau Lumut keturunan saya, hantar ke Pulau Lumut sedikit. Kalau tanah pantai di Pulau Lumut itu tidak sesuai, di Pulau Carey ada 2 ribu ekar yang Kerajaan Selangor sudah rizab untuk dikeluarkan tanah itu boleh dikorek dijadikan kolam untuk menternak undang harimau, bagi daerah Kelang dan Kuala Langat yang terdiri dari orang-orang Melayu, orang bumiputera. Sama-samalah makan, jangan orang Pulau Ketam sahaja boleh dapat undang harimau, orang lain tidak boleh dapat. Ini bukan sentimen; ini menuntut keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita dengar daripada seorang Timbalan Menteri menyebutkan bahawa pencarum-pencarum di dalam KWSP akan difikirkan supaya boleh pergi haji mengeluarkan duit KWSP. Saya mencadangkan apa salahnya kepada pencarum yang sudah tidak bekerja supaya mengeluarkan wang mereka dalam KWSP untuk melaburkan dalam Amanah Saham, Dalam KWSP dapat 8.5%, dalam Amanah Saham dapat 13%, bagi 'chance' orang ini dapat untung lebih sedikit, bagi pelabur-pelabur di KWSP yang sudah tidak bekerja. Bukan semua.

Tuan Yang d-Pertua, dahulu 7, 8 tahun semasa Menteri Pembangunan Luar Bandar tengah hebat-hebat menggalakkan di luar bandar lembu pawah, lembu pawah, lembu pawah. Lembu pawah ini diberikan kepada orang kampung seekor, seekor, seekor, untuk menolong negara kita supaya jangan membeli daging yang banyak dari luar negeri. Tahun 1988 kita masih beli daging 400 juta, jadi, ke mana lembu pawah yang diberikan dahulu itu. Adakah lembunya habis mati semua atau lembu mandul tidak beranak. Janjinya dapat lembu seekor, beranak sulung bagi balik kepada Jabatan Haiwan dan bagi kepada B bila tahun kedua, tahun ketiga beranak lagi bagi kepada C. Jadi, lembu itu membiak, sebab lembu ini tidak mudah, kalau 2, 3 tahun hendak disembelih, dagingnya hanyir. Bukan lembu yang menggunakan feedlot, lembu ternak 4 bulan, 5 bulan boleh disembelih. Lembu pawah lembu yang pejal dagingnya. Jadi mengapa lembu ini pupus; adakah berlaku penyelewengan? Jadi, bila saya hendak sebutkan ini, saya minta kepada BPR tolong siasat, adakah benar-benar lembu itu di bahagi kepada A,B,C dan D di kampung ini. Saya takut tulisan sahaja diberi kepada kampung A, tetapi lembu itu dikandang dan dikurung di satu tempat khusus dijadikan satu sendiket. Tidak usah cerita panjang, malu kita nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah menyebutkan dalam Dewan ini supaya persatuan Pertubuhan Budak-budak Pengakap diberi tambahan bantuan, \$1.00 satu kepala tidak cukup, mereka hendak membuat aktiviti. Apa salahnya ditambah 20sen 30sen kalau \$2.00 lagi baik untuk Persatuan Budak-budak Pengakap ini menjalankan gerakan aktiviti mencegah dadah, begitu, begitu dan berbagai-bagai.

Baru-baru ini, barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua sendiri masih ingat cerita bagaimana satu ekspidisi, saya

hendak menyebutkan perkataan ekspidisi ini pun susah betul, rombongan mendaki Gunung Tahan, tersangkut di situ, terseliuh kaki, 6 hari 6 malam berdua pula, kebetulan dari Kuala Langat, dari tempat saya pula itu. Seorang atendan wanita dengan seorang doktor. Tidak kisahlah itu, 6 hari 6 malam kaki seliuh, apa boleh buat. Tidak boleh buat apa pun. Tidak buat apa-apa, saya percaya. Yang jadi masalah sekarang ini rombongan-rombongan yang bercampur-gaul, walkathon-walkathon yang bercampur-gaul. Ini berkayak pula, dalam zaman yang meleset ini pun kita suruh orang kita berkayak dari Kuala Perlis sampai ke Kelang, sampat ke Pantai Timur. Berkayak dari Masjid Jamik Kuala Lumpur sampai ke Kelang "La-illah-ha-illallah". Yang buat kayak ini dari kompeni mana, sampan plastik, kata orang saya sana tongkah, tongkah itu gunanya tempat mencari kerang.

Hari ini tongkah ditukar nama kayak, sampan plastik, gayung kanan, kiri untuk buat, eloklah, memperkenalkan pelancongan kepada negara luar, orang luar itu hairan dengan kayak kita semacam itu.

Maksud saya supaya rombongan-rombongan yang bercampur gaul macam ini Kerajaan kena ambi perhatian, imejnya tidak baik.

Kepada mereka yang suka hendak mencari peluang-peluang yang macam itu, memang syoklah dia, tetapi bagi orang yang bersopan-santun, rasanya kurang baik. Hendak pergi Haji sahaja pun mesti ada seorang muhrim yang mengiringi, inikan pula duduk di tengah hutan sampai 6 hari 6 malam, berkayak pula, sejuk-sejuk pula - Allahu rabbi ya karim. Siti Aishah radiallahu'anha terfitnah di. dalam perang Jammal kerana tertinggal, bukannya kerana pergi berkayak!

[Ketawa] Kerana Siti Aishah buang air kecil, tertinggal rombongan, kabilah unta jalan dahulu. Siti Aishah terjatuh kalungnya, maka datang seorang lelaki menengok siapa. Apabila dibuka tudungnya, nampak Siti Aishah, naikkan ke unta, kemudian diiringi berjalan sehingga Rasulullah berharihari tidak keluar dari rumah, dukacita kerana fitnah terhadap Siti Aishah, sehingga turun Wahyu.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Maaf, Yang Berhormat, bukan saya hendak mengganggu tetapi Yang Berhormat sudah bercakap hampir satu jam, Jadi, hari ini kita hendak menggulung, saya minta kalau boleh tolong pendekkan sedikit ucapan.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Boleh, Tuan Yang di-Pertua. Kalau Tuan Yang di-Pertua perintah saya duduk, saya duduk. Saya ini senang, suruh cakap - saya cakap; suruh bercakap 3 hari pun boleh, suruh duduk pun saya boleh [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Itulah yang saya takut.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Terima kasih. Sekarang ini masalahnya apa yang saya hendak sebutkan tadi ialah rombongan daripada Hospital Daerah Banting. Tidak ada daerah Banting dalam

Selangor - daerah Kuala Langat. Tukar nama Hospital Daerah itu kepada Hospital Daerah Kuala Langat, bukan Hospital Daerah Banting, tidak betul istilahnya, bahasa bakunya tidak betul. Tolong ambil perhatian, besok pagi saya mahu tahu bahawa Hospital itu ditukar kepada nama Hospital Daerah Kuala Langat, bukan Hospital Daerah Banting. Batu Pahat - daerah, bandarnya Penggaram. Kenapa tidak kata Hospital Daerah Penggaram tetapi Hospital Daerah Batu Pahat. Daerah Kuala Langat pekannya Banting, Hospital Daerah Kuala Langat. Janganlah kerana perkara itu kecil, sampai hendak bawa dalam Dewan Negara, bodoh sangat saya ini!

Tuan Yang di-Pertua, kita baru-baru ini mendengar satu pesanan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri - kalau saya hendak sebutkan pun bolehlah - Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan; menyebutkan supaya Ketua-ketua Jabatan hendaklah mengadakan sikap toleransi bersama-sama dengan yang bawahannya. Yang sebenarnya banyak lagi perkara, Tuan Yang di-Pertua - Tuan Yang di-Pertua ini ganggu saya tadi! [Ketawal "Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan diminta teruskan komunikasi dua-hala dengan orang bawahan," Timbalan Menteri Kewangan, Senator Mohamed Farid Ariffin bercakap di Shah Alam - sokong, tetapi bagaimana kalau ada Ketua Pejabat yang tidak mahu adakan komunikasi dengan anak buahnya, dengan kesatuan yang ada di dalam Jabatannya, keputusan kesatuan dipandang ringan, orang yang bercakap bagi pihak kesatuan berapa ratus orang, ditenda macam bola pingpong.

Ini berlaku di Jabatan Kimia kita, tolong ambil perhatian. Ketua Pengarah di Jabatan Kimia itu tidak ada komunikasi dua-hala dengan anak buahnya yang di bawah, dengan orang-orang NUGAU - ada satu kesatuan namanya NUGAU, tanya orang-orang kesatuan Jabatan Kerajaan dia tahu, tidak usah cerita panjang, ambil tindakan cepat, kita mahu sekarang produktiviti kita cepat.

Dahulu kita telah luluskan di dalam Dewan ini mengenai dengan Akta Pencen. Kemudian apabila menjelang 24 April 1987, Akta itu ditarik balik, Jadi saya dapat tahu apabila Akta ini ditarik balik, maknanya perkara itu berjalan terus, kakitangan di Jabatan Pencen tidak cukup, perlu ditambah kepada 30 orang lagi supaya proses pencen ini dapat cepat, orang tidak marah Kerajaan. Beri kerja sementara, senang, siswazah menganggur banyak, STP menganggur banyak, SPM menganggur banyak.

Bercakap mengenai dengan kerja sementara, saya tahu memang kerajaan mempunyai skim kerja tetap berpencen, tetap tidak berpencen, sementara month-to-month, kontrak dan sebagainya. Tetapi adakah Kerajaan sedar sekarang ini kalau kita buang pekerja sementara itu pun besok kita ambil pekerja sementara juga? Ketua Polis Negara pun kontrak, doktor kontrak, cikgu daripada luar negeri kontrak, dahulu yang disebut cuma "Jawa kontrak" [Ketawa], sekarang engineer kontrak. Nyawa kita pun yang sebenarnya kontrak, nyawa kita habis kontrak, habislah dia. Tidak usah cerita banyak, tetapi saya kesihan kerana orang-orang ini bekerja dalam satu Jabatan Kerajaan yang mendatangkan duit yang banyak. Di Jabatan JPJ kerani-kerani sementara yang duduk di kaunter yang selama ini kita dengar kalau pergi ke JPJ - queue, "Q" - 'P' tidak ada, 'R'<sup>1</sup> tidak ada, 'S' pun tidak ada, terus "Q" sahaja. Duit datang, hendak bayar road ,tax, hendak bayar lesen. Mereka yang bekerja di JPJ yang diberi pekerjaan sementara sudah dapat surat notis, notis terakhir untuk berhenti, tetapi saya percaya pemberhentian itu akan diisi dengan orang-orang sementara juga. .Tadi biarkanlah mereka yang ada 200-300 orang yang bekerja di JPJ Bahagian Kaunter - ada nama-namanya di sini, Tuan Yang di-Pertua - orang-orang ini mengadu

kepada Senator sebab di Pejabat JPJ itu tidak ada wakil rakyat, ada di situ wakil rakyatnya DAP, tidak mahu, jumpa kepada Senator supaya bawa perkara ini. Tolonglah nasib mereka ini supaya jangan dibuang, beri mereka kerja tetap tidak ada pencen. Saya dahulu kerja sementara 18 tahun, hidup pun sampai sekarang, tidak ada apa-apa, jangan dibuang. Mereka berkhidmat, kalau yakin mereka ada kesalahan, tidak mampu, ayuh! jalan, kitapun tidak mahu orang-orang yang bekerja main-main macam itu.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya minta kepada pihak-pihak yang berkenaan, pihak Kerajaan terutama sekali, dalam melancarkan Bulan Bahasa Kebangsaan tulisan Jawi jangan main-main. Kalau hendak melancarkan "Cintailah Bahasa Kita", Bahasa Malaysia ini betul-betul jalankan, jangan main-main, jangan jadi isu politik sahaja, tidak elok. Dan kalau Kerajaan hendak betul-betul menghidupkan balik tulisan Jawi ini, kena betul-betul buat, jangan sebagai isu-isu hendak menyenangkan hati penjuang-penjuang tulisan Jawi dan penjuang-penjuang bahasa, tidak elok. Betul-betul jalankan, betul-betul laksanakan, jangan hangat-hangat tahi ayam.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sah kalau sekiranya tidak menyebut ini. Dahulu orang kata "Billiard", yang ada 'Billiard' dahulu cuma di kelab-kelab Kerajaan, kelab-kelab pegawai Kerajaan selalu ada 'Billiard'. Sekarang saya dengar namanya 'Snooker', sudah masuk ke kampung-kampung terpencil. Kampung Pacitan dekat Bukit Pelanduk -Laailahillallah, sudah ada budak main 'Snooker', dia bertaruh 20 sen, 30 sen; dia bertaruh kacang goreng, selepas itu dia bertaruh ganja sekali sebut siapa menang. Daerah Port Dickson, Batu Pahat, Pontian banyak meja 'Snooker' sudah masuk ke kampung-kampung, tolong tengok, Selangor banyak, sampai Orang-orang Asli

sudah pandai main 'Snooker' [Ketawa], dahulu dia pandai main sumpit, sekarang dia main 'Snooker'. Ini pengakuan daripada Yang Berhormat Hassan Nam, bukan cakap saya, betulkan? Jadi, mengapa ini dibiarkan kalau kita hendak menjadikan bangsa kita Malaysia ini bangsa yang berakhlak mengikut Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam Titah Di-Raja.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Di-Raja ini menyebutkan, Baginda mula-mula sebut: "Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara, Ahli-ahli Dewan Rakyat", maknanya kalau mengikut dalam protokol Ahli-ahli Dewan Negara ini lebih tinggi daripada Ahli-ahli Dewan Rakyat. Tetapi apabila sampai ke daerah-daerah, merasmikan sekolah, merasmikan balai raya, merasmikan pondok telefon, Senator Haji Shaharom disebut selepas Penghulu Mukim! [Ketawa] Saya tidak apa, kalau Haji Shaharom tidak disebut lagi bagus, sebab saya tahu apabila nama saya disebut, selepas itu nanti adalah list derma minta derma. Kalau tidak disebut, orang tidak tahu Haji Shaharom ada di situ, tetapi jangan kita sampai dikata juruacara bodoh, jangan dikata Pengerusi Majlis bodoh, anak-anak sekolah pun sudah tahu. kedudukan Dewan ini tetapi kenapa dalam acara perasmian sekolah tadi, Ahli Dewan Negara disebut selepas Penghulu Mukim, selepas Tok Kadi, tidak ada sivik, kata budak-budak, Bukan Senator yang kena, ini kena betulkan, Tanya siapa punya peranan, barangkali RTM punya perananlah. RTM punya peranan dalam rancangan dia kena selit seperti soalan semalam, apakah rancangan Kementerian Penerangan melancarkan sivik mengenai Perlembagaan.

Adakah duit sivik ini sudah diperuntukkan tambahannya atau belum? Saya dapat tahu sekarang ini duit peruntukan sivik dikontrol oleh Kementerian bukan dikontrol oleh Jabatan, ini tolong betulkan, sebab yang buat kerja Jabatan Penerangan bukan Kementerian, Kementerian memegang polisi. Ini sivik. Jadi ini kena betulkan.

Yang akhir, Tuan Yang di-Pertua, kalau cerita Batu Pahat ini memang sedap, dahulu orang kata Batu Pahat ini Paris di Timur, sekarang orang sebut Batu Pahat, 'Haadyai in Malaysia' - wadoh! kerana banyaknya di situ pelacur-pelacur, dari Thailand dan berbagai-bagai, di Batu Pahat, di Kluang, di Segamat, di Muar. Saya balik kampung orang tanya, apa sudah jadi ini, kenapa tidak tangkap? Hei! tidak boleh tangkap, ini bukan kerja kita, ini kerja Dato" Megat Junid [Ketawa] Saya minta Kementerian Dalam Negeri supaya menjaga kepada hal ini, sendikit-sendikit yang melindungi mereka, yang menjadi bapa ayam, emak ayam ini betul-betul adakan satu undang-undang yang lebih ketat. Jadi seolah-olah kita membuka peluang, kita pasang lukah kepada anak-anak muda kita ini masuk ke perangkap pelacur-pelacur.

Cuba tolong tengok satu hal yang kita kena perhatikan, barangkali apabila orang ini tidak dapat hendak menikah di Malaysia, dia nikah dekat Thailand. Dalam Hukum Fekah, mengatakan nikah di luar negeri ini nikah 'Wali Hakim'. Nikah 'Wali Hakim' maknanya Wali itu adalah mendapat tauliah daripada Hakim atau Raja, Raja yang beragama Islam. Jadi kalau nikah di Siam, yang Rajanya bukan Islam, siapa yang memberi tauliah sebagai Wali Hakim kepada imam yang menikahkan itu? Ini orang tanya, dia kata cuba tolong tanya, tanya dekat

kampung tidak ada jawapan, tanya dekat Mufti tidak dapat jawapan, tanya dalam Parlimen apa macam ustaz? Jadi dibawa ke Parlimen, bagaimana itu? Sebab Raja Siam tidak beragama Islam, bagaimana dia memberi tauliah Wali Hakim kepada imam, juru nikah yang menikahkan orang Malaysia yang bernikah di Siam, berat itu. Perkara ini sudah berlaki berjela-jela sudah bercucu.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua, balik kampung lagi tengok beberapa buah Kompleks Penghulu tidak dihuni, tidak diduduki. Penghulu-penghulu Mukim tidak duduk dekat Kompleks Penghulu, dia datang melihat dia punya pokok bunga puding, sudah Itu balik. Kasihan, sayang, duit Kerajaan dibuang begitu sahaja. Mengapa ini berlaku?

Selain daripada itu, rancangan Kementerian Pendidikan mahu melaksanakan Skim Perguruan hanya dua skim iaitu siswazah dan tidak siswazah. Kenapa lambat sangat dilaksanakan? Cepat-cepatlah. Saya tahu Yang Berhormat Menteri Pendidikan Saudara Anwar Ibrahim seorang yang dinamik, yang dinamis, cukup pantas, kenapa tentang ini lambat? Tolong cepatkan. Jadi kita boleh selesaikan banyak masalah, kalau selesai masalah guru siswazah dan bukan siswazah, lain masalah boleh selesai. Ini belum lagi pergi kursus Bahasa Baku, macam-macam cerita.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya - ini baru akhir betul [Ketawa].

Timbalan Yang di-Pertua: Dua kali sudah akhir, belum akhir lagi.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Saya hendak cari yang akhir ini tidak jumpa. Sekarang sudah jumpa [Ketawa].

Akhirnya, saya sebagai seorang Ahli Parlimen dalam negara kita ini amat dukacita terhadap sikap Amerika kerana membantah atau

menentang Bank Dunia memberi pinjaman kepada kita sebanyak US\$66 juta untuk membantu 45,000 keluarga pekebun-pekebun kecil dalam FELCRA. Kita merasa dukacita sangat kepada wakil Amerika dan Kerajaan Amerika, Robert Carting atau siapa namanya wakil itu, kerana menentang kelulusan Bank Dunia memberi pinjaman kepada kita. Jadi kalau hendak membantu rakyat kita yang seramai 45,000 keluarga, kerana hendak memulihkan kehidupan, dia menentang bagaimana sikap mereka dengan: keadaan di Palestin, di Afghanistan, di Iran, Iraq, ini panjang cerita, kalau ada masa satu jam lagi saya boleh bercakap.

Tuan Yang di-Petua, itu sahaja yang hendak saya sampaikan sebagai menyambung ucapan saya semalam dan saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang kepada saya bercakap di dalam sama-sama menyokong dan membahaskan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 7hb Mac, 1988 di dalam membuka Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Ketujuh baru-baru ini.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Usul Ucapan Terima Kasih ini dan saya minta maaf banyak-banyak kepada semua, saya tidak niat menyinggung, saya hanya menunaikan tanggungjawab saya di dalam Dewan yang tertinggi ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri-menteri untuk memberi jawapan. Untuk memulakan, saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab. Dipersilakan.

4.35 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah bin Gaddam]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas Titah Di-Raja yang telah diadakan selama 3 hari.

Semasa perbahasan tersebut Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberi cadangan, teguran dan syor-syor yang membina terhadap perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Dalam tempoh perbahasan tersebut kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai isu-isu perpaduan, Dasar Ekonomi Baru, pembangunan negara, dasar 70 juta penduduk, hal-hal perkhidmatan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu perpaduan yang dibangkitkan oleh kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat, ingin saya jelas dan rumuskan bahawa Kerajaan dari masa ke semasa menyedari akan masalah ini dan akan terus memberi perhatian yang serius kepada penyelesaian untuk mencapai matlamat perpaduan yang sebenar.

Yang Berhormat Senator Tuan Lau Keng Siong telah mencadangkan Jabatan Perpaduan Negara harus mengadakan lebih banyak Majlis-majlis Penerangan untuk menjelaskan kepada rakyat tentang perpaduan.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas cadangan Ahli Yang Berhormat supaya Jabatan Perpaduan Negara mengadakan lebih banyak lagi Majlis Penerangan dan taklimat untuk menjelaskan kepada rakyat tentang perpaduan. Sebenarnya, perkara ini memang telah dan akan terus dilaksanakan di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah oleh Jabatan tersebut.

Pada masa kini Jabatan Perpaduan Negara telah merencanakan suatu Program Penerangan dan telah menganjurkan Majlis-majlis Penerangan dan taklimat kepada Ahli Jawatankuasa Rukun-Tetangga dan Ketua Jiran di seluruh negara. Tumpuan Majlis Taklimat ini adalah kepada isu-isu semasa yang ada kaitan dengan perpaduan, khususnya mengenai hubungan kaum dan hubungan rakyat dengan Kerajaan serta aspek-aspek penting mengenai perkembangan-perkembangan baru, peranan dan fungsi Jabatan Perpaduan Negara. Di samping itu pegawai-pegawai perpaduan di peringkat negeri dan daerah sentiasa mengadakan Majlis penerangan serta dialog atau kursus supaya rakyat dapat lebih menghayati dan memahami konsep perpaduan serta dasar-dasar Kerajaan.

Yang Senator Puan Law Jack Yoon telah meayentuh beberapa perkara yang ada hubungan dengan perpaduan. Mengenai gerakan 'Cintai Bahasa Melayu' Kerajaan memang telah berbuat demikian melalui Kementerian Penerangan dan Kementerian Pendidikan. Ahli Yang Berhormat juga telah mencadangkan supaya diadakan "Minggu Muhibbah" dan "Kelas Perpaduan Rakyat".

Saya ingin memaklumkan bahawa di bawah aktiviti-aktiviti "Kejiranan" unsur-unsur perpaduan dan muhibbah sentiasa diamalkan dan ditegaskan. Tentang cadangan supaya belia digalakkan menyertai kelab-kelab yang bukan bercorak perkauman, memang di negara kita sudah ada kelab-kelab belia yang tidak bercorak perkauman. Kerajaan bersetuju dengan cadangan tersebut dan berharap pada masa akan datang lebih banyak lagi kelab-kelab belia tidak akan bercorak perkauman.

Mengenai penglibatan kaum wanita dalam kegiatan-kegiatan perpaduan, saya sukacita memaklumkan bahawa di bawah aktiviti-Jabatan Jabatan Perpaduan Negara, kaum wanita telah sama-sama menyertai aktiviti-aktiviti perpaduan.

Yang Berhormat Senator Dato Tan Peng Khoon telah mencadangkan supaya Jabatan, Perpaduan Negara mempertingkatkan usaha mewujudkan perpaduan di antara kaum dengan melibatkan semua kaum dalam kegiatan-kegiatan yang dianjurkan.

Sukacita saya maklumkan bahawa semua aktiviti Jabatan Perpaduan Negara telah disertai oleh rakyat berbilang kaum.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat Senator Haji Abu Bakar Lajim supaya Kerajaan membuat beberapa penyesuaian kepada strategi dan program penyusunan semula masyarakat, adalah satu cadangan yang baik dan sedang diusahakan oleh Kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara langkah-langkah penyesuaian yang sedang diusahakan oleh Kerajaan ialah:

- (1) Meningkatkan penglibatan sektor swasta terutama usahawan bumiputera dalam pertumbuhan ekonomi negara melalui penswastaan agensi atau syarikat Kerajaan, melonggarkan syarat dengan prosedur pelaburan dan memudahkan perolehan pinjaman dari bank-bank tempatan untuk membiayai projek-projek yang berdaya maju.
- (2) Mengelolakan program latihan serta memberi perkhidmatan sokongan yang diperlukan untuk meningkatkan kebolehan pengusaha-pengusaha bumiputera mengurus perniagaannya sendiri dengan cara yang berkesan supaya risiko kegagalan dapat diminimakan.
- (3) Menghadkan aktiviti agensi-agensi amanah kepada bidang-bidang yang tidak mampu diceburi oleh usahawan bumiputera untuk memastikan agensi-agensi amanah tidak bersaing dengan sektor swasta terutamanya bumiputera. Di samping itu langkah ini akan menggalakkan usahawan

bumiputera menjadi peaggerak pertumbuhan ekonomidaa menyambung kepada pengwujudan peluang pekerjaan dan latihan kepada rakyat. Perhatian juga diberi untuk meningkatkan lagi prestasi syarikat-syarikat Kerajaan supaya dapat memenuhi kriteria-kriteria pemindahan kepada bumiputera melalui PNB dan ASN.

- (4) Memberi penekanan kepada rancangan pendidikan dan latihan yang sesuai di peringkat sekolah supaya lebih ramai bumiputera mempunyai kelayakan dan kecenderungan untuk memulakan perniagaan sendiri, di samping dapat mengikiskan sikap terlalu bergantung kepada Kerajaaa untuk mendapat pekerjaan.
- (5) Memberi galakan dan dorongan kepada usahawan bumiputera untuk melibatkan diri dalam bidang-bidang yang berpotensi untuk berkembang seperti pembuatan perkhidmatan industri kecil dan tidak hanya tertumpu kepada. bidang-bidang yang sudah lama wujud seperti pembinaan dan perdagangan serta mengharapkan kontrak Kerajaan,

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat supaya diadakan satu pelan induk mengenai industri kecil dan sederhana, suka saya maklumkan bahawa walaupun tidak ada pelan induk industri kecil dan sederhana, tetapi pembangunan sektor ini adalah berpandukan kepada penekanan dan strategi yang digariskan di dalam Rancangan Lima Tahun dan perakuan di dalam pelan induk perindustrian. Di samping itu, Kerajaan juga pada masa ini sedang memperkemaskan Dasar Industri

Kecil dan Sederhana untuk dijadikan landasan pembangunan sektor ini dan jika perlu, akan menentukan bidang atau sektor yang paling sesuai untuk industri kecil dan sederhana yang perlu diberi sokongan khusus seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu-isu dan prospek Dasar Ekonomi Baru yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar Lajim dan Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom Haji Maasom tadi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun menegaskan bahawa selagi negara ini mengalami ciri-ciri ketidakseimbangan di kalangan kaum yang boleh menggugat kestabilan dan perpaduan negara, selagi itulah negara memerlukan satu dasar seperti Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk terus mengatasi masalah kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Seperti Ahli Yang Berhormat telah sebutkan, memang Kerajaan juga berpendapat bahawa strategi-strategi di bawah Dasar Ekonomi Baru sekarang perlu diubahsuaikan bukan sahaja dengan mengambil kira pengalaman-pengalaman yang dialami oleh negara sejak beberapa tahun kebelakangan ini, tetapi juga untuk memastikan supaya hasil yang dicapai akan menjadi lebih berkesan sama ada dari segi pertumbuhan keseluruhannya, pelaburan dan juga pembangunan masyarakat usahawan bumiputera. Usaha-usaha mengkaji keberkesanan dan penyesuaian strategi Dasar Ekonomi Baru ini sedang dijalankan oleh Kerajaan sebagai asas ke arah menyediakan Rancangan Malaysia Keenam,

Berkaitan dengan isu perbezaan taraf hidup bumiputera di Semenanjung berbanding dengan di Sabah dan Sarawak, seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Pandikar Amin bin Haji Mulia, suka saya menegaskan bahawa Kerajaan tidak sekali-kali berhajat untuk membezakan taraf hidup di kalangan bumiputera di

bawah Dasar Ekonomi Baru. Apa yang perlu difahami dalam hal ini ialah kesan pembangunan tidak semestinya memberi kesan yang sama kepada semua golongan. Di samping itu, faedah pembangunan juga dipengaruhi oleh berbagai faktor seperti kedudukan, kesan serta kemudahan infrastruktur yang telah sedia ada. Dalam konteks ini, Kerajaan akan terus berusaha memastikan bahawa semua golongan bumiputera terutama yang berpendapatan rendah di Semenanjung, Sabah dan Sarawak akan mendapat perhatian yang sewajarnya pada tahun-tahun yang akan datang.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai penumpuan kepada pengeluaran bahan-bahan makanan tempatan, adalah dimaklumkan bahawa Dasar Pertanian Negara yang dilancarkan pada tahun 1984 memang memberi penekanan kepada pengeluaran bahan-bahan makanan seperti buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan dan perikanan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said membangkitkan mengenai terdapat pihak-pihak yang cuba menjalankan kegiatan mengkristiankan orang Melayu. Kerajaan memang menyedari terdapat kegiatan orang-orang Kristian yang menyebarkan dakwah agamanya di kalangan orang-orang Melayu. Kerajaan juga menyedari bahawa terdapat orang-orang Melayu Islam yang telah dipengaruhi dan seterusnya memeluk agama Kristian sama ada disedari atau tidak disedari oleh kedua-dua penjawatnya. Kerajaan sebenarnya telah dan sedang mengambil tindakan ke atas mereka yang terlibat dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang seperti ini ke atas mereka yang didapati terbukti terlibat di dalam menjalankan kegiatan penyebaran agama

Kristian kepada orang-orang Melayu Islam. Dengan tindakan seperti di atas dan tindakan lain yang difikirkan wajar dari masa ke semasa, Kerajaan berharap aktiviti penyebaran agama Kristian di kalangan orang-orang Melayu akan dapat dibendung.

Yang Berhormat Senator Puan Ainon Ariffin meminta Kerajaan mengambil tindakan ke atas pertubuhan yang berbentuk agama seperti pertubuhan Al-Arqam yang cuba memecahbelahkan dan memesongkan akidah umat Islam, Kerajaan sentiasa mengawasi pertubuhan-pertubuhan Islam yang bergerak di negara ini supaya tidak menimbulkan apa-apa masalah .ng boleh membawa terjejasnya keharmonian masyarakat sama ada dari segi akidah dan keselamatan. Menyentuh mengenai Al-Arqam, Kerajaan telahpun mengambil langkah menerangkan kepada orang ramai tentang beberapa perkara yang boleh menyeleweng pegangan atau akidah melalui ceramah, penerbitan buku dan dialog. Jika sekiranya didapati dan Kerajaan berpuas hati bahawa mana-mana pertubuhan, termasuklah Al-Arqam, yang jelas menyeleweng dan boleh membawa kepada terjejasnya keharmonian masyarakat dan keselamatan negara, maka Kerajaan tidak teragak-agak untuk meagambil tindakan berdasarkan kepada undang-undang yang sedia ada.

Mengenai saranan Yang Berhocraat Senator Haji Shaharom Haji Maasom mengenai nama calon di Tanjung Puteri baru-baru ini iaitu Datuk Haji Sulaiman tiada dalam daftar undi dan telah menyarankan bahawa ini adalah merupakan kesilapan daripada Suruhanjaya, sukacita saya memaklumkan bahawa pada tiap-tiap gerakan pendaftaran pengundi-pengundi baru, pihak Suruhanjaya akan mempamerkan senarai itu dan semua pengundi sepatutnya memastikam nama mereka itu ada dalam senarai itu. Jadi, saranan itu yang mengatakan bahawa Suruhanjaya telah tersalah dalam perkara ini tidaklah benar.

Yang Berhormat Senator Lim Heng Tee telah membangkitkan rasa tidak senang mengenai perkataan Islam di dalam Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam. Suka saya memaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa perkataan Islam itu seharusnya tidak menjadi perkara ini sebagai satu isu yang meragukan dan menimbulkan rasa tidak puas hati. Jika dilihat secara teliti ia merupakan satu nilai dan falsafah yang tidak sedikit pun menyentuh paksaan penganut agama-agama lain bahkan ia selaras dengan peruntukan di dalam Perlembagaan Malaysia dan latar belakang sejarah negara ini.

Jika dilaksanakan isi kandungan dasar ini ia akan melahirkan golongan pentadbir dan pengurus yang betul-betul amanah, jujur, ikhlas, dedikasi dan lain-lain nilai murni dengan tidak mengira mana-mana golongan dan seterusnya menjamin kesejahteraan masyarakat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Yang Berhormat Senator Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said berhubung dengan dasar 70 juta penduduk supaya dipertingkatkan lagi dari segi pelaksanaannya, suka saya menjelaskan bahawa bilangan 70 juta penduduk akan tercapai pada tahun 2100. Bilangan yang seramai ini sudah tentu meningkatkan lagi pasaran dalam negeri. Kerajaan telah mengambil tindakan untuk menyebarkan kepada masyarakat mengenai dasar melalui taklimat, ceramah, majlis, dialog, pameran dan sebagainya. Sehingga akhir tahun 1987 dianggarkan lebih 300,000 orang penduduk termasuk wanita dan lelaki di bandar dan luar bandar telah diberi kesedaran dan kefahaman atas hakikat dasar ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai hal-hal berkaitan dengan perkhidmatan Kerajaan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan memberi perhatian dan membuat kajian berdasarkan kepada prinsip-prinsip perkhidmatan yang digunakan dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Senator Law Jack Yoon meminta supaya Kerajaan meneliti kembali Akta Jagaan Anak-anak. Dalam hal ini suka saya memaklumkan bahawa Kerajaan akan mengkaji cadangan tersebut.

Akhir sekali saya mengucapkan ribuan tetrima kasih atas kesungguhan dan minat Ahli-ahli Yang Berhormat seraasa perbahasan atas Titah Di-Raja ini. Semua perkara yang dibangkitkan sama ada teguran, pandangan serta syor-syor akan dapat dijadikan panduan oleh Kerajaan untuk menggubal dasar negara khususnya di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Saya mohon maaf sekiranya perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri tidak dapat dijawab atau tidak dapat disentuh di dalam ucapan ini. Namun demikian, perkara-perkara tersebut telah dicatat dan akan diberi perhatian oleh Jabatan Perdana Menteri.

**Timbalaa Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalaa Menteri Kewangan untuk menjawab dahulu.

4.53 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahas Titah Ucapan Di-Raja dan memberi pandangan serta teguran terhadap perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Kewangan.

Saya mengambil kesempatan ini juga untuk memberi beberapa penjelasan ke atas beberapa perkara yang utama yang telahpun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya minta maaf jika sekiranya saya tidak menyebut satu persatu.

Di dalam Titah Di-Raja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong antara lain telahpun mengingatkan pentingnya perpaduan di negara ini supaya keamanan, kestabilan dan kemakmuran yang telah dicapai oleh negara ini dapat dipelihara. Ingatan ini adalah amat tepat sekali pada masa ini dan kita patutlah memberi perhatian yang sungguh-sungguh kepada ingatan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini.

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telahpun memberi keutamaan kepada soal perpaduan dan ini adalah satu kesedaran yang positif. Jika perpaduan terpelihara maka usaha-usaha Kerajaan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan memperbaiki taraf hidup rakyat di negara ini akan menjadi lebih mudah.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara telahpun menunjukkan tanda-tanda yang ia mulai pulih. Adalah dijangka KDNK akan berkembang pada kadar 5% pada tahun ini dan jika keadaan ekonomi negara maju adalah terus di dalam keadaan yang menggalakkan. Walaupun demikian kita hendaklah terus berhati-hati dan berjimat-cermat dan mengurangkan isu-isu yang sensitif yang boleh menjejaskan minat para pelabur untuk datang melabur ke negara ini.

Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar Lajim membangkitkan soal duti eksport yang tinggi iaitu sebanyak \$3,000 setan metrik yang telah dikenakan ke atas rotan dan menurut belian duti eksport yang tinggi ini telahpun menjejaskan industri eksport rotan

dan akibat yang teruk telah dialami oleh pengeksport-pengeksport rotan bumiputera.

Sukalah saya menjelaskan iaitu duti eksport rotan sebenarnya bukanlah \$3,000 setan metrik tetapi ialah \$2,700 setan metrik. Duti eksport yang dikenakan ke atas rotan bulat ataupun terbelah, dengan izin, whole or split, di bawah kod tarif 1401.20 100 dan 900 mula dinaikkan menjadi \$2,700 setan metrik pada 27hb Ogos, 1987.

Walau bagaimanapun duti eksport ini adalah dikenakan bagi eksport dari Semenanjung Malaysta sahaja. Bagi eksport rotan dari nisbah dan Sarawak kadar duti eksport lama iaitu \$1,350 setan metrik bagi manau ataupun bulat dan \$250 setan metrik bagi rotan-rotan jenis lain, bulat masih berkuatkuasa. Pengecualian kadar duti eksport baru ke Sabah dan Sarawak adalah memandangkan negeri-negeri berkenaan kekurangan industri tempatan untuk memproses rotan. Tujuan utama duti eksport ke atas rotan ini dinaikkan di Semenanjung Malaysia adalah untuk menggalakkan pertumbuhan industri kecil yang menggunakan rotan sebagai bahan mentah. Ini adalah selaras dengan dasar perindustrian negara yang menggalakkan industri mempunyai nilai tambahan ataupun 'value added' berbanding dengan pengeksportan bahan mentah sahaja. Langkah Kerajaan ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pembuat-pembuat perabot daripada rotan serta agensi-agensi yang memajukan perusahaan kraftangan yang menggunakan rotan. Sukalah saya meneadangkan kepada mereka yang bergantung kepada mengeksport rotan supaya megubah strategi dan sama-sama menjayakan matlamat dasar perindustrian negara.

Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Chan Choong Tak telah membangkitkan soal, dengan izin, red tape itu kerenah pentadbiran di Bahagian Pinjaman Perumahan, Kementerian Kewangan. Saya akan mengarahkan supaya peraturan-peraturan yang sedia akan dikaji seraula dan mana-mana yang tidak perlu dan penting akan dimansuhkan untuk mempercepatkan permohonan-permohonan pinjaman perumahan yang dibuat oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang mempunyai kelayakan. Peraturan-peraturan yang perlu diperbaiki akan dibaiki dengan tujuan-tujuan untuk memudahkan permohonan dan mengurangkan kerenah pentadbiran yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan akan terus berusaha untuk merapbaiki kewangan sektor awam di samping menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara. Teguran dan cadangan yang berfaedah dan sesuai untuk negara majmuk seperti Malaysia akan dilaksanakan. Marilah kita melipatgandakan usaha untuk memelihara perpaduan dan bersama-sama dengan Kerajaan dengan bersungguh-sungguh membina negara Malaysia yang maju dan makmur dan aman *ini*.

Kepada Yang Berbormat-Yang Berhormat yang menimbulkan teguran-teguran dan sebarang cadangan-cadangan, saya mengucapkan terima kasih bagi pihak Kementerian Kewangan dan semua perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu telah dicatatkan. Insya Allah, jika sekiranya ia munasabah dilaksanakan Kementerian Kewangan akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri untuk menjawab.

**4.58 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan, teguran dan sokongan terhadap perjalanan Kementerian Dalam Negeri semasa membahaskan Usul Menjunjung Kasih di atas Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyokong perabentangan Kertas Putih "Ke Arah Memelihara Keselamatan Negara oleh Kerajaan baru-baru ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi sokongan ke atas pembentangan Kertas Putih tersebut. Di sini sukalah saya menegaskan bahawa Kerajaan sentiasa memberi perhatian serius kepada keselamatan dalam negeri kerana jika keadaan keselamatan dalam negeri tidak terjamin, program pembangunan yang dirancang atau yang sedang dilaksanakan oleh pihak awam dan swasta tidak akan mencapai matlamatnya.

Yang Berhormat Senator Azman Atar bin Othman menyarankan supaya diambil tindakan tegas ke atas sesiapa sahaja pemimpin yang cuba mewujudkan huruhara dalam negeri. Mengenai saranan ini, sukalah saya memberi jaminan bahawa Kerajaan sentiasa bertindak tegas ke atas sesiapa sahaja yang mewujudkan huruhara dalam negeri tanpa mengira pangkat, fahaman politik atau kedudukan.

Yang Berhormat Senator Hassan bin Nam menyarankan supaya dipercepatkan pengwartaan tanah atau kawasan bagi Orang Asli. Mengenai ini sukalah saya memaklumkan bahawa sebahagian daripada kawasan Orang Asli telahpun diwartakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan. Di antara kawasan yang telah diwartakan sebagai kawasan-kawasan Orang asli adalah seperti di:-

- (1) Kampung Kuala Rengit, Batu Pahat, Johor.
- (2) Kampung Bangkong, Daerah Sepang, Selangor.
- (3) Ulu Geruntung di Daerah Kinta, Perak.
- (4) Sungai Terair di Daerah Raub, Pahang
- (5) Karapung Gobok di Daerah Seremban, Negeri Serabilan.
- (6) Kampung Sungai Pergam Daerah Kemaman, Terengganu.
- (7) Lubok Bandung di Daerah Jasin, Melaka.

Proses pengwartaan kawasan yang lain sedang dalam tindakan Kerajaan-kerajaan Negeri. Sebagaimana yang Senator sedia maklum, maklumat dan data-data yang berkaitan perlu dikumpulkan sebelum satu-satu kawasan tersebut diwartakan sebagai kawasan Orang Asli.

Yang Berhormat Senator Pandikar Amin Haji Mulia mendesak Kerajaan supaya mengetatkan kawalan keselamatan di persisiran pantai supaya penduduk di persisiran pantai terhindar dari sebarang ancaman. Mengenai saranan Yang Berhormat Senator itu, sukalah

saya memberi jaminan bahawa Kerajaan akan mempergiatkan lagi kawalan di kawasan-kawasan yang sering kali diancam oleh anasir-anasir jahat dengan langkah-langkah seperti mengadakan kawalan luar pantai atau outer condon, menggunakan bot-bot besar, mengadakan kawalan tepi pantai menggunakan bot-bot kecil, menempatkan pasukan Polis Hutan di tempat-tempat strategik, meningkatkan rondaan di kawasan-kawasan yang sering terancam dan mengadakan operasi khas dari semasa ke semasa.

Selain daripada itu pasukan keselamatan juga akan dibekalkan dengan bot-bot laju untuk meningkatkan keupayaan mereka dalam usaha menjaga keselamatan persisiran pantai negara.

Mengenai saranan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Nasir bin Haji Manap supaya peranaa dan tugas anggota RELA dipertingkatkan, sukalah saya memaklumkan bahawa langkah-langkah untuk membolehkan ahli-ahli RELA menjalankan tugas dengan lebih berkesan sentiasa diambil dari semasa ke semasa dengan mengadakan kursus dan latihan - latihan yang berkaitan dengan peranan dan tanggungjawab mereka.

Mengenai keanggotaan pasukan RELA dari kalangan muda mudi pula, saya ingin memaklumkan bahawa warganegara yang berumur 18 hingga 55 tahun adalah berkelayakan menjadi ahli RELA. Had umur minima 18 tahun itu tidaklah dapat diturunkan memandangkan bentuk tugas ahli-ahli RELA memerlukan satu peringkat kedewasaan supaya tugas-tugas mereka dapat dilaksanakan dengan licin dan berkesan.

Yang Berhormat Senator Haji Shaharom bin Haji Maasom telah membangkitkan tentang Polis Pelancong di mana beliau mencadangkan supaya tidak diwujudkan Polis Pelancong yang khas. Mengenai perkara ini sukalah saya menjelaskan bahawa sebenarnya memang tidak ada Polis Pelancong yang khas tetapi Polis biasa yang diberi tugas

fungsi pelancongan, di samping tugas-tugas kepolisian yang biasa seperti juga Polis Trafik, Polis Hutan dan sebagainya. Mereka ini diberi latihan yang tertentu dan ditempatkan di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan para pelancong bagi menolong pelancong-pelancong dalam hal mereka berjalan di bandar-bandar di negara kita kerana pelancongan merupakan satu tarikan yang besar dalam pendapatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pihak saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun menyentuh sedikit sebanyak tentang Kementerian Dalam Negeri dan jika sekiranya ada perkara-perkara yang tidak sempat saya sentuh, saya akan mengambil perhatian yang berat di atas perkara itu dan sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih atas teguran-teguran dan pandangan-pandangan yang telah diberi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk memberi jawapan.

5.04 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Oo Gin**

**Sun]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas minat yang ditujukan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Tiong Hiew King dan Yang Berhormat Senator Tuan Pandikar Amin bin Haji Mulia yang telah menyentuh mengenai penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator-senator itu, perbicaraan di mahkamah-mahkamah pada masa sekarang belum lagi menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya kerana seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, Akta 32 memberi kelonggaran kepada mahkamah berhubung dengan penggunaan Bahasa Malaysia dan di samping

itu banyak lagi akta zahir kepada akta-akta yang masih lagi dalam bahasa Inggeris. Walaupun terdapat kelonggaran, namun begitu Kerajaan telah, sedang dan akan terus mengambil beberapa langkah positif untuk memastikan Bahasa Malaysia digunakan di setiap peringkat mahkamah. Di antara langkah-langkah itu ialah:

- (1) Ketua Hakim Negara telah mengeluarkan satu pekeliling kepada semua Hakim-hakim Mahkamah Agung, Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Session dan Magistret menyeru agar di mana yang boleh mereka menggunakan Bahasa Malaysia. Arahan ini telah dikeluarkan pada 21hb September, 1982;
- (2) Kerajaan telah mewujudkan satu Biro Terjemahan yang ditempatkan di bawah Jabatan Kehakiman mulai tahun 1984 di mana tugas-tugas Biro tersebut di antara lain ialah membuat terjemahan semua kes-kes Mahkamah Agung dan Mahkamah Tinggi ke dalam Bahasa Malaysia. Setakat ini Biro tersebut telah menyiapkan satu naskhah mengandungi senarai perkataan-perkataan Bahasa Malaysia yang digunakan di mahkamah di dalam perundangan dan naskhah tersebut telah diedarkan kepada semua hakim dan pegawai-pegawai kehakiman;
- (3) surat Pekeliling telah dikeluarkan kepada serua Mahkamah Rendah di negara ini supaya memulakan penggunaan Bahasa Malaysia di dalam kes-kes yang dibicarakan oleh mahkamah-mahkamah tersebut;
- (4) di dalam pentadbiran harian Jabatan Kehakiman semua surat menyurat dan Pekeliling-pekeliling adalah di dalam Bahasa Malaysia;

- (5) surat-surat juga dikeluarkan kepada Majlis Peguam meminta badan tersebut menasihatkan semua peguam-peguam menulis surat di dalam Bahasa Malaysia kepada mahkamah-mahkamah;
- (6) semenjak bulan September, 1987 semua undang-undang yang digubal adalah dibutirkan dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris di mana teks Bahasa Malaysia adalah teks yang sah. Di samping itu Jabatan Peguam Negara sedang menterjemahkan semua undang-undang yang digubal sebelum September, 1967 dari bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia;
- (7) borang-borang yang hendak difailkan di Mahkamah Tinggi oleh seseorang peguam untuk diterima masuk sebagai peguambela dan peguarocara perlu dibuat di dalam Bahasa Malaysia semenjak dua tahun yang lepas;
- (8) semenjak tahun 1984 seseorang peguam yang belum diterima masuk sebagai Peguam disyaratkan mendapatkan kelulusan dalam Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau yang setaraf dengannya dan jika tidak, mereka dikehendaki mengambil peperiksaan lisan yang dikendalikan oleh suatu Lembaga yang dipengerusikan oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi;
- (9) berhubung dengan akta zahir yang masih lagi dalam bahasa Inggeris, usaha-usaha sedang dan akan terus diambil oleh pihak Peguam Negara untuk menterjemahkan akta-akta tersebut;
- (10) Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menambahkan di sini bahawa pihak Kehakiman telahpun menubuhkan suatu Jawatankuasa Khas mengenai pelaksanaan penggunaan

Bahasa Malaysia di Mahkamah pada 26hb Mac, 1988. Jawatankuasa ini terdiri dari para Hakim Mahkamah Tinggi, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Kehakiman, pihak-pihak Kerajaan dan swasta yang terlibat dalam perundangan serta pihak-pihak yang arif dalam perundangan dan dalam Bahasa Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, dipersilakan Yang Berhormat.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar [Tuan Mohamed bin Jamrah]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar di dalam perbahasan ke atas Titah Di-Raja di Dewan yang mulia ini sejak 28hb Mac, 1988.

Sukacita saya memberi penjelasan ke asas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu khususnya mengenai kemudahan infrastruktur di luar bandar, industri kecil dan pemulihan tanah terbiar oleh FELCRA.

Yang Berhormat Senator Abu Bakar Lajim menggesa supaya Kerajaan meningkatkan kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik di luar bandar. Mengenai perkara ini, sukacita saya menyatakan bahawa sememangnya menjadi hasrat Kerajaan untuk menyediakan kemudahan asas tersebut di semua kawasan luar bandar termasuklah kawasan-kawasan pendalaman di seluruh negara. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah bergantung kepada kemampuan kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Abu Bakar Lajim supaya Kerajaan menentukan bidang industri yang perlu diceburi oleh pihak swasta, Kerajaan telahpun mengenal-pasti beberapa industri yang diberi keutamaan kepada industri kecil. Industri-industri tersebut ialah industri makanan, kayu, rotan dan buluh, kejuruteraan ringan, bahan-bahan binaan, ceramic dan plastik. Selain daripada itu, Kerajaan juga sentiasa menentukan bahawa apa juga bantuan yang diberi kepada pengusaha-pengusaha industri kecil mestilah menepati matlamat untuk menghasilkan pengeluaran yang mempunyai pasaran ataupun mudah dipasarkan. Ini adalah penting untuk memastikan bahawa setiap projek industri kecil yang dilaksanakan akan dapat mencapai kejayaan.

mengenai saranan supaya industri kecil dan sederhana menjadi industri bantuan kepada industri berat, sememangnya Kerajaan menggalakkan suasana di mana industri-industri kecil dapat membekalkan barang-barang keperluan yang dikehendaki oleh industri besar. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telahpun menubuhkan skim kontrak kecil di Bahagian Perusahaan Kecil untuk menggalakkan hubungan "sub-contracting" di antara syarikat-syarikat industri kecil dan sederhana tempatan yang mengeluarkan barang-barang serta komponen bagi kegunaan syarikat-syarikat industri besar yang memerlukan barang-barang tersebut bagi keluaran barangan mereka.

Menyentuh mengenai cadangan diadakan pelan induk industri kecil dan sederhana, cadangan ini adalah baik dan Kerajaan akan mengkajinya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan projek-projek bumiputera tidak lagi diberi elaun cukai pelaburan, sebenarnya semua projek-projek bumiputera telah dipertimbangkan untuk diberi berbagai-bagai galakan cukai termasuk elaun cukai pelaburan jika projek-projek tersebut mematuhi syarat-syarat dan kehendak-kehendak Kerajaan. Misalnya projek-projek bumiputera boleh memberi elaun cukai pelaburan jika projek-projek tersebut menjalankan industri-industri yang diutamakan oleh Kerajaan pada masa ini.

Mengenai masalah pengeksport-pengeksport rotan bumiputera yang mendapat kerugian besar akibat dari kenaikan cukai eksport, tindakan yang diambil oleh Kerajaan itu sebenarnya ialah bertujuan untuk menggalakkan rotan-rotan yang dikeluarkan di negara ini digunakan dalam industri-industri pembuatan, Malah pengusaha-pengusaha rotan sendiri sedang mendesak Kerajaan supaya mengharamkan pengeksportan semua jenis rotan. Dengan cara ini negara akan mendapat faedah dari segi jangka panjang di samping dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang mengkaji mengenai masalah-masalah ini supaya tidak semua jenis rotan dikenakan cukai eksport.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Hassan Nam pula menyeru agar Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) memajukan tanah terbiar Orang-orang Asli yang telah digazetkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi dasar FELCRA sebelum satu-satu kawasan rizab Orang Asli dimajukan oleh FELCRA, tanah tersebut hendaklah terlebih dahulu digazetkan sebagai Rizab Orang Asli. Sekiranya status Rizab Orang Asli tersebut tidak dapat diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli

di atas sebab-sebab tertentu maka FELCRA hanya boleh memasuki dan memajukan kawasan berkenaan sekiranya mendapat kelulusan dari Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga sehingga akhir tahun 1987 FELCRA telahpun memajukan kawasan seluas 6,361 hektar untuk projek-projek pembangunan Orang Asli dan untuk program tahun 1988 FELCRA telahpun merancang dan memajukan kawasan seluaa 2,452 hektar bagi tujuan yang sama di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan saranan Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom yang mencadangkan agar MARA mengeluarkan kain pelekat. Ingin saya memberi tahu bahawa anak Syarikat MARA iaitu KIMA pada hari ini telahpun mengeluarkan kain putih tetapi pengeluaran ini bukanlah terhad kepada kain putih sahaja tetapi meliputi kegunaan lain seperti tuala, sapu tangan, pakaian askar dan kemeja, Untuk mempelbagaikan sehingga ke kain pelekat, perkara ini akan kami ambil perhatian.

Begitu juga dengan saranan Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom untuk mengadakan kemudahan asas di kawasan-kawasan pendalaman. Ini juga telah saya sentuh di dalam jawapan saya terhadap cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Abu Bakar Lajim sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, buat akhirnya sekali lagi saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara mengenai Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Di atas cadangan, pandangan dan teguran yang dikemukakan, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar akan sentiasa memberi perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Pengangkutan untuk memberi jawapannya. Dipersilakan.

5.16 ptg,

**Menteri Pengangkutan [Dato' Dr, Ling Liong Sik]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih atas teguran-teguran, pandangan-pandangan dan juga syor-syor yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Suka saya meyakinkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa semua perkara yang telah dibangkitkan itu akan diteliti dan jika sekiranya sesuai akan dijadikan panduan untuk melaksanakan tugas Kementerian Pengangkutan demi manfaat dan faedah semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, seperti biasa perkhidmatan MAS telah menjadi topik yang popular dibahaskan di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Tuan Pandikar Amin bin Haji Mulia dan Yang Berhormat Tuan Stephen Timothy Wan Ullok telah menyentuh mengenai perkhidmatan ini dan kesannya ke atas industri pelancongan di negeri Sabah dan Sarawak.

Berhubung dengan cadangan supaya tambang kapalterbang diturunkan bagi membolehkan rakyat Sabah dan Sarawak menikmati hasil industri pelancongan, sukacita saya menjelaskan bahawa Kementerian Pengangkutan dan MAS sentiasa memberikan perhatian kepada tambang-tambang perkhidmatan MAS, termasuk tambang-tambang di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak, untuk menentukan tambang-tambang ini adalah pada paras yang berpasukan dan mampu dibayar oleh rakyat Malaysia dan para pelancong.

MAS telahpun memperkenalkan berbagai jenis tambang istimewa yang murah bagi memudahkan perjalanan pengguna di antara kawasan-kawasan tersebut. Tambang-tambang ini di antara lain, termasuklah tambang "excursion", tambang "keluarga", tambang "night tourist", "special group fare", "senior citizen" dan sebagainya, yang mempunyai diskaun hingga 50%, berasaskan kepada jenis tambang berkenaan. mengikut kajian yang dijalankan, tambang-tambang istimewa ini telahpun mendapat sambutan yang baik dari orang ramai dan para pelancong semenjak pelaksanaannya.

Mengenai kemungkinan penambahan penerbangan dari syarikat syarikat penerbangan lain, suka saya memaklumkan bahawa Kerajaan, dalam rundingan-rundingan udara dengan negara-negara asing, telah juga menawarkan Kota Kinabalu dan Kuching untuk perkhidmatan-perkhidmatan oleh syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa.

Terpulanglah kepada negara-negara asing untuk membuat keputusan sama ada hendak mengadakan perkhidmatan ke tempat-tempat yang ditawarkan oleh Malaysia itu.

Mengenai seruan supaya Kerajaan menambahkan bilangan penerbangan dan perkhidmatan MAS ke destinasi di Sarawak dari Lapangan terbang Subang, saya suka memaklumkan bahawa pada masa ini MAS menyediakan 37 penerbangan seminggu di antara Lapangan terbang Subang dengan Kuching. Purata muatan penumpang atau average load factor, dengan izin, dari bulan Ogos 1987 hingga Februari 1988 ialah 77%. Memandangkan purata muatan yang tinggi ini MAS akan mengadakan tambahan dua lagi perkhidmatan B-737 seminggu mulai 1hb April, tahun ini. Sukacita saya memberikan jaminan bahawa Kementerian Pengangkutan akan terus mengawasi purata muatan penumpang perkhidmatan MAS ke destinasi di Sarawak dari lapangan terbang Subang dan jika keadaan memerlukan capacity tambahan akan juga disediakan.

Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay pula telah menyentuh mengenai rancangan penswastaaan Jeti Tanjung Beruas, Melaka oleh Kerajaan dan juga masalah-masalah yang mungkin akan timbul dengan usaha penswastaaan tersebut. Suka saya nyatakan di sini bahawa penswastaaan Jeti Tanjung Beruas pada dasarnya telahpun dipersetujui dan diterima oleh Kerajaan. Kajian yang teliti dan terperinci berhubung dengan usaha ini sedang dijalankan derai untuk menentukan tidak ada manana pihak pun akan mengalami kerugian selepas jeti tersebut di swastakan kelak. Pada ketika ini Kerajaan sedang menghalusi dan

mengkaji secara mendalam cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh syarikat yang terlibat itu. Beberapa mesyuarat dan rundingan telah juga diadakan di antara Jabatan-jabatan Kerajaan, Lembaga Pelabuhan Kelang dan syarikat berkenaan. Perbincangan ini telahpun sampai ke peringkat akhir dan akan dibawa untuk pertimbangan Kerajaan sedikit hari lagi. Di sini suka saya menegaskan bahawa penswastan Jeti Tanjung Beruas tidak akan menjejaskan nasib pekerja-pekerja dan pengguna-pengguna yang ada sekarang. Ini adalah kerana syarikat-syarikat stevedore akan terus dilesenkan oleh Lembaga Pelabuhan Kelang di masa akan datang dan bukannya di bawah kawalan syarikat swasta yang akan mengambilalih pentadbiran jeti ini kelak. Pengguna-pengguna jeti pula, terutama sekali syarikat-syarikat yang telahpun menyewa tanah-tanah dan membina gudang masing-masing akan terus dibenar menjalankan aktiviti-aktiviti mereka sekurang-kurangnya sehingga tamat tempoh penyewaan mereka. Saya ingin meyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa salah satu syarat utama dalam pelaksanaan penswastan ini ialah syarikat tersebut hendaklah mengambilalih dan menyerapkan pengurusan yang sedia ada.

Yang Berhormat Senator Haji Shaharom tadi telah menyentuh di atas masalah yang dihadapi pada ketika ini oleh kerani sambilan di Jabatan Pengangkutan Jalan. Sukalah saya memberitahu iaitu sekarang ini satu kajian sedang dijalankan oleh MAMPU di Jabatan Perdana Menteri di atas perkara sama ada berapakah kerani sambilan ini diperlukan dan adakah angka-angka itu akan dikurangkan dan apabila kajian ini telah tamat, satu keputusan akan dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja ucapan saya mengenai beberapa teguran yang telah dikemukakan dan saya percaya pandangan-pandangan yang bernas dan membina itu pasti akan dapat membantu

usaha Kementerian Pengangkutan untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan untuk memberi jawapan bagi pihak Kementerian Pertahanan. Silakan.

5.24ptg.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato Abang Abu Bakar bin Dato Bandar Abang Haji Mustapha]:** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang perbahasan Titah Di-Raja yang berlangsung selama 3 hari, hanya 2 orang Senator sahaja yang telah menyentuh Kementerian Pertahanan, iaitu Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin dan Senator Abdul Hamid bin Ibrahim. Saya mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua orang Senator yang telah memberi perhatian kepada Kementerian Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin telah meluahkan rasa bimbang terhadap pergolakan yang berlaku di Asia Barat, khasnya yang berlaku di Palestine dan mengharapkan keupayaan Pasukan Keselamatan kita, khasnya Angkatan Tentera dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita memang sentiasa mengawasi dan mengikuti setiap perkembangan yang berlaku di sekitar rantau ini, termasuk apa yang berlaku di Asia Barat sekarang. Kerajaan juga peka terhadap apa-apa bentuk ancaman yang dianggap mempunyai potensi dalam mengancam keselamatan negara. Kerajaan tidak pernah mengabaikan keperluan keselamatan negara, oleh itu walaupun dalam suasana ekonomi negara yang masih belum pulih sepenuhnya, usaha untuk memmodern dan memperlengkapkan seluruh sistem pertahanan negara akan diteruskan. Walaupun rancangan perkembangan Angkatan Tentera tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya, namun keupayaan dan kemampuan Angkatan Tentera mengekalkan keselamatan tidak pernah

terjejas. Kita juga harus sedar bahawa langkah yang diambil ke arah menghadapi sebarang kemungkinan yang melibatkan kuasa besar tidak hanya tertumpu kepada aspek ketenteraan sahaja, yang lebih penting melalui penyelesaian politik dan diplomatik.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Abdul Hamid bin Ibrahim telah membangkitkan beberapa isu yang berkaitan dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh bekas-bekas perajurit. Saya mengucapkan syabas terhadap perhatian berat yang ditunjukkan oleh beliau, bahkan sewajarnya perhatian itu diberikan oleh beliau sebagai sifat-sifat mewakili bekas-bekas perajurit dalam Dewan yang mulia ini. Isu-isu yang dibangkitkan itu kalau boleh saya sebutkan di sini ialah:

Isu pertama, kenaikan pencen untuk bekas tentera British;

Isu kedua, masalah pengiktiratan perkhidmatan lepas bekas tentera British;

isu ketiga, kemahiran ketukangan yang tidak diiktiraf;

Isu keempat, bantuan untuk bekas perajurit;

Isu kelima, kontrak dengan Kementerian Pertahanan;

Isu keenam, kemudahan PERNAMA;

Isu ketujuh, bantuan kewangan untuk bekas perajurit; dan

Isu kelapan, babagian hal ehwal bekas perajurit.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya perkara-perkara yang dibangkitkan itu sebenarnya telah dibincangkan dalam satu pertemuan di antara pihak Persatuan Bekas Perajurit Malaysia, termasuk Yang Berhormat Senator Abdul Hamid bin Ibrahim sendiri dengan Yang Berhormat Menteri Pertahanan dan saya sendiri pada 14hb Mac, 1988 di Kementerian Pertahanan. Saya tidak faham kenapa Yang Berhormat Senator Abdul Hamid tidak memahami bahawa perkara yang telah

dibincangkan itu sedang dalam tindakan Kementerian Pertahanan. Walau bagaimanapun, oleh kerana perkara-perkara tersebut telah dibangkitkan di Dewan yang mulia ini, maka izinkan saya memberi jawapan terhadap perkara-perkara itu satu persatu sebagaimana berikut.

Isu pertama, mengenai kenaikan pencen untuk tentera British mengikut kadar pencen kepada pesara-pesara bekas anggota tentera Malaysia. Saya ingin memaklumkan di sini bahawa ianya memerlukan kajian yang lebih mendalam dan teliti oleh kerana perkara ini melibatkan peraturan-peraturan pencen yang berbeza antara kedua Kerajaan.

Jawapan mengenai perkara ini telahpun dijawab dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini pada 28hb Mac, 1988 yang lalu. Saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan tersebut.

Isu kedua, mengenai pengiktirafan perkhidmatan lepas tentera British pula, perkara ini masih dalam kajian dan akan dirujuk kepada pihak-pihak lain yang terlibat dalam hal ini.

Isu ketiga, mengenai kemahiran ketukangan yang tidak diiktiraf, perkara ini juga telah dtimbulkan dan dibincangkan semasa perjumpaan Pasukan Bekas Perajurit Malaysia dengan Yang Berhormat Menteri Pertahanan pada 14hb Mac, 1988. Walau bagaimanapun, biarlah saya jelaskan sekali lagi bahawa Kementerian Pertahanan sedang mengambil langkah sewajarnya dengan segera dan diharap keputusannya nanti akan menguntungkan bakal-bakal bekas perajurit Malaysia.

Yang Berhormat juga menyatakan bahawa kemahiran pertukangan Malaysia masih diragui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan dengan itu tidak mendapat pengiktirafan. Sebagai makluman perlu dijelaskan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam bukanlah badan yang memberi pengiktirafan terhadap ketukangan atau kemahiran. Jabatan Perkhidmatan Awam adalah menyelaras skim-skim perkhidmatan bagi jenis-jenis ketukangan yang telah mendapat pengiktirafan. Pengiktirafan di buat oleh badan profesional dan teknikal dalam bidang masing-masing. Badan-badan pengiktirafan ini termasuklah Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan atau LLPPKK. Jemaah Pemeriksa Eletrik, Jabatan Laut, Jabatan Telekom dan lain-lain badan profesional dan teknikal.

Langkah-langkah segera untuk mendapat pengiktirafan bagi kemahiran dan ketukangan bagi anggota tentera Malaysia oleh badan-badan pengiktirafan awam sedang dalam tindakan Kementerian Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, isu keempat, soal bantuan untuk bekas perajurit juga disentuh oleh Yang Berhormat, iaitu beliau mencadangkan supaya bantuan kewangan kepada bekas-bekas perajurit seperti lain-lain golongan rakyat yang ingin berkecimpung dalam perniagaan, Kementerian Pertahanan berpendapat tabung bantuan itu tidak perlu diwujudkan khas untuk bekas perajurit, bekas-bekas perajurit perlulah mengambil peluang di atas kemudahan-kemudahan yang sedia ada yang diberikan oleh institusi kewangan sebagai salah satu dasar Kerajaan untuk membantu bekas-bekas perajurit. Bekas-bekas perajurit seharusnya merebut peluang kemudahan ini dan juga bekas perajurit tidak perlu mengasingkan diri mereka sebagai masyarakat yang terasing.

Kedua ialah mengenai cadangan supaya penerima-penerima Pingat Keberanian dikurniakan wang tunai, adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan sentiasa tidak lupa kepada jasa-jasa mereka. Kerajaan sedang menggubal satu akta untuk membolehkan penerima-penerima bintang Darjah Kebesaran Sri Pahlawan Gagah Perkasa (SP) diberi elaun kenangan. Kementerian Pertahanan juga sedang mengkaji untuk menggubal satu lagi akta bagi membolehkan penerima-penerima Bintang Panglima Gagah Berani (P.G.B.) menerima elaun kenangan.

Isu kelima, Yang Berhormat Senator Abdul Hamid juga menyatakan bahawa Kementerian Pertahanan tidak memberi keutamaan kepada bekas-bekas perajurit atau Persatuan Bekas Perajurit dalam kontrak-kontrak kecil seolah-olah tidak mempercayai kebolehan bekas perajurit. Tuan Yaag di-Pertua, kenyataan ini tidak benar sama

sekali. Kontrak-kontrak kecil seperti kontrak kantin dalam kem telah diberi keutamaan kepada bekas-bekas perajurit. Hampir semua kantin dalam unit-unit tentera dikendalikan oleh bekas perajurit. Dalam hubungan ini ingin saya menyatakan bahawa Kementerian Pertahanan sentiasa menimbangkan kemudahan-kemudahan untuk bekas perajurit. Mana-mana permohonan daripada bekas-bekas perajurit atau syarikat-syarikat yang dimiliki oleh bekas perajurit akan dipertimbangkan dengan saksama, keutamaan akan diberi jika tawaran harga bagi satu-satu kontrak itu bersamaan atau setanding dengan lain-lain pender serta berpuas hati bahawa syarikat-syarikat berkenaan berupaya melaksanakan kontrak yang akan ditawarkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, setakat ini bagi kontrak Kementerian Pertahanan sebanyak 158 kontrak yang bernilai \$194,520.99 yang melibatkan syarikat-syarikat bekas perajurit telah diluluskan. Oleh itu, dakwaan Yang Berhormat itu adalah tidak tepat dan tidak berasas.

Isu keenam, mengenai kemudahan membeli di kedai PERNAMA untuk bekas perajurit, Kementerian Pertahanan telahpun mengkaji perkara ini. Oleh kerana cadangan ini membabitkan masalah cukai, maka pihak Kementerian Pertahanan akan merujuk cadangan tersebut kepada Bahagian Cukai Perbendaharaan Malaysia untuk mendapat pengecualian cukai kepada bekas perajurit.

Isu ketujuh, mengenai bantuan kewangan untuk bekas perajurit, Kerajaan pada masa ini belum ada cadangan untuk memberi sumbangan kewangan kepada Persatuan Bekas Perajurit Malaysia atau PBPM, bagi membantu Persatuan mewujudkan tabung Kebajikan yang berjumlah 91 juta. Dalam hubungan ini tidaklah bererti bahawa Kerajaan tidak membantu PBPM. Usaha-usaha ke arah untuk mendapat punca kewangan

bagi memberi bantuan kebajikan kepada bekas-bekas perajurit pada keseluruhannya telahpun dijalankan oleh Kerajaan. Di antara sumbangan-sumbangan Kerajaan secara nyata dan tidak nyata adalah seperti berikut:

- (i) Kerajaan telah menyumbangkan wang sejumlah \$3 juta kepada Penubuhan Wisma Pahlawan iaitu berdasarkan kepada sumbangan Kerajaan sebanyak \$2.00 bagi tiap-tiap \$1.00 yang dikutip oleh pihak Persatuan Bekas Perajurit Malaysia atau PBPM. Dengan penubuhan Wisma Pahlawan satu Lembaga Pemegang Amanah Wisma Pahlawan telah ditubuhkan dan ianya diharapkan menjadi punca pendapatan berpanjangan kepada PBPM dan juga bagi bekas-bekas perajurit.
- (ii) Sumbangan tidak nyata Kerajaan ialah melalui sokongan Kerajaan kepada kutipan derma-derma untuk kegiatan kebajikan seperti melalui derma Rayuan Hari Pahlawan yang mana perolehan derma dikecualikan dari cukai. Kutipan derma Rayuan Hari Pahlawan telah dijalankan setiap tahun oleh PBPM dengan sokongan Kerajaan dan pihak swasta.
- (iii) Sumbangan dari agensi-agensi Kerajaan dan juga syarikat-syarikat Kerajaan untuk kebajikan bekas perajurit yang diberikan dalam bentuk tabung amanah. Misalnya, dalam tahun 1981 dengan kelulusan Kerajaan, Syarikat MAS telah menyumbangkan derma sebanyak \$1 juta untuk kegunaan kebajikan bekas-bekas perajurit yang dikendalikan oleh satu lembaga amanah yang bernama Tabung Amanah PBPM-MAS. Untuk makluman Yang Berhormat nilai harta tabung ini pada masa sekarang ialah \$2.3 juta.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan Negeri Terengganu juga telah

membantu Persatuan dengan memberi tanah seluas 4,300 ekar di negeri Terengganu untuk dijadikan ladang kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari faktor-faktor tersebut, Kementerian Pertahanan berpendapat satu tabung seperti yang disebutkan tadi sepatutnya ditubuhkan oleh pihak Persatuan Bekas Perajurit Malaysia sendiri dengan memperolehi bantuan dari punca-punca yang lain selain dari bantuan Kerajaan. Ini termasuklah dari derma orang perseorangan, syarikat-syarikat perniagaan dan perusahaan dan dari derma-derma kutipan Rayuan Hari Pahlawan yang diadakan setiap tahun. Dengan ertikata lain, pihak PBPM perlu melipat-gandakan usaha bagi memperolehi sumbangan dari pihak awam dan swasta dan juga melalui pelaburan dari lain-lain.

Kementerian Pertahanan sentiasa menyokong usaha-usaha rasmi PBPM asalkan pihak PBPM sendiri dapat bergiat dengan lebih aktif. Sekiranya Kerajaan terus memperuntukan sejumlah wang untuk menubuhkan Tabung Kebajikan Bekas Perajurit, saya khuatir ianya akan mematikan semangat dan inisiatif PBPM.

Isu kedelapan, mengenai cadangan supaya pegawai-pegawai Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit digantikan oleh bekas perajurit yang lebih arif dengan masalah bekas perajurit untuk mengendalikan Bahagian tersebut adalah satu cadangan yang tidak wajar. Nampaknya Yang Berhormat Senator tidak memahami peranan yang dimainkan oleh Bahagian tersebut yang bertungsi, merancang dan melaksanakan latihan peralihan bagi bakal-bakal bekas perajurit di samping fungsi-fungsi kebajikan yang lain untuk bekas-bekas perajurit. Adalah tidak logik sama sekali urusan mereka yang dalam perkhidmatan Angkatan Tentera iaitu bakal-bakal bekas perajurit dikendalikan oleh mereka yang bukan kakitangan Kerajaan.

Sekiranya maksud Yang Berhormat Senator ialah pengendalian kursus-kursus untuk bakal bekas perajurit atau untuk bekas- perajurit dijalankan oleh bekas-bekas perajurit yang berkebolehan dan berkemahiran dalam bidang-bidang tertentu, maka itu adalah satu cadangan yang elok. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat Senator, kursus-kursus keusahawanan, pertanian, perikanan dan lain-lain keusahawanan memanglah dikendalikan oleh pihak swasta, agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan dan juga oleh pihak bank dan institusi-institusi yang lainnya. Dalam hubungan ini ada aktiviti Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit yang telah diswastakan. Sesiapa sahaja yang berkecualan boleh memasuki tender menyertai aktiviti-aktiviti itu.

Tuan Yang di-Pertua, dari faktor-faktor yang telah dinyatakan, adalah tidak benar bahawa Kementerian Pertahanan telah tidak mengambil berat terhadap nasib dan kehidupan bekas perajurit, bahkan jauh sekali dari sifat "Kacang lupakan kulit" sepertimana yang

dinyatakan dengan begitu bersemangat sekali oleh Yang Berhormat Senator Abdul Hamid. Saya merasa kesal di atas tuduhan-tuduhan Yang Berhormat bahawa Kementerian Pertahanan telah mengabaikan nasib bekas-bekas perajurit. Sebaliknya segala bantuan yang telah dan sedang diberikan oleh Kerajaan kepada Persatuan Bekas Perajurit adalah umpama "Mencurah air ke daun keladi".

Harapan dari matlamat Kementerian Pertahanan ialah supaya bekas-bekas perajurit dapat menjalani kehidupan mereka secara berdikari. Demikian juga harapan saya supaya Persatuan Bekas Perajurit Malaysia perlu berdikari, kerana itulah Kerajaan telah membantu Persatuan Bekas Perajurit supaya dapat membantu diri mereka sendiri hidup berdikari untuk seterusnya dapat membantu dan membimbing bekas-bekas perajurit yang lain. Dengan kemudahan dan bantuan yang telah diberikan itu saya yakin dan percaya pihak Persatuan dan Yang Berhormat Senator Abdul Hamid sendiri berupaya meningkatkan prestasi Persatuan bukan sahaja dari segi organisasi dan keahlian tetapi juga yang tidak kurang pentingnya dalam usaha-usaha untuk menambahkan hasil pendapatan Persatuan sendiri. Dengan yang demikian pihak Persatuan perlulah menggunakan kebijaksanaan dan pengalaman mereka untuk menambahkan pelaburan dan memperkukuhkan kedudukan pendapatan dan ekonomi Persatuan. Bantuan-bantuan yang telah diberikan itu sepatutnya menjadi asas untuk mengukuhkan kewangan Persatuan dan faedah yang berkekalan kepada bekas-bekas perajurit.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, jawapan serta ulasan saya terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya harap saya telah menjawab segala kemusykilan Yang Berhormat terhadap Kementerian Pertahanan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Dipersilakan Yang Berhormat.

5.44 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos [Tuan**

**Ong Tin Kim]**: Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan Titah Di-Raja Duli Yang Maha Mulia selama 3 hari ini, hanya 2 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, iaitu Yang Berhormat Senator C. Krishnan dan Yang Berhormat Senator Chan Choong Tak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator C. Krishnan telah membangkitkan bekalan elektrik ke ladang-ladang dan estet-estet. Tuan Yang di-Pertua, memang adalah tanggungjawab Kerajaan untuk membekalkan tenaga elektrik kepada kawasan luar bandar termasuk ladang-ladang dan estet-estet kerana elektrik merupakan satu kemudahan asas bagi rakyat kita. Atas dasar ini adalah menjadi matlamat Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk membekalkan elektrik kepada semua kawasan luar bandar termasuk ladang-ladang dan estet-estet.

Sudi saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, sehingga hujung tahun 1987 75% kawasan luar bandar yang meliputi lebih daripada 250 kawasan kampung-kampung telah dibekalkan dengan electricity. Sungguhpun ini bukan satu pencapaian yang cemerlang tetapi memandangkan keadaan ekonomi negara kita pada tahun lalu dan pada masa ini, pencapaian ini boleh dikatakan memuaskan.

Walau bagaimanapun, LLN dan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos akan terus menjalankan rancangan-rancangan mereka untuk membekalkan elektrik kepada semua kawasan luar bandar termasuk ladang-ladang dan estet-estet sekiranya keadaan kewangan mengizinkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Chan Choong Tak telah membangkitkan perkara kecekapan Syarikat Telekom Malaysia Berhad selepas ia diswastakan. Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Telekom Malaysia diswastakan pada 1hb Januari 1987 iaitu ia diswastakan hanya baru 1 tahun 3 bulan sahaja. Pada saat ini atau masa ini adalah terlalu awal untuk meninjau pencapaiannya dalam usaha mereka meningkatkan perkhidmatannya. Walau bagaimanapun, sudi saya memberitahu Dewan yang mulia ini, setelah ia diswastakan, Syarikat Telekom telah berusaha untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan dengan beberapa projek, misalnya Projek Bil Terperinci yang sedang dilaksanakan di kawasan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya, projek memperkuat sistem pengagihan perkhidmatan supaya rakyat mendapat kemudahan telekomunikasi dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan bil telefon yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Chan Choong Tak, memang ada kemungkinan di mana pengguna-pengguna disalahkan bayaran yang tinggi tetapi peratusan yang terdapat adalah rendah. Dari 1,000 aduan, terdapat hanya lebih kurang 2 kesilapan sahaja. Untuk mengelakkan -pengenaan bayaran yang risalah kepada pengguna-pengguna, seluruh pengguna-pengguna dirayu supaya memajukan pengaduan mereka secara bertulis kepada Pejabat Telekom tempatan dan setiap aduan yang diterima akan diberi perhatian dan siasatan yang sewajarnya.

Berkenaan dengan pertukaran perkhidmatan telefon yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator Chan Choong Tak, sudi saya memberi satu penjelasan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, ada dua keadaan di sini iaitu :

- (1) Jika 'A' dan 'B' tinggal di kawasan yang sama yang melibatkan ibusawat yang sama; 'A' boleh membenarkan perkhidmatan telefonnya ke rumah 'B' dengan menggunakan nombor telefon yang sama ataupun memohon satu nombor baru yang lain.
- (2) Jika 'A' dan 'B' tinggal di kawasan yang berlainan yang melibatkan ibusawat yang berlainan juga, 'A' tidak boleh memindahkan telefonnya ke tempat 'B' tetapi beliau mestilah memohon semula untuk memotong perkhidmatan telefon lamanya dan meminta telefon baru di kawasan baru itu.

Jadi, dengan penjelasan ini saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini akan dapat satu gambaran yang tepat berkenaan pertukaran perkhidmatan telefon.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dasar Syarikat Telekom Malaysia untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan juga perkhidmatan telekomunikasi kepada rakyat jelata. Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sentiasa mengawal dan mengawasi pengendalian perkhidmatan telekomunikasi yang pada masa ini dikendalikan oleh Syarikat Telekom Malaysia.

eksport termasuk pasaran bagi hasil-hasil pertanian dan komoditi. Dalam hal ini, Pesuruhjaya Perdagangan sentiasa mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan pengimport-pengimport, gedung-gedung perniagaan dan pegawai-pegawai Kerajaan di negara-negara tersebut, bagi mempengaruhi dan meyakinkan mereka agar mendapatkan bekalan dan mengimport barangan keperluan mereka dari Malaysia. Di samping itu, Pesuruhjaya Perdagangan juga membuat kajian pasaran terperinci mengenai prospek barangan eksport Malaysia bagi menembusi pasaran antarabangsa. Pesuruhjaya Perdagangan juga dari masa ke semasa membantu pengeksport-pengeksport Malaysia yang melawat negara-negara di bawah jagaan mereka dengan mengaturkan pertemuan-pertemuan dengan pembeli-pembeli di negara berkenaan.

Yang Berhormat Tuan G. Rajoo juga telah mengesyorkan agar Kerajaan menentukan mutu barangan keluaran Malaysia sentiasa berada di tahap yang tinggi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa memberi galakan kepada pengeluaran barang-barang yang bermutu tinggi, sama ada untuk jualan tempatan ataupun untuk eksport. Adalah didapati bahawa semakin ramai pengeluar sudah mula sedar akan pentingnya menghasilkan barangan yang bermutu untuk membolehkan mereka bersaing di dalam pasaran oleh kerana sekarang terdapat lebih ramai pengguna yang mengutamakan mutu bagi barangan yang mereka beli. Kerajaan juga menyediakan perkhidmatan di dalam aspek mutu melalui SIRIM yang telah mewujudkan piawaian bagi berbagai jenis barangan untuk digunakan oleh pengeluar-pengeluar. Barang-barang yang dieksport dari Malaysia biasanya perlu menepati mutu yang telah ditetapkan oleh negara yang mengimport barangan

tersebut.Oleh itu, pengeksport-pengeksport yang tidak dapat memenuhi keperluan ini dengan sendirinya tidak dapat mengeksport barangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua , saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar Lajim atas perhatian dan pandangan beliau mengenai usaha-usaha Kerajaan untuk membangunkan sektor perkilangan dan perdagangan keseluruhannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam melaksanakan Pelan Induk Perindustrian, Kerajaan telah menubuhkan 12 Pasukan Petugas di mana tiap-tiap satu menumpukan kepada sesuatu kumpulan industri tertentu berpandukan kepada saranan Pelan Induk Perindustrian.

Semenjak Pasukan-pasukan Petugas Perindustrian tersebut ditubuhkan pada bulan Jun, 1986, aktiviti-aktiviti tiap-tiap Pasukan Petugas adalah menggalakkan. Pasukan-pasukan Petugas yang dianggotai oleh wakil-wakil dari sektor Kerajaan dan swasta itu bukan sahaja meneliti dan melaksanakan perakuan-perakuan yang terdapat di dalam Pelan Induk Perindustrian malahan turut meninjau mengenai masalah-masalah semasa yang dihadapi oleh tiap-tiap kumpulan industri. Masalah-masalah itu termasuklah masalah yang dialami kesan dari peraturan Kerajaan, cukai import , cukai jualan, bekalan bahan mentah dan sebagainya. Pasukan-pasukan Petugas juga membuat perbandingan mengenai prestasi eksport dan import bagi sesuatu kumpulan industri dengan yang diramalkan oleh Pelan Induk Perindustrian untuk mendapatkan gambaran prestasi pembangunannya .Adalah dijangkakan melalui usaha-usaha yang sedang dilaksanakan oleh Pasukan-pasukan

Petugas Perindustrian ini, sektor pekilangan negara akan dapat ditingkatkan lagi tahap pembangunannya.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar Lajim supaya kajian yang mendalam dilakukan mengenai prospek serta sesuatu keluaran yang dihasilkan, saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan memang menyedari kajian sebegini amatlah diperlukan terutamanya bagi memastikan keluaran-keluaran tersebut dapat dihasilkan secara ekonomik dan dapat bersaing di pasaran. Kerajaan juga akan melaksanakan kajian ke atas beberapa jenis keluaran yang ditentukan.

Yang Berhormat Senator Haji Abu Bakar Lajim juga menyentuh tentang bidang-bidang pembangunan yang boleh diterokai oleh industri kecil dan sederhana.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang menyedari bahawa kumpulan industri ini adalah penting dan sangat diperlukan di dalam menentukan pembangunan perindustrian secara keseluruhannya. Kumpulan industri tersebut sentiasa memberi sokongan, terutama dari segi bekalan bahan mentah, komponen-komponen serta perkhidmatan untuk membangunkan Industri-industri besar. Memandangkan hakikat inilah maka Kerajaan telah memasukkan perancangan mengenai kumpulan industri tersebut di dalam Pelan Induk Perindustrian. Adalah diharapkan melalui langkah tersebut, pembangunan industri kecil dan sederhana serta industri besar dapat digandingkan bersama demi untuk memajukan sektor pekilangan negara. Bagi menentukan perancangan dan pembangunan industri kecil dan sederhana yang lebih kemas dan teratur, Kerajaan sedang mengkaji bantuan-bantuan serta kemudahan-kemudahan tambahan untuk membangunkan industri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ng Peng Ya menimbulkan masalah keraguan pelabur-pelabur asing tentang permit kerja yang diberikan kepada jawatan-jawatan penting 'key-posts' sahaja.

Saya ingin menjelaskan bahawa baru-baru ini Kerajaan telahpun melonggarkan dasar pengambilan pegawai-pegawai ekspatriat. Di bawah dasar baru ini, sekiranya pelaburan asing itu melebihi modal berbayar asing US\$2 juta, mereka secara automatiknya dibenarkan mempunyai lima jawatan ekspatriat, di mana kelima-lima itu boleh terdiri dari 'key-posts'. Di samping itu jawatan-jawatan ekspatriat yang lain boleh dipertimbangkan apabila dipohon oleh pihak pelabur.

**UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA****YANG DI-PERTUAN AGONG**

**Timban Yang di-Petua:** Sekarang giliran Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, dipersilakan Yang Berhormat untuk mengemukakan jawapan.

6.08 ptg.

**Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah[Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memohon izin untuk memberi sedikit pejelasan di atas beberapa perkara yang dibangkitkan sepanjang perbahasan ke atas Titah Di-Raja.

Yang Berhormat Senator Haji Abdul Majid telah membangkitkan soal mengenai perkampungan nelayan di Tanjung Balau di KEJORA yang dikatakan tidak begitu tersusun.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya jelaskan iaitu Lembaga Kemajuan Wilayah Johor Tenggara (KEJORA) memang mempunyai satu projek untuk memudahkan para nelayan menangkap ikan di kawasan tersebut. Para nelayan itu menangkap ikan mengikut musim. Mereka datang dari beberapa kampung daripada sekitar kawasan itu. Pada masa ini nelayan-nelayan itu ditempatkan di rumah-rumah dan bangsal-bangsal sementara.

Suka saya maklumkan iatu KEJORA telah menguntukkan \$1.71 juta bagi melaksanakan satu perkampungan bagi nelayan-nelayan tersebut, di bawah projek ini, KEJORA sedang mendirikan 20 buah rumah nelayan dan 5 buah asrama. Rumah-rumah tersebut akan diberikan kepada nelayan-nelayan yang berkeelayakan. Cara pembelian sama ada dijual terus atau disewa-beli akan diputuskan. Harga untuk sesebuah rumah itu ialah kira-kira \$12 ribu dan mereka akan dikenakan bayaran antara \$40.00 hingga \$50.00 sebulan selama 25 tahun.

Pemilihan telahpun dibuat ke atas nelayan-nelayan yang sesuai dan mereka itu akan dipindahkan ke tempat tersebut dalam bulan Julai tahun ini juga.

Kemudahan asrama pula akan disewa dengan kadar yang munasabah kepada nelayan-nelayan yang datang menangkap ikan tetapi tidak mahu menetap di situ dan asrama itu juga akan disewa kepada para pelajar cong apabila nelayan tidak menangkap ikan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada menyediakan kemudahan perumahan itu KEJORA juga mendirikan sebuah jeti kecil berharga kira-kira \$30,000 untuk memudahkan nelayan-nelayan mendarat hasil tangkapan mereka, kemudahan-kemudahan tempat berniaga juga disediakan dengan pembinaan 5 buah gerai, sebuah pasar kecil dan sebuah storan yang sederhana dan keutamaan akan diberikan kepada Koperasi ataupun Persatuan Nelayan di tempat itu untuk menguruskan perniagaan di tempat-tempat tersebut. Selain daripada itu kemudahan-kemudahan rekreasi juga disediakan untuk mereka yang berkunjung ke tempat tersebut seperti tempat-tempat rehat, taman permainan kanak-kanak dan sebuah muzium nelayan yang sederhana di mana akan ditempatkan alat kelengkapan tentang kehidupan dan cara hidup para nelayan kita.

Kesimpulannya keseluruhan projek ini bukan sahaja akan menyediakan kemudahan-kemudahan kepada para nelayan tetapi dalam masa yang sama ianya akan cuba dijadikan sebagai satu tempat untuk menarik para pelancong dan pusat pertumbuhan ekonomi khususnya bagi mereka yang berada di tempat tersebut dan sekitarnya.

Mengenai projek mewujudkan perkhidmatan feri di antara Singapura dengan Tanjong Belunku yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, suka saya jelaskan iaitu pada awalnya projek ini hendak dikendalikan

oleh KEJORA tetapi sekarang ianya diuruskan oleh Lembaga Pelabuhan Negeri Johor. Kita berharap dengan adanya kemudahan ini nanti; ianya akan dapat memudahkan para pelancong untuk datang ke Desaru dan mencetuskan kegiatan ekonomi yang baru di tempat tersebut bagi membolehkan penduduk-penduduk tempatan mengambil babagian seberapa banyak yang mungkin .

Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya menjelaskan sedikit: mengenai raasalah menyalurkan kemudahan-kemudahan asas khususnya jalan-jalan di rancangan-rancangan FELDA. Kemudahan-kemudahan ini dilaksanakan menerusi penyelarasan dan kerjasama jabatan-jabatan Kerajaan yang berkenaan. Berbagai persoalan dari sudut peruntukan, peralatan dan keupayaan agensi-agensi berkenaan boleh memberi kesan kepada kesempurnaan kerja-kerja tersebut.

Mengenai jalan-jalan dalam perkampungan FELDA, suka saya diyatakan buat masa ini tidak ada rancangan untuk menaikkan taraf jalan-jalan tersebut. Namun demikian pihak ,Kementerian sedang mengusahakan bagi mendapatkan persetujuan dan kelulusan daripada Kerajaan supaya dapat dinaikkan jalan-jalan tersebut, Jalan-jalan yang ditar sekarang. hanyalah jalan-jalan masuk ke rancangan sahaja. Bagi tahun ini sejuralah 338.7 juta akan dibelanjakan untuk tujuan demikian . Kerja-kerja untuk memperbaiki dan menyenggara jalan-jalan yang telah rosak dibuat dari satu masa ke satu masa. Saya akan cuba mengikhtiarkan mengenai jalan di FELDA Pasir Raja seperti dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Mengenai kemudahan kesihatan pula di dalam rancangan-rancangan FELDA, suka saya menyatakan iaitu perkhidmatan tetap dalam bentuk pusat kesihatan dan Klinik-klinik Desa terdapat di 173 rancangan daripada 290 rancangan yang berpeneroka di akhir tahun 1987. Kemudahan ini diguna sama oleh penduduk dari 46 rancangan lain yang berkongsi kawasan kampung yang sama. Sementara itu peneroka-peneroka di 70 rancangan lain mendapat perkhidmatan kesihatan melalui Klinik Desa sementara klinik bergerak ataupun klinik-klinik di kampung tradisional yang berdekatan dengan rancangan-rancangan tersebut.

Pihak Kementerian sentiasa memberikan perhatian kepada masalah kesihatan ini termasuklah menaikkan tarafnya dari satu masa ke satu masa. Walau bagaimanapun saya suka menekankan iaitu keutamaan diberikan kepada rancangan-rancangan baru yang lebih memerlukan perkhidmatan tersebut.

Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom telah membangkitkan masalah penutupan Pusat Pembangunan Pekebun-pekebun Kecil ataupun PPPK yang dikelolakan oleh RISDA.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya jelaskan iaitu PPPK ini ditubuhkan di merata tempat di negara kita ini untuk membantu dan menolong pekebun-pekebun kecil di dalam urusan mereka. Kita manang seberapa yang terdaya menggalakkan dan mendorong pekebun-pekebun kecil supaya menggunakan kemudahan-kemudahan ini. Dan kalau ada pun pusat-pusat yang ditutup dan kita pun maklum ada pusat-pusat yang ditutup ianya bukanlah disebabkan oleh soal-soal masalah timbang-menimbang ataupun urusan penjualan dan pembelian getah di peringkat pusat tersebut.

Sebenarnya perkara ini berlaku kerana keadaan dan tekanan yang dialami oleh pekebun-pekebun kecil itu sendiri di dalam usaha mereka untuk hidup dan ini mengakibatkan kepada di banyak tempat pekebun-pekebun kecil telah tidak menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan dan akhirnya pusat-pusat tersebut ditutup dan saya suka menegaskan di sini iaitu dalam urusan untuk membantu dan menolong pekebun-pekebun kecil, RISDA tidak pernah mengenakan apa juga bentuk tekanan kepada pekebun-pekebun kecil, di sebaliknya kita sentiasa memberikan dorongan, memberi ransangan kepada pekebun-pekebun kecil dengan harapan kita akan dapat membantu mereka khususnya bagi meningkatkan pendapatan dan menyelesaikan apa juga masalah-masalah yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil kita ini .

Mengenai tentang harga getah yang ditawarkan oleh FELDA pula kepada peneroka-peneroka, saya suka jelaskan iaitu penentuan harga yang ditawarkan oleh FELDA kepada peneroka-peneroka adalah berasaskan kepada harga purata yang ditawarkan dalam bulan tersebut. Bagi susu getah, tawaran harga adalah ditentukan dengan purata harga RSS 1 pada bulan tersebut setelah menolak kos ses dan tanaman s mula Kerajaan serta kos memproses sebanyak 12 sen. Bagi getah sekerap pula harga ditentukan dengan berdasarkan harga purata SMR20 pada bulan itu juga ianya juga perlu ditolak dengan kos-kos seperti ses dan tanaman semula serta memproses sebanyak 29 sen.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan di sini iaitu berdasarkan kepada angka-angka yang ada di Kementerian sekarang ini , walaupun di satu ketika dahulu para peneroka terutama sekali di

dalam rancangan-rancangan sawit telah menghadapi berbagai masalah akibat dari pengaruh harga di pasaran tetapi peneroka-peneroka yang terlibat di dalam pengeluaran getah tidak berdepan dengan persoalan-persoalan sangat kerana pada keseluruhannya keadaan harga getah kita adalah lebih stabil kalau dibandingkan dengan harga kelapa sawit.

Namun demikian pihak Kementerian khususnya FELDA sentiasa meneliti akan apa juga perkembangan dari satu masa ke satu masa bagi memastikan peneroka-peneroka baik dalam rancangan getah mahu pun dalam rancangan kelapa sawit mendapat pulangan yang wajar daripada usaha-usaha yang mereka usahakan .Sekian, terima kasih .

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Menteri Pertanian untuk menjawab,

6.20 ptg.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan[Tuan Haji Hussein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pertanian yang telah memberi pandangan dan teguran terhadap Kementerian Pertanian semasa perbahasan atas Titah Di-Raja.

Yang Berhormat Tuan Chan Choong Tak telah membangkitkan masalah banjir di bandar Seremban apabila berlaku hujan lebat. Sukacita dimaklumkan di sini bahawa untuk mengatasi masalah banjir tersebut, sebuah projek tebatan banjir sedang dilaksanakan oleh Jabatan Parit dan Taliair. Setakat ini, komponen pertama projek ini melibatkan pembinaan saluran Sungai Temiang dari Kuala Sungai Linggi hingga Jalan Temiang di sebelah hulu sepanjang lebih kurang 4,860 meter dan juga cabangnya hingga ke Jalan Tun Dr. Ismail di sebelah hulu sepanjang lebih kurang 2,150 meter serta sebuah jambatan tetapi.

Oleh kerana peruntukan yang terhad, kerja-kerja yang dijadualkan untuk dilaksanakan di bawah program Rancangan Malaysia Kelima ini dibabagikan kepada tiga peringkat iaitu:

Package I - membina saluran Sungai Temiang dari kualanya di Sungai Linggi. hingga ke Jalan Rasah sepanjang lebih kurang 1,433 meter;

Package II- membina sebuah jambatan keretapi;

Package III - membina saluran Sungai Temiang dari Jalan Rasah hingga ke Jalan Lintang sepanjang lebih kurang 1,323 meter.

Kerja-kerja pembinaan basikal bermula pada awal tahun 1986 dan setakat ini kemajuan yang dicapai bagi Package I adalah sebanyak 50%, Package II 22% dan Package III 55%. Keseluruhan projek ini memerlukan peruntukan berjumlah lebih kurang \$21 juta.

Mengenai masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay berhubung dengan kemungkinan penternak-penternak babi di Singapura memindahkan ladang-ladang mereka ke Malaysia akibat daripada penutupan ladang-ladang di negara tersebut, sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Haiwan sedang meneliti perkembangan yang berlaku dan akau mengkaji cadangan-cadangan yang dikemukakan. Walau bagaimanapun, Jabatan Perkhidmatan Haiwan hanya menggalakkan pemeliharaan babi tempatan sahaja. Di samping itu, pihak Jabatan Perkhidmatan Haiwan juga terpaksa memberi perhatian serta akan mengambil tindakan bagi mengelakkan pencemaran alam sekitar.

Berhubung dengan masalah lanun yang mengganggu nelayan-nelayan di perairan Sabah khususnya di Lahad Datu dan Semporna yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Pandikar Amin bin Haji Mulia, sukacita dimaklumkan bahawa langkah-langkah telah dan sedang diambil untuk merapatkan kawalan di kawasan perairan tersebut.

Pihak Kerajaan memberi jaminan bahawa orang ramai termasuk nelayan-nelayan tidak perlu bimbang kerana langkah-langkah kawalan keselamatan yang ketat telah diambil. Dalam hubungan ini, para nelayan diseru memberikan laporan segera kepada pihak berkuasa bagi membolehkan tindakan serta merta diambil. Untuk makluman Yang

Berhormat, daripada maklumat terakhir yang diterima, menunjukkan keadaannya terkawal.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pertanian mengucapkan ber-banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan teguran terhadap Kementerian Pertanian. Terlma k.isih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk memberikan jawapan. Dipersilakan.

#### **6.24 ptg.**

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Amar Stephen Yoog Kuet Tze]:** Tuan Yang di-Pertua, semasa perbahasan ke atas Titah Ucapan Di-Raja di Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim telah membangkitkan soal penyelidikan dan pembangunan sains dan teknologi serta taman teknologi. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator di atas minat beliau di dalam perkara sains dan teknologi dan saya bersetuju ia inilah satu alat yang penting bagi mewujudkan satu masyarakat yang moden di Malaysia. Tambahan lagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan atau (R & D) merupakan teras kepada perabangunan industri dan seterusnya kepada kestabilan ekonomi.

Berkenaan dengan soal penubuhan taman teknologi atau technology park, dengan izin, sukacita saya memaklumkan bahawa technology park ini akan ditempatkan di Bandar Tun Abdul Razak di atas sebidang tanah seluas 50 ekar. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah \$20

juta di bawah Rancangan Malaysia Kelima kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bagi melaksanakan projek Taman Teknologi. Bagi tahun ini sejumlah \$4.1 juta telah diperuntukkan bagi maksud Pembangunan dan Mengurus,

Pada masa kini usaha sedang dijalankan untuk menyediakan pelan induk bagi Taman Teknologi. Sementara itu sebanyak 10 unit: rumah kedai telah disewa daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk maksud unit-unit incubator sementara. Setakat ini sebanyak 4 buah syarikat telah menunjukkan minat serta memohon untuk menyertai program di unit-unit incubator itu. Syarikat-syarikat tersebut akan menjalankan aktiviti-aktiviti R & D mengikut matlamat Taman Teknologi yang sedang diusahakan. Dengan adanya sebuah Taman Teknologi itu para saintis dan syarikat-syarikat tempatan akan menumpukan usaha mereka ke arah teknologi baru dan tinggi supaya kemajuan sains dan teknologi di negara kita mencapai tahap yang boleh dibanggakan serta dapat membawa kesan yang berfaedah kepada rakyat dan negara. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Pendidikan memberikan jawapan. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

**6.27 ptg.**

**Menteri Pendidikan [Tuan Anwar bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan penghargaan setinggi-tingginya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, teguran dan cadangan bagi meningkatkan serta memperbaiki prestasi Kementerian Pendidikan seterusnya.

Yang Berhormat Senator G. Rajoo membangkitkan soal pembekalan guru bahasa Tamil yang cukup untuk program KBSM.

Saya ingin menjelaskan bahawa bilangan setakat ini adalah mencukupi dan langkah-langkah yang diambil segera ialah untuk memastikan agar guru-guru yang mengajar bahasa Tamil itu dilatih dengan secukupnya dan dengan cara yang menjamin agar pengambilan pelatih option pengajian Tamil ke Maktab-maktab Perguruan diganda bagi tahun-tahun berikutnya.

Beliau juga mencadangkan supaya red tape, dengan izin, dalam menubuhkan kelas bahasa Tamil dipermudahkan. Perlu diberikan penjelasan di, Hai, bahawa kita masih terikat dengan peruntukan Akta Pelajaran, 1961 yang menuntut bahawa kelas-kelas ini, Bahasa Tamil dan bahasa Cina boleh diwujudkan sekiranya ada permintaan daripada 15 orang ibubapa. Bukanlah maksud Kementerian untuk mempersulitkannya. Namun dalam program KBSM bahasa Cina dan bahasa Tamil akan diadakan mengikut jadual yang ditetapkan.

Senator G. Rajoo juga telah meminta supaya perlantikan Penyelia Sekolah Tamil di Perak dibatalkan atas alasan beliau tidak mempunyai kelayakan. Setakat yang difahamkan beliau sebenarnya mempunyai kelulusan bahasa Tamil di peringkat School Certificate dan kita anggar kelayakan ini adalah mencukupi. Lagi pun tiap-tiap kerja yang ditugaskan itu tidak terletak hanya kepada seorang tetapi dibantu oleh satu pasukan di bawah Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri .

Beliau juga membuat teguran kerana terdapat guru India dari Sekolah Inggeris yang tidak mempunyai pendidikan bahasa Tamil dinaikkan pangkat menjadi guru besar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil. Tuduhan ini adalah tidak benar kerana semua guru yang dinaikkan pangkat walaupun tidak dari aliran Tamil tetapi mereka mempunyai kelayakan bahasa Tamil di peringkat SRP, SPM, STPM dan Kementerian Pendidikan merasakan kelayakan ini adalah mencukupi.

Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay meminta Kementerian supaya tapak sekolah SRJK(C) Bachang diwujudkan. Perlu dijelaskan bahawa SRJK(C) Bachang adalah sekolah bantuan bukan milik Kerajaan dan oleh demikian perkara tapak sekolah adalah di bawah urusan Lembaga Pengurus Sekolah dan tuan tanah. Permohonan oleh pihak sekolah boleh dipertimbangkan mengikut keupayaan Kementerian dan Kerajaan.

Yang Berhormat Pandikar Amin Haji Mulia meminta supaya masalah guru besar yang sudah lama berkhidmat dan berpengalaman dan tidak dinaikkan pangkat diselesaikan .

Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberikan jaminan bahawa guru-guru besar yang mempunyai pengalaman tetapi tidak menunjukkan prestasi yang cukup baik akan tetap diberikan pertimbangan khas kerana pengalaman mereka dan dedikasi mereka tetapi peraturan dari segi Skim Perkhidmatan sekarang tidaklah boleh dilonggarkan kerana kita juga memikirkan kepentingan pelajar-pelajar keseluruhannya. Saya ingin memberi jaminan bahawa pertimbangan pengalaman dan umur diberikan walaupun tidak merupakan suatu kriteria atau ukuran yang mutlak.

Beliau juga telah meminta supaya perpustakaan diadakan di semua sekolah. Memang selama ini lebih-lebih lagi sejak tahun 1973 semua

sekolah rendah dan menengah baru diberikan kemudahan bilik dan ruang untuk perpustakaan. Walaupun ini dianggap belum cukup memuaskan tetapi boleh diatasi dari peringkat ke peringkat.

Yang Berhormat Senator Haji Nasir berpendapat pendidikan pra sekolah sekarang ini tidak terkawal. Sebenarnya, kenyataan ini adalah benar kerana dalam sistem sekarang ini pendidikan pra sekolah tidak termasuk dalam sistem pendidikan statutory atau sistem pendidikan biasa mengikut Akta Pelajaran 1961. Kerajaan sedang menimbang untuk memastikan agar diperkenalkan pindaan kepada Akta yang memperuntukkan suatu bab atau peruntukan mengenai pra sekolah agar dapat diawasi pendaftaran dan mutu pra sekolah tersebut.

Yang Berhormat Senator Tan Chai Ho meminta supaya pengambilan guru-guru pelatih ditambah. Pengambilan sebenarnya telahpun ditambah berlibat kali ganda. Sebagai contoh pada tahun 1984, 3,588 orang guru pelatih diambil di peringkat rendah. Pengambilan tahun 1987 ialah 8,174 orang.

Yang Berhormat Senator Valli Muthusamy melahirkan rasa tidak puas hati terbadap mutu pengajaran Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Tamil dan oleh demikian beliau mencadangkan agar waktu pengajaran Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah tersebut ditambah. Kementerian sedang menimbangkan cadangan ini. Walau bagaimanapun, satu penguasaan Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) meningkat dari masa ke semasa. Ini adalah dengan langkah di antara lain dengan menempatkan guru yang layak dan sesuai dan mengadakan waktu dan kemudahan yang mencukupi. Tetapi eloklah kita tekankan bahawa di antara masalah yang dihadapi oleh Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) dan (Tamil ialah kerana Bahasa Malaysia tidak digunakan dengan lebih meluas dalam urusan sekolah

dalam ucapan-ucapan guru besar dan guru-guru dan juga dalam kegiatan yang melibatkan penyertaan PIBG, berbeza dengan apa yang dilakukan di sekolah-sekolah kebangsaan.

Yang Berhormat Senator Haji Abdul Majid Abdullah memberikan pandangan bahawa sistem KBSR telah mengakibatkan jurang di antara pelajar yang cerdas dan kurang itu agak kian melebar. Walaupun saya tidak mahu mempertikaikan pendapat Yang Berhormat tetapi semua kajian dilakukan sama ada di Kementerian ataupun kajian bebas yang dilakukan oleh Universiti Sains Malaysia melaporkan di sebaliknya, bahawa sistem KBSR secara umum, purata telah melahirkan pelajar-pelajar yang lebih baik dari segi penguasaan bahasa, kecerdasan membaca, menulis dan mengira, melainkan Yang Berhormat memberikan laporan yang lain bolehlah kita kaji dan teliti..

Yang Berhormat juga telah mencadangkan agar lagu Setia itu dinyanyikan di sekolah. Sebenarnya, sekolah ini banyak sekali lagu-lagu Setia dan ada yang melahirkan bimbang kerana terlampau banyak lagu yang dinyanyikan. Setakat ini lagu Setia adalah di antara lagu yang popular di sekolah-sekolah. Kita tidak berhajat untuk membuat arahan kerana secara spontan anak-anak dan guru-guru cenderung menyanyi lagu Setia, cuma sebahagian dari kita sahaja belum menghafalnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator R.M. Jasni telah membangkitkan mengenai program gerakan Cintailah Bahasa Kita dan pelaksanaan dasar pendidikan Kebangsaan yang akan diberikan pertimbangan dan penelitian oleh pihak Kementerian. Tetapi mengenai cadangan beliau supaya bahasa Inggeris yang disebut comprehension

English, dengan izin, dan tidak English untuk komunikasi diperkenalkan di sekolah, saya ingin menjelaskan bahawa Kementerian kurang bersetuju kerana pada hemat kita sekiranya bahasa Inggeris diperkenalkan, yang kita tekankan ialah kedua-duanya sekali agar pelajar menguasai bahasa dan mampu bertutur dengan baik dalam bahasa Inggeris. Tidak ada sebab mengapa anak-anak kita setelah diperkenalkan bahasa Inggeris sejak peringkat rendah sehingga menengah tidak dapat menguasai bahasa itu dengan baik.

Yang Berhormat Senator Tan Chai Ho melahirkan rasa bimbang beliau kerana polarisasi kaum yang berlaku, termasuk di sekolah. Sebarang langkah yang positif telah diambil oleh Jabatan Pendidikan Daerah dan Negeri termasuk mengadakan program interaksi, kesukanan, kebudayaan, pendidikan di antara sekolah pelbagai jenis dan saya harap pihak Lembaga Pengurus Sekolah masing-masing dan PIBG memberikan sokongan terhadap usaha-usaha tersebut.

Yang Berhormat Senator Haji Shanarom Maasom ingin mengetahui sama ada benar politeknik di Batu Pahat itu sudah retak setelah digunakan setahun. Memang kenyataan beliau itu benar, bangunan itu aspek retak walaupun mengikut laporan jurutera JKR tidak merbahaya, namun Kementerian Pendidikan mengambil keputusan meminta supaya semua pelajar politeknik meninggalkan bangunan tersebut sehingga kerja-kerja pembaikan dilakukan.

Beliau juga menimbulkan soal siswazah menganggur dan merasa hairan bagaimana siswazah yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan keadaan sungguhpun mereka ini telah mendapat pendidikan tinggi.

Soalnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah pendidikan diberikan. Kalau dia belajar major dalam fizik kemudian mahu menjadi peniaga, ini tidak semudah sekiranya beliau belajar bidang perniagaan, bahkan kalau pun dia menuntut dalam bidang perniagaan, modal tidak ada ataupun kemudahan dan peluang tidak ada, masih seseorang siswazah itu menghadapi masalah. Kalau seseorang itu terlatih dalam bidang sains dan pendidikan sekiranya kita tidak memberikan peluang menjadi guru, sikap untuk mereka melibatkan diri dalam bidang-bidang yang lain.

Walau bagaimanapun, elok saya jelaskan bahawa ramai siswazah sains yang menjadi petani, ramai siswazah sains yang menjadi peniaga kecil dan dengan ilmu yang mereka perolehi sehingga ke peringkat universiti itu telah membolehkan mereka lebih gigih dalam bidang yang mereka terokai.

Saya ingin sekali lagi mengulangi kenyataan saya untuk melahirkan rasa bangga kerana teguran yang bernas yang disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri untuk menjawab, dipersilakan.

6.41 ptg.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Luar Negeri semasa perbahasan di atas Titah Ucapan Di Raja oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh saranan Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar Lajim, saya ingin merakamkan terima kasih di atas syor dan cadangan yang dikemukakan oleh beliau. Kementerian Luar Negeri telah mengambil makluman syor-syor yang dikemukakan dan saya ingin menyatakan di sini bahawa adalah menjadi dasar luar kita menggerakkan hubungan luar bagi mempertingkatkan aktiviti-aktiviti ekonomi yang lebih pesat di negara ini. Dalam hubungan ini, Pegawai-pegawai Kementerian Luar Negeri yang bertugas di seberang laut sememangnya dilengkapi dengan maklumat-maklumat, arahan-arahan serta garis-panduan dalam usaha memperhebatkan hubungan-hubungan yang dapat

membantu mempergiatkan aktiviti-aktiviti ekonomi negara kita.

Koordinasi antara Jabatan-jabatan dan Kementerian-kementerian untuk menyelaraskan peningkatan aktiviti ekonomi juga telah dilaksanakan dengan berkesan melalui mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Ekonomi yang sedia ada. Kementerian juga menghantar beberapa pegawai untuk menjalani kursus panjang dan pendek di dalam dan di luar negeri dalam bidang ekonomi untuk menambah lagi prestasi kerja-kerja mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhonnat Tuan Haji Abu Bakar Lajim juga membuat teguran mengenai kerjasama ekonomi ASEAN. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ASEAN sentiasa sedar dan sensitif terhadap iklim ekonomi dunia, terutamanya mengenai ancaman dasar perlindungan perdagangan (protectionism) yang diamalkan oleh segelintir negara-negara maju. Dalam konteks ini ASEAN memang mempunyai garis panduan yang digubal khas untuk menghadapi implikasi-implikasi yang timbul akibat daripada keadaan semasa ekonomi dunia masa kini.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh ASEAN untuk mengasasi masalah pertumbuhan ekonomi dunia yang lembab ini ialah untuk menggalakkan peningkatan perdagangan di kalangan negara-negara anggota ASEAN sendiri. Sehubungan dengan ini, Ketua-ketua Kerajaan ASEAN dalam Sidang Kemuncak mereka di Manila, Disember tahun sudah telah membuat keputusan berkenaan beberapa langkah dan pendekatan tertentu yang perlu terus diambil oleh ASEAN, umpamanya untuk menurunkan lagi kadar tarif dan cukai ke atas barangan ASEAN yang didagangkan melalui skim PTA ASEAN. Selain daripada itu, ASEAN juga mempunyai perjanjian untuk meningkatkan aliran pelaburan di antara

negara-negara ASEAN dan dari negara-negara luar negara-negara ASEAN.

Selain daripada tindakan-tindakan ini, ASEAN juga telah mengambil pendirian yang tegas untuk menentang mana-mana isu yang mengancam kepentingan ekonomi dan perdagangan ASEAN. Umpamanya, ASEAN telahpun pada akhir tahun sudah mengamhilitindakan dari pendirian bersama menghantarkan satu rombongan peringkat Menteri-menteri untuk menentang cadangan negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah untuk menaikkan cukai minyak makan sayuran dan lelemak yang akan menjejaskan pasaran minyak kelapa sawit dan minyak sayur-sayuran daripada negara-negara ASEAN. Penentangan ASEAN ini telah mendapat perhatian dan sokongan beberapa negara Kesatuan Ekonomi Eropah dan ASEAN akau terus memberikan perhatian berat perkembangan berkenaan dengan perkara ini.

Menyentuh tentang teguran Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King, saya ingin memaklumkan bahawasanya Malaysia semenangnya mengamalkan dasar luar yang bebas dan terbuka kepada pergerakan peniaga-peniaga, bukan sahaja dengan negara-negara yang mana Malaysia telah menandatangani perjanjian perdagangan malahan juga dengan setengah-setengah negara di mana kita belum lagi menandatangani sebarang perjanjian perdagangan. Walau bagaimanapun, dalam usaha mempertingkatkan hubungan perdagangan dengan negara-negara luar, Malaysia juga harus menitikberatkan soal keselamatan negara ini dan dengan yang demikian harus juga berhati-hati dalam pergerakan keluar masuk rakyat asing ke negara ini dan juga pergerakan keluar masuk rakyat kita ke negara-negara luar. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, soal keselamatan dan kestabilan negara adalah merupakan faktor yang paling penting bagi menjamin kemantapan ekonomi dan aktiviti yang bersabit dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator C. Krishnan menyarankan supaya Malaysia menggiatkan usahanya untuk menduduki kerusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk meningkatkan lagi imej Malaysia di mata dunia. Ingin saya maklumkan bahasawanya Kementerian Luar Negeri telah dan sedang mempertingkatkan usaha bagi memastikan Malaysia berjaya menduduki kerusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangaa Bersatu bagi penggal 1989 hingga 1990. Malaysia ketika ini sedang giat melobi untuk mendapatkan sokongan negara-negara anggota, khususnya negara-negara Asia.

Usaha melobi sokongan ini akan berterusan sehingga kepada tarikh pemilihan yang bakal di.adakan semasa Persidangan Agung PBB yang ke-43 pada bulan September ini. Ini adalah kerana kebanyakan negara-negara akan hanya membuat keputusan mereka pada saat-saat terakhir. Berdasarkan kepada sokongan-sokongan yang telah diterima dan ramalan sokongan yang bakal juga diterima, Malaysia mempunyai harapan yang baik untuk memenangi kerusi tersebut.

Ahli Yang Berhormat tersebut juga telah menyarankan supaya Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dijemput menghadiri Mesyuarat Antartika. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, resolusi berhubung dengan Antartika telah diterima dengan undi yang majoriti oleh sesi yang ke-42 Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu. Resolusi ini dikemukakan oleh Malaysia dan dianjurkan bersama oleh 15 negara lain. Walaupun Malaysia tidak berjaya dalam usaha mencapai satu resolusi kata sepakat ataupun 'consensus', dengan izin, Malaysia telah mengambil satu langkah yang positif dalam usaha kita untuk mengadakan penglibatan antarabangsa dalam sistem perjanjian Antartika. Penglibatan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-

bangsa Bersatu atau wakilnya dalam perundingan-perundingan ahli-ahli perjanjian Antartika akan secara tidak langsung menentukan penyertaan masyarakat antarabangsa dan dengan demikian mencapai matlamat dasar kita dalam soal ini. Malaysia akan terus berusaha dengan mengadakan rundingan-rundingan dua hala dengan negara-negara perjanjian Antartika supaya satu penyelesaian kata sepakat, dengan izin, 'consensus solution' akan dapat dicapai di sesi ke-43 pada tahun ini .

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahu Bakar Lajim dan Yang Berhormat Senator Hassan Nam telah menyentuh tentang perjuangan rakyat Palestin. Ingin saya maklumkan bahawasanya dasar dan sokongan Kerajaan Malaysia terhadap perjuangan rakyat Palestin adalah tidak berubah. Dalam hubungan ini Kerajaan sentiasa berpendirian tegas menentang sekeras-kerasnya tindakan Regim yang zalim Tel Aviv terhadap rakyat Palestin serta perbuatan-perbuatan jenayah dan pengkhianatan yang terus-menerus dilakukan oleh regim tersebut bagi menghalang hasrat murni rakyat Palestin menubuhkan sebuah negara yang merdeka. Selaras dengan pendirian ini Kerajaan menyokong ketetapan-ketetapan yang dibuat oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Pertubuhan Negara-negara Islam dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali mengenai soal Palestin yang antara lain mengiktiraf sepenuhnya hak sejagat rakyat Palestin mendapatkan sebuah negara yang merdeka serta menentukan untung nasib mereka, di samping menyeru regim zionis supaya berundur dari wilayah-wilayah Arab yang didudukinya itu. Sokongan Kerajaan ke atas perjuangan murni rakyat Palestin ini bukanlah setakat berbentuk diplomatik sahaja sehingga ke peringkat ini, malah di dalam bentuk-bentuk yang lain juga.

Dalam hubungan ini Malaysia adalah di antara negara-negara yang terulung di rantau ini yang telah membenarkan pejabat perwakilan PLO ditubuhkan. Malaysia juga menikmati profile yang tinggi di kalangan negara Islam dari segi memberikan kemudahan-kemudahan diplomatik kepada perjuangan PLO di negara ini, selaras dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan kepada perwakilan negara-negara lain berdasarkan pengiktiratan Kerajaan terhadap PLO sebagai wakil tunggal yang mutlak bagi rakyat Palestin.

Sehubungan dengan ini, Kerajaan juga telahpun menubuhkan Tabung rakyat Palestin bagi membolehkan bantuan kewangan diberikan kepada PLO. Hasrat Kerajaan supaya rakyat Malaysia dari segenap lapisan masyarakat turut serta memainkan peranan bersama Kerajaan membantu rakyat Palestin tersebut dengan memberi sokongan ke atas Tabung Rakyat Palestin tersebut adalah pada umumnya tercapai. Hasil sambutan menggalakkan dari semua pihak Tabung ini telahpun berjaya mengumpulkan derma lebih dari \$350,000 sehingga ke peringkat ini. Kerajaan telahpun menyampaikan sumbangan kewangan berjumlah US\$70,000 kepada PLO sehingga ini dan Kerajaan berharap akan menyampaikan bantuan kewangan **ini lagi** dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, kita memandang berat serta amat terharu di atas keadaan yang sedang berlaku di Tebing Barat Sungai Jordan dan Semenanjung Gaza yang sehingga kini telahpun mengorbankan tidak kurang dari 113 jiwa rakyat Palestin. Kerajaan berpendapat keadaan ini mungkin menjadi bertambah buruk jika dibiarkan berlarutan tanpa adanya usaha-usaha antarabangsa yang positif. Dalam hal **ini**, Kerajaan berharap usaha damai terbaharu yang dicadangkan oleh Amerika Syarikat tersebut berupaya membuka peluang ke arah penyelesaian yang adil dan berkekal terhadap percukaian di Timur

Tengah khususnya mengenai soal Palestin.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja yang dapat saya jawab terhadap perkara-perkara dan pandangan-pandangan yang telahpun dibuat berkaitan dengan isu-isu dasar luar negeri kita. Saya ingin meucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Senator-senator yang telah berucap mengenai perkara-perkara berkaitan dengan Kementerian saya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Kesihatan menjawab.

**6.54 ptg.**

**Menteri Kesihatan [Dato' Chao Siang Sun):** Tuau Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran-teguran di dalam perbahasan ke atas Usul Ucapan Menjunjung Kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung yang berkaitan dengan Kementerian Kesihatan.

Tedapat beberapa teguran yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said. Beliau menyentuh tentang dasar matlamat negara untuk menambah penduduk kepada 70 juta, dalam mana Kementerian Kesihatan diminta menjalankan pemeriksaan kesihatan ke atas ibu-ibu untuk meningkatkan kesihatan mereka, keluarga dan seterusnya penduduk negara ini. Kementerian Kesihatan sudah pun menyediakan satu perkhidmatan khusus untuk jagaan ibu-ibu, anak-anak serta ahli-ahli keluarga mereka. Program kesihatan keluarga ini adalah merupakan program yang terbesar di dalam program perkhidmatan kesihatan dengan menggunakan lebih kurang 3/4 daripada jumlah tenaga pekerja kesihatan luar bandar. Pada masa kini dengan kemudahan yang sedia ada lebih dari 80% ibu-ibu mengandung menerima jagaan kesihatan melalui rancangan ini dan bakinya menerima jagaan melalui hospital kerajaan atau swasta.

Kementerian Kesihatan akan terus menjalan dan meningkatkan perkhidmatan kesihatan bagi ibu-ibu serta bagi ahli keluarga mereka selaras dengan matlamat negara untuk mencapai penduduk seramai 70 juta. Walau bagaimanapun, perlulah ditegaskan bahawa selaras dengan kalangan ibu-ibu yang semakin meningkat dan untuk mempertingkatkan mutu jagaan kesihatan, sumber-sumber tambahan adalah diperlukan daripada Kerajaan termasuk meningkatkan tenaga pekerja kesihatan untuk Rancangan Kesihatan Keluarga serta peruntukan yang diperlukan untuk membolehkan mereka menyediakan perkhidmatan secara berkesan.

Ahli Yang Berhormat juga telah menyentuh tentang kepentingan kesihatan wanita-wanita luar bandar dan mengharapkan Kementerian Kesihatan mendirikan lebih banyak hospital di negeri-negeri yang kekurangan wad-wad bersalin, terutamanya di negeri Melaka di mana dikatakan terdapat aduau-aduan wanita muda luar bandar menghadapi masalah kekurangan wad bersalin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat

Kementerian Kesihatan sentiasa memberikan perhatian untuk meningkatkan lagi perkhidmatan di hospital-hospital termasuklah wad-wad bersalin. Sekiranya pengubahsuaian tidak dapat dijalankan, maka 'low risk centre' dengan izin, juga akan didirikan untuk mengurangkan kesesakan di wad-wad. Bagi negeri Melaka, keadaan di Hospital Besar Melaka adalah memuaskan kerana pengisiannya hanya 70% - 75% sahaja. Jika keadaan kewangan mengizinkan Kementerian Kesihatan juga bercadang untuk mendirikan sebuah hospital daerah di Alor Gajah dan juga Jasin.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soal gaji, elaun dan kemudahan kenaikan paagak doktor-doktor. Kementerian Kesihatan diminta mengkaji kemudahan-kemudahan perkhidmatan doktor-doktor supaya mereka tidak lari ke pihak swasta untuk mendapatkan

pendapatan yang lebih atau 'greener pasture', dengan izin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan sentiasa menggalakkan doktor-doktor untuk berkhidmat dengan Kerajaan. Untuk tujuan ini beberapa langkah telah dan sedang diambil oleh Kementerian ini yang mana termasuklah mengadakan skim latihan di dalam dan luar negeri bagi kursus-kuaus ijazah lanjutan dan latihan dalam perkhidmatan untuk meningkatkan prestasi dan kemahiran dokto-doktor. Di samping itu, Kementerian juga telah mengadakan beberapa insentif secara kenaikan pangkat dan lain-lain kemudahan semasa bekerja untuk meaggalakkan mereka terus kekal di dalam perkhidmatan Kerajaan.

Seterusnya terdapat teguran daripada Ahli Yang Berhormat Senator Puan Ainon Ariffin, cadangan beliau supaya Kementerian Kesihatan membeli alat-alat pengesan barah buah dada dan alat penyakit buah pinggang itu memanglah" dipersetujui oleh Kementerian Kesihatan dan teiahpun merancang untuk membeli sebuah alat pengesan barah buah dada untuk Hospital Besar Kuala Lumpur. Alat ini dijangka dapat digunakan sebelum penghujung tahun 1989. Mengenai penyakit buah pinggang pula, pada masa ini di Hospital Besar Kuala Lumpur telah ada sebanyak 36 buah mesin haemodialysis yang digunakan untuk merawat penyakit tersebut.

Akhir sekali bagi menjawab teguran dari Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah, dimaklumkan bahawa buat masa ini Kementerian Kesihatan tidak ada rancangan menaikkan taraf Pusat Kesihatan Kecil Bukit Besar, Kota Tinggi kepada Pusat

Kesihatan Besar kerana Pusat Kesihatan Kecil ini adalah mencukupi bagi menampung keperluan penduduk-penduduk serta beban kerja yang ada di kawasan operasinya. Pusat Kesihatan Kecil ini hanya 12 kilometer dari Pusat Kesihatan Bandar Tenggara yang baru sahaja dibuka pada tahun 1987. Pusat Kesihatan ini mempunyai jalan raya yang memuakan serta menyediakan perkhidmatan yang lebih luas dan menyeluruh. Walau bagaimanapun, keperluan bagi menaikkan taraf akan dikaji dari masa ke semasa apabila bilang. itu kes-kes dan kedatangan meningkat di masa akan datang.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh untuk memberi jawapan.

**7.00 mlm.**

**Timbalan Menteri Buruh [Tuan Kalakau Untol]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh sedikit sebanyak mengenai isu-isu di bawah Kementerian Buruh yang mana pernah dibangkitkan di dalam sidang Dewan Negara yang lepas. Kebanyakan perkara itu telahpun dijawab dalam sidang yang lepas serta pada masa Soal-Jawab di Dewan yang mulia ini.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk menekankan sekali lagi bahawa Kerajaan tidak mengabaikan kebajikan pekerja-pekerja ladang atau lombong-lombong seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan G. Rajoo dan Yang Berhormat Senator Tuan C. Krishnan. Untuk makluman, keperluan kemudahan-kemudahan asas bagi pekerja-pekerja di kedua-dua tempat kerja ini adalah diawasi di bawah Akta Piawaian Minima (Perumahan Pekerja) 1966.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan menguatkuasakan Akta tersebut, Kementerian Buruh melalui pegawai-pegawainya yang menjalankan pemeriksaan berkanun sedaya-upaya terhadap tempat-tempat pekerjaan termasuk tempat-tempat pekerjaan di sektor ladang dan lombong. Dari pemeriksaan yang dijalankan, didapati bahawa pada amnya keadaan kemudahan asas pekerja-pekerja di sektor ladang dan lombong boleh dikatakan memuaskan. Kebanyakaa ladang dan lombong adalah menyedia-kan kemudahan-kemudahan yang memuaskan. Namun demikian, tidak di-nafikan bahawa terdapat sebilangaa kecil majikan-majikan ladang yang memberi kemudahan kecil yang kurang baik kepada pekerja-pekerjanya terutama sekali majikan-majikan ladang yang kecil dan terpencil. Di mana dan apabila dikesan wujudnya keadaan yang kurang baik itu, Kementerian Buruh akan bertindak membaiki keadaan tersebut.

Kementerian Buruh juga sedang menggalakkan majikan-majikan ladang dan lombong supaya meningkatkan lagi mutu perumahan dan kemudahan yang disediakan. Seperti yang telah diterangkan di dalam sidang Dewan Negara yang lepas, di bawah Skim Memiliki rumah Pekerja adalah dilaksanakan secara sukarela oleh majikan-majikan sebanyak 8 buah ladang dan sebuah lombong telah menyiapkan sejumlah 1,605 unit rumah. Sebanyak 14 buah skim lagi di ladang-ladang dan 5 buah skim lagi di lombong-lombong sedang di dalam berbagai peringkat pelaksanaan. Adalah dianggarkan sejumlah 7,893 unit rumah di ladang-ladang dan 1,954 unit di lombong-lombong akan dibina di bawah skim-skim ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dijelaskan di sidang Dewan Negara yang lepas, Kerajaan memang peka terhadap hasrat pekerja-pekerja untuk memiliki rumah sendiri. Oleh itu, sejak tahun 1973 Kerajaan menggalakkan Skim Pemilikan Rumah Pekerja di ladang-ladang dan lombong. Selain daripada itu, Kerajaan telah menggalakkan pembinaan rumah-rumah kos rendah di bandar dan juga luar bandar. Para pekerja ladang adalah bebas untuk memohon rumah-rumah tersebut.

Sebagai langkah bagi membantu pekerja-pekerja untuk membeli rumah, Kerajaan telah juga meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi membolehkan mereka mengeluarkan sebahagian daripada caruman mereka bagi tujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan terus mengawasi keadaan kebajikan pekerja-pekerja di ladang-ladang dan lombong dan akan terus berusaha sedaya-upaya untuk mempertingkatkan lagi tahap kebajikan mereka. Sehubungan dengan ini, Kementerian Buruh akan terus merancang kegiatan-kegiatan pemeriksaan bagi memastikan kemudahan-kemudahan asas yang diwajibkan di bawah undang-undang ini ditadbir olehnya dan dipatuhi. Sekian,

**Tirabalan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan untuk memberi jawapan.

**7.04mlm.**

**Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Jaffrey]:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan terima kasih atas Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong beberapa Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini telah menyentuh beberapa perkara mengenai Kementerian Penerangan. Saya mohon izin untuk menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan itu secara am.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang pertama yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan G. Rajoo pada 28.3.1988 antara lain menegaskan bahawa Kempen Setia Bersama Rakyat atau SEMARAK perlu juga diadakan di kampung-kampung baru dan di Ladang-ladang di mana majoriti adalah kaum Cina dan India kerana pada masa ini SEMARAK ditumpukan di kampung-kampung di mana majoriti penduduk terdiri daripada kaum bumiputera sahaja. Ingin saya memaklumkan di sini bahawa kegiatan SEMARAK adalah untuk semua lapisan masyarakat Malaysia yang tidak mengira kaum atau keturunan dan juga tempat. Kegiatan SEMARAK akan diadakan di peringkat-peringkat Negeri dalam tahun ini dan di peringkat-peringkat Daerah di setiap negeri pada tahun hadapan, Siri ceramah-ceramah SEMARAK akan diberikan oleh Pegawai-pegawai Penerangan yang sedia terlatih.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said pada 29.3.1988 di antara lain telah menyentuh supaya Kementerian Penerangan meningkatkan penayangan filem-filem keluaran tempatan yang bermutu tinggi supaya dapat mewujudkan peluang pekerjaan di syarikat-syarikat filem tempatan. Bagi menjawab soalan ini, suka saya menegaskan bahawa Kementerian Penerangan sedang berusaha untuk

meningkatkan peratusan rancangan-rancangan tempatan siaran TV daripada 55% kepada 70% dalam tahun ini. Adalah diharapkan dengan peningkatan rancangan-rancangan tempatan, peluang pekerjaan di syarikat-syarikat filem tempatan juga akan dapat diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang di bangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid dari Johor pada 30.3.1988 yang di antara lain telah meminta supaya tanggagaji jawatan Operator Wayang Gambar dinaikkan, sehubungan dengan perkara tersebut Kementerian ini sedang menjalankan satu kajian tentang kenaikan taraf jawatan Operator Wayang Gambar. Kajian tersebut masih dalam peringkat awal lagi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang akhir sekali, saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan untuk memberi jawapan. Dipersilakan.

**7.08 mlm.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan**

**[Tuan Abdul Raman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang berminat ke atas hal ehwal Kementerian ini dan sudi memberi beberapa teguran dan pandangau untuk meningkatkan lagi prestasi Kementerian ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan beberapa pandangan dan persoalan yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.

Mengenai pandangan Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim bahawa ingatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda supaya industri pelancongan ini diberi penekanan adalah tepat sekali untuk menjadikannya industri utama negara. Saya mengucapkan ribuan terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini

melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan sedang berusaha untuk menyelaraskan perkembangan pembangunan pelancongan di negara ini. Berbagai strategi pemasaran juga diadakan untuk meningkatkan lagi bilangan pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Stephen Timothy Wan Ullok dari Sarawak dan Yang Berhormat Pandikar Amin bin Haji Mulia dari Sabah, mengenai mengadakan tambang kapal terbang yang murah dan juga memajukan pusat-pusat pelancongan yang terdapat di Sabah dan Sarawak, saya ingin memaklumkan bahawa satu Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengangkutan Udara telahpun dikendalikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan dan Pelancongan untuk mengkaji kemudahan-kemudahan pengangkutan udara di negara ini. Usaha-usaha sedang dijalankan untuk mencari kemungkinan bagaimana soal-soal seperti tambang MAS ini dapat diatasi.

Mengenai pandangan Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon, Yang Berhormat Tuan Lim Heng Tee dan Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin berhubung dengan kebudayaan iaitu supaya setiap ahli masyarakat di negara ini cuba memahami unsur-unsur kebudayaan kaum-kaum, dengan mencapai unsur-unsur tersebut secara lebih dekat, adalah merupakan satu pandangan yang baik ke arah perpaduan kaum. Sememangnya perpaduan kaum merupakan salah satu asas perabangunan negara. Kementrian ini sentiasa dari masa ke semasa mengatur program dan aktiviti dengan mengambil langkah-langkah yang sesuai, sama ada melalui penyelarasan antara agensi atau mengisi aktiviti-aktiviti kebudayaan ke arah memupuk kesedaran, kefahaman dan nilai-nilai perpaduan di kalangan kumpulan sasaran.

Nilai-nilai persamaan yang ditekankan meliputi kesetiaan, budaya kerja, budaya ilmu, budaya membaca, daya tahan, daya sains, hormat-menghormati, bersih, cekap, berdikari, memupuk semangat cintakan tanahair dan memahami semangat dan cita-cita Perlembagaan dan Rukunegara. Dengan kata lain, segala aktiviti Kementerian ini mengarah kepada kefahaman terhadap cita-cita Kebudayaan Kebangsaan yang mengatasi cita-cita budaya satu-satu kaum sahaja. Kesemua aktiviti-aktiviti ini adalah bertujuan memupuk kesedaran dan kefahaman terhadap kebudayaan bangsa Malaysia ini sendiri.

Persoalan kebudayaan adalah persoalan semua pihak, kerana bidang kebudayaan adalah luas, meliputi tanggungjawab terhadap bahasa dan sastera, tanggungjawab terhadap peraupukan nilai dan norma (resam), tanggungjawab terhadap pemupukau kesenian, tanggungjawab terhadap mengawal, kemasukan pengaruh-pengaruh media-massa yang negatif dan sebagainya. Jadi tanggungjawab kebudayaan terletak kepada bidangkuasa dan kuasa tertentu pada semua pihak dan pada semua peringkat baik di peringkat pusat, negeri, daerah ataupun di peringkat rakyat biasa. Tanggungjawab Ini hanya boleh dilaksanakan oleh semua rakyat di negara ini dengan kesedaran hidup bermasyarakat dan kefahaman terhadap nilai-nilai budaya, tanggungjawab terhadap kehidupan berbudaya yang seterusnya membawa kepada perpaduan kaum adalah terletak di bahu seciap ahli masyarakat.

Dasar Kebudayaan Kebangsaan telah digubal dalam tahun 1971 dengan matlamat utamanya adalah bagi mencapai perpaduan kaum. Kebudayaan Kebangsaan mengarah kepada pengekalan dan pengukuhan

keperibadian kebangsaan di samping mempertingkatkan kehidupan ke-nusiaan dan kerohanian. Kebudayaan melahirkan simbol keperibadian yang memancarkan identiti negara dan menjadi warisan bangsa. Oleh itu untuk meletakkan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa negara menghormati Lagu Kebangsaan, bendera Malaysia, Raja-Raja, Perlembagaan, Rukunegara dan lain-lain lambang kebesaran dan kemegahan negara akan menunjukkan wajah keperibadian negara kita dan menaankan semangat, cita-cita dan taat setia rakyat kepada negara, tanpa mengira kaum. Semua ini membantu usaha Kerajaan ke arah memupuk keamanan dan perpaduan serta membantu mempercepatkan lagi usaha mempertingkatkan pembangunan dan aspirasi negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat. Tuan Lim Heng Tee telah menyatakan bahawa penggunaan Bahasa Malaysia pada papantanda di pesta-pesta tidak meadatkan kebaikan kerana pelancong tidak memahami. Saya suka menjelaskan di sini bahawa kebanyakan tempat-tempat pelancongan memang sedia ada tanda-tanda dalam dua bahasa, iaitu Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di mana-mana di dunia ini, bahasa tempatan memang digunakan dalam papantanda-papantandadan ini tidak mendatangkan keburukan, malahan ianya dapat membantu pelancong-pelancong terutamanya pelancong tempatan disamping memenuhi dasar-dasar Kerajaan yang dipersetujui bersama.

Mengenai pandangan Yang Berhormat Tuan 'Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah, bahawa pengwujudan kelompok pondok nelayan yaag tidak tersusun' di Tanjoag Balau telah mencatatkan keindahan DESARU, Kementerian ini akan mengambil perhatian dan meneliti perkara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pihak KEJORA sedang dalam usaha membuat penempatan semula nelayan-nelayan. Difahamkan juga KEJORA bercadang mengadakan Muzium Nelayan setelah projek penempatan semula nelayan tersebut selesai.

Mengenai projek Tanjong Rungkup pula, memang menjadi hasrat Kerajaan untuk melibatkan penduduk-penduduk tempatan supaya mereka dapat menikmati faedah-faedah dasar Kerajaan mengenai industri pelancongan.

Berhubung dengan pandangan Ahli Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin supaya usaha meningkatkan industri pelancongan diperluaskan lagi ke seluruh dunia, sukalah saya nyatakan bahawa Kementerian memanglah sedang giat menjalankan usaha-usaha ini dengan peruntukan sebanyak \$ 100 juta yang diberikan kepada Kementerian. Usaha-usaha penggalakkan akan dapat dipesatkan lagi ke seluruh dunia bagi memperkenalkan negara di mata dunia dan seterusnya akan dapat menarik lebih, ramai lagi pelancong-pelancong ke negara ini. Dalam hal iai juga perhatian diberikan bagi meningkatkan lagi mutu pengurusan dan pentadbiran terutamanya di kalangan pegawai-pegawai PKPM (Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia), di mana mereka sentiasa diberi pendedahan kepada teknik-teknik baru dari segi promosi pelancongan iaitu melalui kursus, seminar, persidangan dan bengkel-bengkel yang dianjurkan sama ada di dalam atau di luar negeri bagi mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan pegawai-pegawai berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran dan pandangan yang membina berhubung dengan bidang tugas Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Semua teguran ini akan diambil perhatian dan akan diberi pertimbangan yang sewajarnya dalam merancang strategi dan program-program kebudayaan dan pelancongan Kementerian ini. Sekian, Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul seperti nama Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim disetujui.

Usul dikemukakan diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti dipersembahkan Kebawah Duli, Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dari menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Ketujuh."

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya tangguhkan Dewan yang mulia ini hingga jam 3.00 petang hari esok, Jumaat, 1hb April, 1988.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 7.18 malam.**